



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**NEGERI PERLIS  
TAHUN 2004**



**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI PERLIS  
TAHUN 2004

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## **KANDUNGAN**

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KANDUNGAN</b>	i
<b><u>KATA PENDAHULUAN</u></b>	iii
<b><u>INTI SARI LAPORAN</u></b>	vi
<b><u>BAHAGIAN I : PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	1
<u>Pengesahan Penyata Akaun Awam</u>	2
<u>Analisis Terhadap Penyata Akaun Awam</u>	2
<u>Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8</u>	16
<u>Rumusan Dan Syor Audit</u>	18
<b><u>BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	19
<u>Perbendaharaan Negeri</u>	20
<u>Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan</u>	38
<u>Program Penampilan Audit</u>	44
<u>Program Anak Angkat</u>	47
<b><u>BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	51
Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis	
<u>Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan</u>	51

PERKARA	MUKA SURAT
<b><u>BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>81</u>
<u>Pengauditan Penyata Kewangan</u>	<u>81</u>
<u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan</u>	<u>81</u>
<u>Persijilan Penyata Kewangan</u>	<u>82</u>
<u>Pembentangan Penyata Kewangan</u>	<u>83</u>
<u>Prestasi Kewangan</u>	<u>85</u>
<u>Yayasan Islam Perlis</u>	
<u>Pengurusan Sekolah Rendah Islam</u>	<u>89</u>
<b><u>BAHAGIAN V : PERKARA AM</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>115</u>
<u>Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan</u>	
Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003	<u>115</u>
<u>Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan</u>	
Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	<u>117</u>
<u>Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai</u>	
Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan	<u>120</u>
<u>Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri</u>	<u>120</u>
<b><u>PENUTUP</u></b>	<u>122</u>
<b><u>LAMPIRAN</u></b>	
I <u>Sijil Ketua Audit Negara</u>	<u>123</u>
II <u>Ringkasan Penyata Akaun Awam</u>	<u>124</u>

## **KATA PENDAHULUAN**

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

**1.3 Pengauditan Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2004 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2004 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2004, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di 18 pusat tanggungjawab bagi 15 Jabatan. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 2 Jabatan Negeri dan 2 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan pengurusan bahan batuan dan Sekolah Rendah Islam.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2003 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri pada tahun 2004 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agenzi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, penyeliaan yang kurang rapi dan ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.
5. Pada pandangan saya, prestasi kewangan dan pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **KASIH** iaitu:
  - a) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Pembelajaran dan latihan berterusan perlu dilaksanakan.
  - b) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
  - c) **SKILL** - Setiap pegawai/kakitangan memerlukan kecekapan yang dapat mengoptimumkan penggunaan aset dan meminimumkan tanggungan liabiliti. Ia terhasil melalui latihan dan disiplin yang berpanjangan.
  - d) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh minat dan dedikasi.
  - e) **HONESTY** - Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tanggungjawab secara jujur dan amanah. Ketelusan yang diamalkan dan ditunjukkan akan memastikan kejayaan pengurusan.
6. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agenzi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

**6.1 Program Anak Angkat** - Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat mulai tahun 2003. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*'fault finder'*' - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*'developmental'*'. Melalui program ini, beberapa pejabat telah diberi bimbingan dan nasihat bagi membaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Pada tahun 2004, dua Jabatan/Agenzi Negeri telah dijadikan 'Anak Angkat'. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

**6.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan** - Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agenzi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian


pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

7. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

- Bahagian I** : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004
- Bahagian II** : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri
- Bahagian III** : Aktiviti Jabatan Dan Kajian Khas
- Bahagian IV** : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan
- Bahagian V** : Perkara Am

8. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuhnya komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

  
(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya  
20 Julai 2005

## ***INTI SARI LAPORAN***

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 2004 telah dapat disahkan kerana semua butiran Lembaran Imbangian dan juga Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Pada tahun 2004 Akaun Hasil Disatukan telah mengalami penurunan defisit sejumlah RM14 juta menjadikan defisit terkumpul berjumlah RM115.52 juta. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah tidak kukuh di mana aset berjumlah RM17.87 juta tidak dapat menampung tanggungan berjumlah RM105.86 juta.

### **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

2. Tahap Pengurusan Kewangan di dua Jabatan Negeri iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis memuaskan disebabkan beberapa peraturan berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/deposit dan pengurusan aset masih tidak dipatuhi. Rekod perakaunan yang berkaitan juga tidak diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini. Keadaan ini berlaku akibat kelemahan kawalan dalaman serta kekurangan latihan dan bimbingan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

### **BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

#### **Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis - Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan**

3. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan pengeluaran bahan batuan di Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis telah dirancang dengan memuaskan. Kaedah meluluskan kawasan kuari dan pengeluaran permit bahan batuan telah dibuat dengan sistematik serta mengambil kira aspek alam sekitar. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masalah yang telah dikenal pasti adalah seperti penyelenggaraan rekod yang kurang sempurna dan kelewatan memproses permohonan permit. Selain itu aktiviti penguatkuasaan terhadap pengurusan pengeluaran bahan batuan belum dapat dilaksanakan secara terancang dan berkesan disebabkan oleh kekurangan kemudahan kenderaan dan ketiadaan rekod maklumat lawatan mengejut bagi memantau operasi kuari.

#### **BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

##### **Yayasan Islam Perlis - Pengurusan Sekolah Rendah Islam**

4. Pada keseluruhannya, pengurusan Sekolah Rendah Islam oleh Yayasan Islam Perlis adalah baik. Sungguhpun begitu, Yayasan harus mematuhi beberapa kehendak Akta Pendidikan 1996 terutamanya berkenaan pendaftaran sekolah dan penyediaan Surat Cara Pengelolaan. Peralatan mengajar dan belajar perlu disediakan dengan secukupnya untuk kegunaan guru serta pelajar. Bangunan sekolah perlu diperbaiki di mana perlu bagi menjamin keselamatan penggunaannya.

***BAHAGIAN I***

***PENYATA AKAUN AWAM  
KERAJAAN NEGERI***

**BAHAGIAN I**  
**PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PERLIS**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

**1. PENDAHULUAN**

**1.1** Penyata Akaun Awam yang berkembar bersama-sama Laporan ini mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum serta Penyata Hasil dan Perbelanjaan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2004.

**1.2** Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 kepada Jabatan Audit Negara pada 6 Julai 2005.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu berlaku.

**1.4** Mulai pertengahan tahun 2002, Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) telah dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan kualiti persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri menuju era Kerajaan Elektronik. Sembilan komponen aplikasi SPEKS telah dilaksanakan di Pejabat Perbendaharaan Negeri iaitu Sistem Kawalan Data, Sekuriti Aplikasi, Lejar Am, Bajet, Gaji, Pengurusan Aset, Pinjaman, Sistem Pusat Tanggungjawab/Kewangan yang mengubahsuaikan Sistem Buku Vot dan Lejar Akaun Subsidiari. Sementara aplikasi SPEKS bagi Pelaburan dan Sistem Pengurusan Maklumat masih belum dilaksanakan. Pelaksanaan SPEKS bagi 18 Pusat Tanggungjawab adalah melibatkan Sistem Pusat Tanggungjawab/Kewangan dan Gaji. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan SPEKS, Perbendaharaan Negeri telah mengadakan kursus dan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS dari semasa ke semasa. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem SPEKS khasnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu

memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

Sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan kewangan di peringkat Jabatan Negeri dan memperkemaskan lagi tahap penyediaan Penyata Akaun Awam, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan 2 Surat Pekeliling Kewangan Negeri pada tahun 2004 sebagai tambahan kepada pekeliling sedia ada. Antaranya ialah mengenai Peraturan Penutupan Akaun Bagi Tahun Kewangan 2004. Selain itu, bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kewangan, Perbendaharaan Negeri telah menghantar kakitangannya untuk mengikuti 18 kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Akauntan Negara, Pejabat Pegawai Kewangan Negeri dan Pejabat Perbendaharaan Negeri sendiri. Kursus tersebut adalah mengenai belanjawan, pengurusan kewangan dan aplikasi sistem SPEKS.

## **2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM**

**2.1** Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2004.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I** dan **II**.

**2.2** Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dikekalkan atau dipertingkatkan lagi supaya sijil tanpa teguran dapat terus dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus terkawal dan meyakinkan.

## **3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM**

**3.1** Analisis terhadap Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada akhir tahun 2004 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2003. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbangan berkenaan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan

kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang dan ke arah perakaunan asas akruan.

### **3.2 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**3.2.1** Kedudukan kewangan sesebuah Negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan dan menggambarkan kedudukan jangka pendek kewangan Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada akhir bulan Disember 2004 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut Lembaran Imbangan**

Bil.	Butiran	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(129.52)	(115.52)	14.00
2	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada : i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i> ii) <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i> iii) <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> iv) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i> v) <i>Deposit</i> vi) <i>Akaun Kena Bayar</i>	133.09 49.73 (30.13) 45.88 7.55 35.03 25.03	133.39 61.88 (18.37) 38.63 6.83 31.61 12.81	0.30 12.15 11.76 (7.25) (0.72) (3.42) (12.22)
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	-	-	-
	<b>Jumlah</b>	<b>3.57</b>	<b>17.87</b>	<b>14.30</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam

**3.2.2** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2004 adalah RM17.87 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM9.87 juta dan pelaburan sejumlah RM8 juta. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami peningkatan berjumlah RM14.30 juta iaitu daripada RM3.57 juta pada tahun 2003 menjadi RM17.87 juta pada tahun 2004. Punca utama peningkatan ini adalah kerana pertambahan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM14 juta yang disebabkan kurangan perbelanjaan mengurus Kerajaan berbanding dengan hasil yang diterima pada tahun 2004. Selain itu, ia juga disumbangkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM0.30 juta yang terdiri daripada pertambahan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air masing-masing sejumlah RM12.15 juta dan RM11.76 juta manakala Kumpulan Wang Amanah

Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar mengalami penurunan masing-masing sejumlah RM7.25 juta, RM0.72 juta, RM3.42 juta dan RM12.22 juta. Dari segi kedudukan kewangan jangka pendek Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2004, ia adalah tidak stabil kerana aset yang dimiliki berjumlah RM17.87 juta tidak dapat menampung tanggungan berjumlah RM105.86 juta yang terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman sejumlah RM30.33 juta, Akaun Kena Bayar sejumlah RM12.81 juta, baki Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan sejumlah RM31.10 juta dan deposit am sejumlah RM31.62 juta.

**3.2.3** Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Aset Dan Tanggungan**  
**Mengikut Penyata Akaun Memorandum**

Bil	Butiran	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	<u>Aset</u> Penyata Hasil Belum Terima Pinjaman Boleh Tuntut	19.75 26.11	20.92 34.84	1.17 8.73
	<b>Jumlah Aset</b>	<b>45.86</b>	<b>55.76</b>	<b>9.90</b>
2.	<u>Tanggungan</u> Hutang Kerajaan Negeri	144.31	181.30	36.99
	<b>Jumlah Tanggungan</b>	<b>144.31</b>	<b>181.30</b>	<b>36.99</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam

Jumlah aset yang ditunjuk pada Penyata Akaun Memorandum telah meningkat sejumlah RM9.90 juta iaitu daripada RM45.86 juta pada tahun 2003 menjadi RM55.76 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini berpunca daripada tunggakan hasil dan pinjaman boleh dituntut yang bertambah masing-masing sejumlah RM1.17 juta dan RM8.73 juta. Aset ini terdiri daripada pinjaman boleh tuntut dan tunggakan hasil yang masing-masing berjumlah RM34.84 juta dan RM20.92 juta. Bagi tempoh jangka panjang, aset ini tidak mampu untuk menampung hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM181.30 juta pada akhir tahun 2004.

**Pada pendapat Audit, kedudukan kecairan kewangan Kerajaan Negeri Perlis berdasarkan Lembaran Imbangan masih tidak kukuh untuk menampung keseluruhan tanggungan yang berjumlah RM105.86 juta. Sementara Penyata Akaun Memorandum tahun 2004 menunjukkan kedudukan kewangan jangka panjang Kerajaan Negeri Perlis juga tidak kukuh, di mana aset yang dimiliki berjumlah RM55.76 juta tidak dapat menampung hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM181.30 juta. Analisis lengkap berkenaan komponen Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum ditunjuk di perenggan berikutnya.**

## LEMBARAN IMBANGAN

### 3.3 AKAUN HASIL DISATUKAN

Mengikut Penyata Akaun Hasil Disatukan, Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2004 dengan lebihan sejumlah RM14 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM81.26 juta berbanding perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM67.26 juta pada tahun 2004 dan adalah ketara jika dibandingkan dengan defisit berjumlah RM16.54 juta pada tahun 2003.

#### 3.3.1 Hasil

Kerajaan Negeri telah menganggarkan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2004 adalah berjumlah RM52.73 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada Hasil Cukai sejumlah RM11.09 juta, Hasil Bukan Cukai sejumlah RM18.93 juta dan Terimaan Bukan Hasil sejumlah RM22.71 juta. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2004 adalah berjumlah RM81.26 juta iaitu meningkat sejumlah RM16.17 juta berbanding tahun 2003 yang berjumlah RM65.09 juta. Jumlah hasil mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Pungutan Hasil Kerajaan Negeri Perlis Pada Tahun 2003 Dan 2004**

Bil.	Kategori Hasil	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Lebihan/ (Kurangan) (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	10.98	10.19	(0.79)
2.	Hasil Bukan Cukai	21.88	32.10	10.22
3.	Terimaan Bukan Hasil	32.23	38.97	6.74
	<b>Jumlah</b>	<b>65.09</b>	<b>81.26</b>	<b>16.17</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam

Analisis Audit mendapati 42 butiran hasil telah mengalami peningkatan berjumlah RM20.73 juta manakala 41 butiran hasil yang lain pula mengalami penurunan berjumlah RM4.58 juta. Berikut adalah peningkatan dan penurunan yang ketara bagi butiran hasil tersebut.

#### a) Peningkatan Hasil Yang Ketara

##### i) Hasil Bukan Cukai - Permit Tanah Dan Galian

Pada tahun 2004, Permit Tanah Dan Galian merupakan penyumbang ketiga utama iaitu sebanyak 11% daripada hasil Kerajaan Negeri. Kutipan pada tahun

2004 berjumlah RM8.76 juta meningkat sejumlah RM7.45 juta berbanding RM1.31 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan tunggakan hasil permit pengeluaran batu kapur dan tanah liat bagi tahun 2001 hingga 2003 berjumlah RM8.10 juta telah dijelaskan pada bulan Julai 2004 oleh sebuah syarikat simen yang beroperasi di Chuping, Perlis.

**ii) Hasil Bukan Cukai - Jualan Air**

Terimaan hasil ini meningkat sejumlah RM2.97 juta menjadi RM14.86 juta pada tahun 2004 berbanding RM11.89 juta pada tahun 2003 dan merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak 18% daripada hasil Kerajaan Negeri. Peningkatan ini disebabkan sejumlah RM0.26 juta daripada baki awal Akaun Deposit Am Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) tahun 2004 berjumlah RM2.83 juta telah diperbetulkan kesilapan dan diakaunkan sebagai hasil jualan air. Selain itu, kadar permintaan air yang meningkat serta usaha gigih yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) untuk memastikan pengguna menjelaskan bil air semasa dan tunggakan hasil jualan air juga menyumbangkan peningkatan butiran hasil ini.

**iii) Hasil Bukan Cukai – Dividen Saham Syarikat Tersiar Harga**

Butiran hasil Dividen Saham Syarikat Tersiar Harga meningkat sejumlah RM0.29 juta pada tahun 2004 berbanding tiada sebarang amaun dividen yang diterima pada tahun 2003. Ini adalah kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semasa mesyuaratnya pada akhir bulan Mac 2004 telah memutuskan dividen bersih saham pegangan Menteri Besar Incorporation (MBI) yang diterima mulai tahun 2003 dan tahun-tahun berikutnya disalurkan dari akaun MBI ke Akaun Kumpulan Wang Disatukan sebagai sumber pendapatan Negeri pada tahun berikutnya. Dividen sejumlah RM0.29 juta ini diterima hasil daripada pelaburan saham MBI di 6 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

**iv) Terimaan Bukan Hasil - Pemberian Pertambahan Hasil**

Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian Pertama mengikut Akta Pertambahan Hasil 1977 merupakan agihan RM25 juta pertama secara purata kepada 13 buah Negeri dan RM25 juta kedua berdasarkan pembahagian penduduk Negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Terimaan pemberian ini meningkat sejumlah RM4.76 juta pada tahun 2004 berbanding tiada sebarang jumlah pemberian berkenaan yang diterima pada tahun 2003. Ini adalah kerana pemberian tahun 2003 yang juga berjumlah RM2.38 juta hanya diterima oleh Kerajaan Negeri pada awal tahun 2004.

**v) Terimaan Bukan Hasil - Dapatan Balik Wang Amanah**

Butiran hasil Dapatan Balik Wang Amanah ini meningkat sejumlah RM1.3 juta pada tahun 2004 berbanding tahun 2003 kerana baki wang pertaruhan untuk

proses pengambilan tanah bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah Santan II yang selesai dilakukan tidak perlu lagi disimpan dan dipelaraskan dari akaun deposit am Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kepada hasil Kerajaan Negeri yang mana ianya hanya berlaku pada tahun 2004.

**vi) Terimaan Bukan Hasil - Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan**

Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan tahun 2004 yang berjumlah RM13.12 juta merupakan penyumbang kedua utama iaitu sebanyak 16% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri. Hasil ini telah meningkat sejumrah RM1.15 juta berbanding RM11.97 juta yang diterima pada tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan bertambahnya penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2003. Atas sebab ini Kerajaan Negeri telah membuat tuntutan bayaran perkhidmatan antara 2.5% hingga 5% dari kos pembinaan projek tersebut pada tahun 2004. Sementara itu, pemberian berjumlah RM11.97 juta merupakan bayaran tuntutan tahun 2001 dan 2002 masing-masing berjumlah RM5.51 juta dan RM6.46 juta.

**b) Penurunan Hasil Yang Ketara**

**i) Hasil Bukan Cukai - Pelbagai Perolehan Yang Lain**

Pelbagai Perolehan Lain yang dikutip pada tahun 2003 berjumlah RM1.90 juta telah menurun sejumrah RM1.81 juta menjadi RM0.09 juta pada tahun 2004. Penurunan ini disebabkan antaranya pelarasan dari Akaun Deposit Am Jabatan Perhutanan serta Deposit Tanah Jabatan Tanah Dan Galian masing-masingnya berjumlah RM1.31 juta dan RM0.35 juta ke Akaun Hasil Pelbagai Perolehan Yang Lain pada tahun 2003. Ia adalah untuk menyamakan jumlah baki Akaun Deposit pada akhir tahun 2002 mengikut rekod Pejabat Bendahari Negeri yang lebih dinyatakan dengan bakinya mengikut rekod Pejabat/Jabatan berkenaan yang kurang dinyatakan. Pelarasan seumpama ini tidak berlaku pada tahun 2004.

**ii) Cukai Keluaran Hutan – Bahan Batuan**

Pada tahun 2004, terimaan Cukai Keluaran Hutan bagi pengeluaran bahan batuan oleh Jabatan Perhutanan Negeri adalah berjumlah RM2.42 juta berbanding sejumrah RM3.88 juta yang dikutip pada tahun 2003. Penurunan sejumrah RM1.46 juta adalah disebabkan permintaan dan pengeluaran bahan batuan berkurangan secara keseluruhan pada tahun 2004.

**3.3.2 Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perlis secara keseluruhannya menurun sejumrah RM14.37 juta daripada RM81.63 juta pada tahun 2003 menjadi RM67.26 juta pada tahun 2004. Perbelanjaan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen,

Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Kedudukan perbelanjaan mengikut kategori bagi tahun 2004 berbanding tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2003 Dan Tahun 2004**

Kategori Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	
Emolumen	22.23	22.09	(0.14)
Perkhidmatan Dan Bekalan	22.24	24.91	2.67
Aset	4.15	1.22	(2.93)
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	32.81	18.93	(13.88)
Perbelanjaan Lain	0.20	0.11	(0.09)
<b>Jumlah</b>	<b>81.63</b>	<b>67.26</b>	<b>(14.37)</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam

Analisis Audit selanjutnya mendedahkan antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan dan penurunan ketara adalah seperti berikut:

**a) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara**

Perbelanjaan bagi Perkhidmatan Dan Bekalan tahun 2004 berjumlah RM24.91 juta iaitu 37% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus tahun 2004. Perbelanjaan ini telah meningkat sejumrah RM2.67 juta berbanding RM22.24 juta pada tahun 2003. Peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan antaranya disebabkan bertambahnya perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan jalan raya dan pembayaran untuk kerja persiapan tempat bagi Majlis Rasmi Kerajaan di sekitar Negeri Perlis oleh Jabatan Kerja Raya iaitu masing-masing meningkat sejumrah RM0.54 juta dan RM0.35 juta pada tahun 2004. Sementara perbelanjaan tempahan penerbangan perjalanan luar negara, bayaran tunggakan perjalanan udara kakitangan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan/Dewan Undangan Negeri, Majlis Kerajaan Negeri, Tilawah Al Quran serta pembaikan kerosakan perumahan awam di beberapa Rancangan Perumahan Awam oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah meningkat secara keseluruhan sejumrah RM1.51 juta pada tahun 2004 berbanding tahun 2003.

**b) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara**

**i) Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap**

Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap pada tahun 2004 adalah berjumlah RM18.93 juta iaitu 28% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus tahunan. Perbelanjaan ini telah menurun sejumlah RM13.88 juta berbanding RM32.81 juta pada tahun 2003 disebabkan tiada caruman Kerajaan Negeri dibawah perbelanjaan Pemberian Dalam Negeri sebagai pemberian geran kepada Menteri Besar Incorporation (MBI) pada tahun 2004 seperti mana berlaku pada tahun 2003 yang berjumlah RM16.08 juta.

**ii) Peruntukan Pinjaman Kepada Akaun Pinjaman Di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pada tahun 2004, perbelanjaan ini berkurangan sejumlah RM2.99 juta kerana tiada tambahan peruntukan di bawah maksud perbelanjaan aset Perbendaharaan Negeri yang diluluskan bagi meningkatkan jumlah had peruntukan pinjaman tahun 2004 kepada Badan Berkanun di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebagaimana diperuntukkan pada tahun 2003.

### **3.4 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

**3.4.1** Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2004 adalah berjumlah RM133.39 juta. Kedudukan adalah seperti berikut:

**3.4.2 Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan telah diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang diperuntukkan dan perbelanjaan melaksanakan projek pembangunan yang diluluskan di bawah Kumpulan Wang ini. Terimaan Kumpulan Wang pada tahun 2004 berjumlah RM55.49 juta terdiri daripada Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup; Bayaran Ansuran Perumahan Awam, Bayaran Terus Harga Rumah Kos Rendah Dari Bank dan pinjaman Kerajaan Persekutuan masing-masingnya berjumlah RM29.75 juta, RM16.27 juta, RM1.85 juta, RM1.19 juta dan RM6.43 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2004 berjumlah RM43.35 juta berbanding RM52.10 juta pada tahun 2003 iaitu penurunan sejumlah RM8.75 juta. Dengan itu, Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan sejumlah RM12.15 juta pada tahun 2004 berbanding defisit sejumlah RM21.60 juta pada tahun 2003. Dengan lebihan ini, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2003 yang berjumlah RM49.73 juta telah meningkat menjadi RM61.88 juta pada akhir tahun 2004.

Daripada jumlah perbelanjaan tahun 2004, sejumlah RM37.22 juta adalah dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Negeri secara langsung dan bakinya RM6.13 juta dibiayai daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut Jabatan/Pejabat bagi tahun 2004 berbanding tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Perbelanjaan Pembangunan**  
**Bagi Tahun 2003 Dan 2004**

Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	16.83	14.45	(2.38)
Jabatan Kerja Raya	18.92	10.48	(8.44)
Jabatan Pertanian	1.82	2.47	0.65
Jabatan Perkhidmatan Haiwan	3.32	3.57	0.25
Jabatan Pengairan Dan Saliran	8.74	9.15	0.41
Jabatan Perhutanan	2.47	3.23	0.76
<b>Jumlah</b>	<b>52.10</b>	<b>43.35</b>	<b>(8.75)</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam

Pada tahun 2004, dua Pejabat telah mengalami penurunan perbelanjaan pembangunan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya masing-masingnya sejumlah RM2.38 juta dan RM8.44 juta. Penurunan ini adalah disebabkan antaranya sebahagian besar bayaran pengambilan tanah bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah Kubang Gajah dan Arau serta Tapak Pelupusan Sampah Baru Majlis Perbandaran Kangar telah selesai dilakukan pada tahun 2003 oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Ia juga disebabkan pengurangan peruntukan tahun 2004 oleh Kerajaan Negeri bagi projek pembangunan yang siap dilaksanakan pada tahun 2003 dan Projek Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri/Dewan Undangan Negeri yang telah dikurangkan peruntukan sejumlah RM10 juta kerana perbelanjaan pengambilan tanah berjumlah RM9.03 juta telah dilakukan pada tahun 2003 dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, manakala peruntukan pelaksanaan projek ini akan diurus oleh pihak Kementerian Kerja Raya.

### 3.4.3 Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air telah diwujudkan mengikut Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya, Bahagian Bekalan Air. Terimaan Kumpulan Wang pada tahun 2004 adalah berjumlah RM28.72 juta terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM8.73 juta serta pindahan dari Akaun Pinjaman

Disatukan sejumlah RM19.99 juta. Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Enakmen tersebut. Perbelanjaan mengurus Jabatan Kerja Raya Bahagian Bekalan Air bagi tahun 2004 berjumlah RM7.96 juta, sementara perbelanjaan pembangunan Kumpulan Wang Bekalan Air bagi tahun 2004 pula adalah berjumlah RM9 juta berbanding RM19.73 juta pada tahun 2003.

Dengan itu, Kumpulan Wang Bekalan Air telah mencatat lebihan sejumlah RM11.76 juta pada tahun 2004 berbanding defisit RM10.88 juta pada tahun 2003. Dengan lebihan ini, baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2003 yang berjumlah RM30.13 juta telah menurun menjadi RM18.37 juta pada akhir tahun 2004.

Mengikut Bajet asal Kerajaan Negeri Tahun 2004, perbelanjaan pembangunan Bekalan Air telah diperuntukkan sejumlah RM12.50 juta yang akan dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM12 juta dan selebihnya RM0.5 juta dari caruman Kerajaan Negeri. Pada tahun 2004, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM9 juta telah dibelanjakan iaitu sejumlah RM0.49 juta dan RM8.51 juta masing-masingnya daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan Pinjaman Persekutuan berbanding sejumlah RM11.72 juta yang dibelanjakan pada tahun 2003. Penurunan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM2.72 juta disebabkan pembayaran kemajuan kontrak tahun 2004 yang berkurangan bagi Projek Pembinaan Loji Air Arau Fasa IV dan Projek Memperelok Dan Membuat Pulih Sistem Agihan Bekalan Air Seluruh Negeri Perlis.

#### **3.4.4 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Acara Kewangan 1957 dan bercorak Kumpulan Wang Pusingan serta bagi pembayaran langsung. Ia terdiri daripada 5 kategori akaun iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Lain.

Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM38.63 juta berbanding pada akhir tahun 2003 berjumlah RM45.88 juta iaitu penurunan sejumlah RM7.25 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan 3 pinjaman baru Kerajaan Negeri masing-masingnya sejumlah RM2.16 juta dan RM1 juta telah diberi kepada Yayasan Islam Negeri Perlis pada tahun 2004 untuk membiayai bayaran gaji kakitangan Yayasan dan Projek Pembangunan Sekolah Rendah Islam dan sejumlah RM5 juta lagi kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis untuk membiayai Projek Hotel Kuala Perlis. Pinjaman ini diberi melalui Akaun Peruntukan Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain yang mana had peruntukannya adalah berjumlah RM6 juta. Walau bagaimanapun, Akaun Peruntukan ini telah lebih dikeluarkan sejumlah RM7.96 juta selepas 3 pinjaman yang diberi itu diambil kira. Selain itu, baki akhir tahun 2004 bagi Akaun Penyelesaian Cek Terbatal, Akaun Penyelesaian Utama serta Akaun Peruntukan

Pinjaman Perumahan ADUN masing-masingnya telah meningkat sejumlah RM0.49 juta, RM0.26 juta dan RM0.11 juta berbanding bakinya pada akhir tahun 2003.

Pada akhir tahun 2004, Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan adalah berbaki RM31.10 juta. Baki ini merupakan sebahagian daripada pendahuluan RM50 juta yang diberi kepada Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah aliran wang tunai Negeri pada akhir tahun 2001 dan sejumlah RM30 juta daripadanya perlu dilunaskan dalam tempoh 2 tahun iaitu mulai tahun 2002 hingga 2003 sama ada melalui pembayaran secara tunai atau pelarasan dengan pemberian lain. Walau bagaimanapun, pendahuluan ini telah tidak dilunaskan sejak tahun 2002.

#### **3.4.5 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada wang amanah dan amanah khas yang diamanahkan kepada Pejabat Perpendaharaan Negeri Perlis, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perhutanan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pihak Kerajaan Negeri untuk maksud tertentu. Pada akhir tahun 2004, baki Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM6.83 juta iaitu menurun sejumlah RM0.72 juta berbanding bakinya pada akhir tahun 2003 yang berjumlah RM7.55 juta. Penurunan ini disebabkan antaranya penurunan baki Akaun Amanah Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Perlis di bawah Pejabat Perpendaharaan Negeri dan Akaun Amanah Dana Ternakan kelolaan Jabatan Perkhidmatan Haiwan masing-masingnya berjumlah RM0.52 juta dan RM0.6 juta pada akhir tahun 2004 berbanding bakinya pada akhir tahun 2003. Analisis Audit menunjukkan ia disebabkan bertambahnya perbelanjaan di bawah akaun amanah berkenaan. Manakala baki dan wang tabung Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana Dan Malapetaka yang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah bertambah sejumlah RM0.5 juta untuk bantuan mangsa bencana Tsunami pada akhir tahun 2004 berbanding bakinya pada akhir tahun 2003.

#### **3.4.6 Deposit**

Akaun Deposit telah diselenggarakan oleh 10 Jabatan Negeri bagi mengakaunkan antaranya wang cagaran dan deposit am, bekalan air dan jaminan yang dipegang khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian. Pada akhir tahun 2004, baki Akaun Deposit adalah berjumlah RM31.62 juta iaitu menurun sejumlah RM3.41 juta berbanding bakinya pada akhir tahun 2003 yang berjumlah RM35.03 juta. Penurunan ini disebabkan antaranya penurunan baki Akaun Deposit Am di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, baki Akaun Deposit Am dan Deposit Wang Jaminan Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bekalan Air) masing-masingnya sejumlah RM5.75 juta, RM2.83 juta dan RM0.17 juta pada akhir tahun 2004 berbanding bakinya pada akhir tahun 2003 bagi menyelaraskan kesilapan kredit kod perakaunan. Manakala bagi Akaun Cagaran Bekalan Air, Akaun Deposit Tanah dan Akaun Deposit Wang Jaminan Jabatan Kerja Raya pada akhir tahun 2004 telah meningkat sejumlah

RM2.74 juta, RM2.28 juta dan RM0.32 juta berbanding bakinya pada akhir tahun 2003. Peningkatan ini juga disebabkan pelarasan kesilapan kod perakaunan dan bertambahnya deposit kes bantahan mahkamah terhadap pengambilan tanah oleh Kerajaan dan deposit Wang Jaminan Pelaksanaan Kerja Kontrak Jabatan Kerja Raya serta bayaran ansuran tunggakan cukai tanah diakaunkan ke Akaun Deposit sebelum selesai tunggakan dijelaskan.

#### **3.4.7 Akaun Kena Bayar**

Baki Akaun Kena Bayar menunjukkan jumlah tanggungan perbelanjaan terhutang kepada pembekal barang, perkhidmatan dan kerja yang diperolehi oleh Kerajaan yang mana bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2004, baki Akaun Kena Bayar adalah berjumlah RM12.81 juta iaitu menurun sejumlah RM12.22 juta berbanding baki pada tahun 2003 berjumlah RM25.03 juta. Antara Jabatan yang menunjukkan penurunan ketara baki Akaun Kena Bayar tahun 2004 adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Tanah Dan Galian iaitu masing-masingnya sejumlah RM4.45 juta, RM2.75 juta, RM2.48 juta, RM1.11 juta dan RM0.98 juta. Penurunan ini disebabkan antara lainnya, Jabatan berkenaan telah dapat membuat perbelanjaan dan pembayaran pada penghujung tahun.

#### **3.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2004, Akaun Pinjaman Disatukan tidak berbaki disebabkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM26.42 juta telah disalurkan untuk projek pembangunan pada tahun tersebut. Kedudukan yang sama juga berlaku pada tahun 2003. Pinjaman berjumlah RM26.42 juta adalah untuk pinjaman Projek Pembangunan Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah masing-masingnya sejumlah RM19.99 juta dan RM6.43 juta.

#### **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

#### **3.6 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Akaun ini menunjukkan baki pinjaman boleh dituntut dari Badan Berkanun Negeri. Kerajaan Negeri ada memberi pinjaman kepada 2 Agensinya iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis untuk projek pembangunan dan Yayasan Islam Perlis untuk membiayai perbelanjaan pentadbirannya. Baki pinjaman yang boleh dituntut pada akhir tahun 2004 berjumlah RM34.84 juta iaitu meningkat sejumlah RM8.73 juta berbanding bakinya RM26.11 juta pada akhir tahun 2003. Peningkatan akaun pinjaman yang boleh dituntut adalah disebabkan pemberian pinjaman kepada Yayasan Islam Perlis untuk membiayai

gaji kakitangannya dan Projek Pembangunan Sekolah Rendah Islam masing-masingnya sejumlah RM2.16 juta dan RM1 juta pada tahun 2004. Manakala Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri diberi pinjaman sejumlah RM5 juta untuk Projek Pembinaan Hotel di Kuala Perlis. Perjanjian pinjaman bagi 3 pinjaman ini belum disediakan dan ditandatangani. Tunggakan ansuran pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM7.42 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Kedudukan Akaun Pinjaman Pada Akhir Tahun 2004**

Nama Agensi	Jumlah Pinjaman Dikeluarkan (RM Juta)	Baki Pokok Pinjaman (RM Juta)	Faedah Dipermodal (RM Juta)	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis	24.60	24.42	2.47	3.28
Yayasan Islam Perlis	10.42	10.42	-	4.14
<b>Jumlah</b>	<b>35.02</b>	<b>34.84</b>	<b>2.47</b>	<b>7.42</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam

### 3.7 PELABURAN

Pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM8 juta dan dalam bentuk simpanan tetap di 3 buah bank yang diluluskan oleh Kerajaan. Ia telah meningkat sejumlah RM5 juta berbanding baki akhir tahun 2003 yang berjumlah RM3 juta kerana peningkatan kedudukan kecairan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2004.

### 3.8 TUNGGAKAN HASIL

Pada tahun 2004, tunggakan hasil bagi 7 daripada 22 pemungut adalah berjumlah RM20.92 juta kerana 15 pemungut lain tidak melaporkan sebarang tunggakan hasil. Tunggakan tersebut menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.17 juta jika dibandingkan dengan tunggakan pada tahun 2003 berjumlah RM19.75 juta. Pihak Audit mendapati Pemungut yang menunjukkan peningkatan tunggakan ketara adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Unit Perumahan) dan Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bekalan Air) iaitu meningkat masing-masingnya sejumlah RM0.43 juta dan RM0.58 juta. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2004 berbanding tahun 2003 mengikut jenis hasil adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri**  
**Pada Tahun 2003 Dan 2004**

Jenis Hasil	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Kenaikan/ (Penurunan) (RM Juta)
Ansuran Perumahan Awam Kos Rendah	7.82	8.25	0.43
Cukai Tanah/Tali Air/Denda	6.52	6.52	-
Kutipan Bil Air	5.24	5.82	0.58
Lain-lain	0.17	0.33	0.16
<b>Jumlah</b>	<b>19.75</b>	<b>20.92</b>	<b>1.17</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam

Mengikut Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, peningkatan tunggakan hasil bayaran ansuran rumah kos rendah sejumlah RM0.43 juta adalah disebabkan penghuni gagal menjelaskan bayaran ansuran mengikut jadual dan segelintir penghuni yang lain sengaja tidak menjelaskan bayaran ansurannya. Manakala tunggakan bil air telah meningkat sejumlah RM0.58 juta antaranya disebabkan oleh sebahagian Jabatan Kerajaan hanya menjelaskan bil semasa, ketiadaan peruntukan untuk menjelaskan tunggakan dan selain sikap pengguna yang tidak mengambil berat membayar bil masing-masing. Peningkatan tunggakan butiran hasil lain berjumlah RM0.16 juta berbanding dengan tahun 2003 adalah disebabkan terutamanya tunggakan hasil tahun 2004 bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Unit Pentadbiran Daerah) dan Jabatan Pertanian meningkat masing-masingnya sejumlah RM0.11 juta dan RM0.03 juta kerana menghadapi masalah mengutip sewa gerai dan jualan buah mempelam.

### 3.9 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2004, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM181.30 juta berbanding RM144.31 juta pada tahun 2003, iaitu meningkat sejumlah RM36.99 juta. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM26.42 juta pada tahun 2004 dan penjadualan semula Hutang Awam Negeri berjumlah RM81.85 juta. Pinjaman baru ini adalah bagi tujuan Projek Pembinaan Loji Air Arau Fasa IV sejumlah RM10.57 juta, Projek Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil sejumlah

RM9.42 juta dan baki bayaran pinjaman terdahulu bagi Projek Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah Santan II yang berjumlah RM6.43 juta. Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang bayaran balik pinjaman sepanjang tahun 2004 walaupun ada memperuntukkan sejumlah RM40 juta bagi tujuan tersebut di bawah maksud perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap. Ini disebabkan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri yang kurang mengizinkan untuk berbuat demikian. Semakan Audit mendapati tunggakan bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM30.33 juta pada akhir tahun 2004 berbanding RM48.18 juta pada akhir tahun 2003 iaitu menurun sejumlah RM17.85 juta. Pengurangan tunggakan ini disebabkan pinjaman bagi beberapa Projek telah dijadualkan semula pada tahun 2004. Baki hutang Kerajaan Negeri mengikut jenis pinjaman adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Baki Hutang Kerajaan Negeri Pada Tahun 2003 Dan 2004**

Jenis Pinjaman	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan (RM Juta)
Pinjaman Bekalan Air	30.64	51.88	21.24
Pinjaman Pelbagai	11.73	11.89	0.16
Pinjaman Projek Perumahan Awam	66.37	73.42	7.05
Pinjaman Projek Perbadanan Kemajuan Negeri	35.57	44.11	8.54
<b>Jumlah</b>	<b>144.31</b>	<b>181.30</b>	<b>36.99</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam

#### 4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) yang bermula dari tahun 2001 hingga 2005, Kerajaan Negeri telah diperuntukkan sejumlah RM1.02 bilion bagi melaksanakan projek pembangunan. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 6 agensi pelaksana dan prestasi perbelanjaannya mengikut rekod Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Prestasi Perbelanjaan Projek Pembangunan Di Bawah RMK**

Jabatan/Pejabat	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2004	Peratus (%)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	506.17	63.77	12.6
Jabatan Kerja Raya (Termasuk Bekalan Air)	377.86	80.63	21.3
Jabatan Pertanian	14.81	9.40	63.5
Jabatan Perkhidmatan Haiwan	33.91	13.89	41.0
Jabatan Pengairan Dan Saliran	60.16	34.66	57.6
Jabatan Perhutanan	22.71	10.38	45.7
<b>Jumlah</b>	<b>1,015.62</b>	<b>212.73</b>	<b>20.9</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam

Sehingga bulan Disember 2004, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM212.73 juta atau 20.9% daripada peruntukan RMK8 yang diluluskan. Status pelaksanaan projek RMK8 bagi 6 Agensi itu setakat pada akhir tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK8 Setakat 31 Disember 2004**

Bil	Jabatan/Pejabat	Bil Projek	Status Pelaksanaan		
			Siap	Sedang Dilaksanakan	Belum Mula
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	74	17	22	35
2	Jabatan Kerja Raya	76	29	25	22
3	Jabatan Pertanian	12	-	12	-
4	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	15	-	12	3
5	Jabatan Pengairan Dan Saliran	27	-	23	4
6	Jabatan Perhutanan	22	1	16	5
	<b>Jumlah</b>	<b>226</b>	<b>47</b>	<b>110</b>	<b>69</b>

Sumber : Dokumen Belanjawan /Pengesahan Jabatan Pelaksana

Daripada 226 projek yang dirancang untuk dilaksanakan di bawah RMK8, sejumlah 47 projek telah siap dilaksanakan, sebanyak 110 projek sedang dilaksana dan 69 projek belum dimulakan. Antara projek utama yang telah siap dilaksanakan ialah seperti projek Pembinaan Jambatan Di Jalan Bukit Keteri/Panggas, Jambatan Dalam Pekan Simpang Empat, Bangunan Maahad Tahfiz dan Program Memperkuuhkan Dan Memperelok Jalan-jalan Dan Kemudahan Awam oleh Jabatan Kerja Raya serta Perumahan Awam Kos Rendah Beseri Paya II Fasa II, Tambun Tulang dan Kangar V serta projek pembangunan

gerai oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Manakala antara projek yang sedang dilaksanakan ialah seperti projek Perumahan Awam Kos Rendah Santan II dan Wang Kelian, tapak pelupusan sampah baru Majlis Perbandaran Kangar, Taman Burung, Program Aktiviti Rekreasi Kuda, Projek Ternakan Rusa, Pembinaan Loji Air Arau Fasa IV, Projek Kecil/Rancangan Luar Bandar dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri. Projek yang belum dimulakan antaranya ialah projek Pembinaan Jalan Kampung Pondok, Jalan Kampung Bakau/Simpang 3, Landasan Pesawat Ringan, Perumahan Awam Kos Rendah Kubang Gajah, Kuala Perlis IV Tok Kuning dan Sena serta Bangunan Kompleks Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Projek ini belum dimulakan disebabkan kekurangan/ketiadaan peruntukan yang diberi, pelaksanaan projek ditangguhkan, masalah pengambilan tanah dan tapak projek kurang sesuai dan yang belum dikenal pasti.

## **5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, mutu penyediaan Penyata Akaun Awam bagi tahun 2004 adalah baik dan perlulah dikekalkan kualitinya. Semua butiran dalam Penyata ini telah dapat disahkan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Bagaimanapun, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri masih tidak kukuh walaupun menunjukkan kemajuan berbanding tahun lepas. Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri mengalami lebihan sejumlah RM14 juta menjadikan jumlah defisit terkumpul berkurang menjadi RM115.52 juta berbanding RM129.52 juta pada tahun lepas. Selain itu, aset semasa Kerajaan Negeri tidak dapat menampung jumlah tanggungan semasa. Kerajaan Negeri perlu meneruskan perbelanjaan berhemah dan berusaha mengutip tunggakan hasil yang masih tinggi bagi memastikan pengurusan dan pembangunan dapat dilaksanakan dengan lancar.

***BAHAGIAN II***

***PENGURUSAN KEWANGAN***

***JABATAN NEGERI***

## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **6. PENDAHULUAN**

Selain mengesahkan Penyata Akaun Awam, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan sama ada Jabatan Negeri mematuhi peraturan kewangan dan rekod berkaitan diselenggarakan dengan sempurna.

Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan tahap pengurusan kewangannya. Kerajaan Negeri telah menganjurkan pelbagai kursus pengurusan kewangan dan bengkel untuk meningkatkan tahap kefahaman dan kecekapan kakitangan sokongan dan pegawai kanan di semua Jabatan Negeri sepanjang tahun 2004. Bagi mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan kewangan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan Jabatan Negeri yang menghadapi masalah pengurusan kewangan. Selain itu, Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengawal serta Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Peningkatan Pengurusan Akaun Hasil Negeri turut diadakan. Ini antara lain, adalah bertujuan untuk mempertingkat sumber hasil, mengurangkan tunggakan hasil Negeri dan bagi memantapkan serta menambah baik pengurusan kewangan Jabatan Negeri. Pasukan Naziran Pengurusan Kewangan Perbendaharaan Negeri telah memainkan peranannya dengan membuat lawatan dan pemantauan terhadap pengurusan kewangan di 5 Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2004 serta membangkitkan perkara mengenai ketidakpatuhan peraturan kewangan khasnya prosedur sebut harga dan aspek kelemahan pengurusan kewangan lain. Perbendaharaan Negeri turut sering kali memberi peringatan kepada Jabatan Negeri tentang pematuhan peraturan kewangan yang melibatkan Akaun Tunai Bulanan, Penyata Penyesuaian Hasil, perbelanjaan, amanah dan sebagainya.

Jabatan Audit Negara turut memberi sumbangan dengan mengadakan lawatan berterusan ke Jabatan/Agenzi Negeri bagi menentukan aspek pengurusan kewangan diuruskan dengan baik dan diberi perhatian oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal. Mesyuarat dan perbincangan dengan Jabatan Kerajaan Negeri berkaitan pengurusan kewangan juga diadakan. Ia adalah bertujuan untuk menerangkan objektif audit pengurusan kewangan, Program Anak Angkat dan Program Penampilan Audit. Hasil dan penemuan daripada pengauditan juga dibincangkan untuk mendapatkan ulasan, maklum balas terkini serta tindakan yang telah atau akan diambil oleh Jabatan berkaitan. Selain itu, pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai atau menganggotai beberapa

Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Negeri, Jawatankuasa Peningkatan Hasil Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan SPEKS.

## **PERBENDAHARAAN NEGERI**

### **7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Tanggungjawab ini juga termasuk mengawal selia Jabatan Negeri dengan memastikan segala bayaran dan terimaan dibuat mengikut peraturan kewangan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri juga memantau dan membuat tindakan susulan terhadap Jabatan bagi memastikan rekod hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan rekod kewangan lain diselenggarakan dengan lengkap dan teratur. Pada tahun 2002 Perbendaharaan Negeri menggunakan sistem perakaunan berkomputer yang baru iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Tujuan sistem ini diguna pakai ialah untuk melicinkan pengurusan kewangan dan mempercepatkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mengikut masa yang ditetapkan. Sistem ini juga diharap dapat mempertingkatkan kualiti Penyata Kewangan dan mengurangkan kelemahan pengurusan kewangan Negeri yang sering dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.

**7.2** Pejabat Perbendaharaan Negeri diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pejabat ini dibahagikan kepada 2 bahagian dan satu unit iaitu Bahagian Pengurusan Kewangan, Bahagian Pengurusan Akaun dan Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan. Bahagian Pengurusan Kewangan yang diketuai oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri adalah bertanggungjawab lebih kepada hal pentadbiran Jabatan. Bahagian Pengurusan Akaun yang diketuai oleh Bendahari Negeri pula bertanggungjawab kepada semakan dan penyediaan akaun untuk Kerajaan Negeri Perlis. Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan yang diketuai oleh Ketua Unit pula bertanggungjawab merancang, mengawal dan menyelenggarakan urusan pelaburan Kerajaan Negeri dan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri termasuk Menteri Besar Diperbadankan (MBI) serta membuat naziran. Selain daripada mempunyai 4 perjawatan di atas, Pejabat Perbendaharaan mempunyai 28 perjawatan. Dari jumlah itu, sejumlah 23 perjawatan telah diisi. Pada tahun 2004, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Perbendaharaan Negeri telah bermesyuarat sebanyak 2 kali dan Pegawai Kewangan Negeri telah mengadakan perjumpaan dengan Pegawai Pengawal sebanyak 2 kali.

### **8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada undang-undang dan peraturan telah dipatuhi serta wujud kawalan dalaman yang berkesan bagi mengawal

pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan juga adalah untuk menentukan sama ada rekod kewangan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi mencapai objektif pengauditan, rekod kewangan dan daftar bagi tahun 2004 di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan lain telah disemak. Antaranya ialah laporan serta daftar berkaitan hasil, perbelanjaan, amanah, pelaburan dan pinjaman. Pengauditan terhadap penyata pemungut, baucar bayaran, baucar jurnal dan transaksi perakaunan lain dibuat berdasarkan pensampelan dengan mengambil kira materialiti sesuatu urus niaga. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai Perbendaharaan Negeri telah diadakan.

## **9. PENEMUAN AUDIT**

### **9.1 KAWALAN BAJET**

Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Perlis dan Seksyen 15 Akta Acara Kewangan 1957, bajet hendaklah disediakan dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Kawalan bajet yang baik dapat melicinkan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dan pengurusan kewangan Negeri. Bagi memudahkan pengurusan kawalan bajet tahunan, Perbendaharaan telah mengeluarkan Arahan Penyediaan Bajet Dwi-Tahunan yang pertama iaitu bagi tahun 2003 – 2004 pada awal bulan Mei 2002 melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.1 Tahun 2002. Semua Pegawai Pengawal telah selesai melaksanakan proses semakan Anggaran Bajet Terperinci Tahun 2004 pada bulan Julai 2003. Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negeri telah bersetuju dengan beberapa pindaan dan tambahan Anggaran Bajet tahun 2004 pada bulan November 2003.

#### **9.1.1 Kedudukan Bajet**

Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar bajet defisit iaitu perbelanjaan melebihi hasil sama seperti bajet tahun 2003. Mengikut Bajet Tahun 2004 Kerajaan Negeri menganggarkan perolehan hasil berjumlah RM52.73 juta manakala perbelanjaan mengurus dianggarkan berjumlah RM103.54 juta. Dengan itu Kerajaan Negeri menjangkakan mengalami defisit berjumlah RM50.81 juta. Defisit ini akan dibiayai oleh Kumpulan Wang Disatukan yang mana RM40 juta dianggarkan untuk membayar hutang. Bagi perbelanjaan pembangunan, Kerajaan Negeri menganggarkan perbelanjaannya berjumlah RM51.21 juta. Perbelanjaan tersebut akan dibiayai melalui pinjaman berjumlah RM9.40 juta, jualan dan ansuran rumah awam kos rendah berjumlah RM12.42 juta dan pemberian oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM29.39 juta. Manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kumpulan Wang Bekalan Air dianggarkan masing-masing sejumlah RM8 juta dan RM12.50 juta menjadi perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM20.5 juta. Kedua perbelanjaan ini akan dibiayai daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM12 juta dan caruman daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM8.50 juta.

### **9.1.2 Pembentangan Bajet**

Bajet Tahun 2004 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada awal bulan Disember 2003. Waran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada awal bulan Januari 2004 bagi membolehkan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan.

**Pada pendapat Audit, penyediaan bajet Kerajaan Negeri tahun 2004 telah dilaksanakan dengan sempurna dan mendapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri.**

## **9.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah mengutip hasil berjumlah RM81.26 juta berbanding RM65.09 juta pada tahun 2003. Hasil utama Kerajaan Negeri adalah diperolehi daripada Hasil Cukai berjumlah RM10.19 juta terutamanya cukai tanah, Hasil Bukan Cukai berjumlah RM32.10 juta khususnya hasil perolehan dari jualan barang dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM38.97 juta terutamanya dalam bentuk geran tahunan daripada Kerajaan Persekutuan. Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab untuk mengendali, mengakaun dan mengawal kutipan hasil serta memastikan Pemungut Hasil menerima dan memasukkan segala kutipan ke akaun Perbendaharaan Negeri dengan teratur dan sempurna. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

### **9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan**

Akaun Tunai Bulanan hendaklah dikemukakan oleh pegawai perakaunan di Jabatan Pemungut Hasil kepada Perbendaharaan Negeri setiap bulan iaitu sekurang-kurangnya 10 hari bulan pada bulan berikutnya seperti mana yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan 145. Ini bertujuan untuk menentukan semua kutipan diakaunkan dengan segera dan tepat. Semakan Audit terhadap Daftar Akaun Tunai Bulanan tahun 2004 yang diselenggarakan oleh pihak Perbendaharaan Negeri mendapati kesemua 27 Pemungut telah menyerahkan Akaun Tunai Bulanannya ke Pejabat Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun, adalah didapati 9 Pemungut telah lewat menyerahkan Akaun Tunai Bulanan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri. Secara keseluruhan, kelewatananya adalah antara 10 hingga 70 hari. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua Pemungut telah diberi peringatan oleh Perbendaharaan Negeri. Selain mengemukakan surat peringatan pada setiap bulan, pihak Perbendaharaan hendaklah mempertingkatkan kawalan terhadap Pejabat Pemungut yang bermasalah. Isu kelewatan penyerahan ini sering dibangkitkan dalam laporan naziran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri setiap tahun tetapi prestasi kawalan dan pemantauan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan masih kurang memuaskan. Senarai Pemungut yang terlibat adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Kelewatan Serahan Akaun Tunai Bulanan**  
**Pada Tahun 2004**

Bil.	Pemungut	Kelewatan Serah Akaun Tunai Bulanan	
		Bil. Akaun Tunai Bulanan	Bil. Hari
1.	SUK Perumahan	9	10 – 145
2.	Jabatan Perhutanan	7	10 – 60
3.	Jabatan Kerja Raya(Bahagian Bekalan Air)	9	13 – 53
4.	Mahkamah Syariah	5	12 – 30
5.	Pusat Perkhidmatan Haiwan Padang Besar	10	12 – 73
6.	Pusat Perkhidmatan Haiwan Ibu Pejabat	4	29 – 66
7.	Pusat Perkhidmatan Haiwan Arau	4	14 – 19
8.	IPD Padang Besar	6	13 – 64
9.	IPD Kangar	12	10 – 50

*Sumber : Rekod Pejabat Perbendaharaan Negeri*

### **9.2.2 Penyerahan Penyata Pemungut**

Arahan Perbendaharaan 79 mengehendaki Penyata Pemungut disediakan sebelum pungutan dimasukkan ke bank. Penyata Pemungut kemudiannya hendaklah dihantar ke Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk dikeluarkan resit bagi tujuan akuan penerimaan oleh pihak Perbendaharaan Negeri kepada Pemungut Hasil. Perbendaharaan Negeri telah menyerahkan tanggungjawab untuk menghantar Penyata Pemungut ini kepada pihak bank sebagai usaha untuk mengatasi kelewatan penyerahan Penyata Pemungut. Semakan Audit mendapati tidak berlaku kelewatan penyerahan Penyata Pemungut oleh pihak Bank namun Pejabat Pemungut lewat meluluskan Penyata Pemungut di skrin komputer Sistem SPEKS. Oleh itu, pengeluaran resit rasmi oleh Perbendaharaan hanya dapat dikeluarkan antara 1 hingga 8 hari. Ini mengakibatkan Bendahari Negeri tidak dapat mengakaunkan hasil kutipan dengan segera ke Buku Tunai Perbendaharaan Negeri. Namun begitu, Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan selanjutnya untuk mengatasi masalah kelewatan ini.

### **9.2.3 Penyata Penyesuaian Hasil**

Arahan Perbendaharaan 143(b) menghendaki Pemungut Hasil menyediakan Penyata Penyesuaian jika sekiranya baki mengikut Buku Tunai Jabatan berbeza dengan baki mengikut Laporan Hasil Bulanan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri. Pengesahan hendaklah diberi dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Hasil Bulanan diterima. Semakan Audit mendapati semua Pemungut Hasil mematuhi arahan

ini. Bagaimanapun, ada 7 Jabatan yang lewat membuat pengesahan dan penyesuaian iaitu antara 1 hingga 18 bulan. Jabatan yang terlibat termasuk Jabatan Perhilitan dan Pusat Perkhidmatan Haiwan Kangar. Walaupun demikian Perbendaharaan Negeri ada mengeluarkan surat peringatan kepada Pemungut Hasil yang terlibat. Jabatan Audit Negara berpendapat selain mengeluarkan surat peringatan, pihak Perbendaharaan Negeri perlu mengadakan perbincangan dengan pemungut. Tindakan tegas selanjutnya perlu diambil oleh Perbendaharaan Negeri terhadap Jabatan yang masih gagal mematuhi peraturan agar kelemahan yang sering dilaporkan tidak berulang.

#### **9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan yang ditandatangani oleh Bendahari Negeri dan mengemukakan salinan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Pada tahun 2004, pihak Bendahari Negeri lewat menyerahkan penyata penyesuaian bank bagi akaun terimaan kepada Jabatan Audit Negara. Tempoh kelewat menyerahkan penyata penyesuaian bank ini adalah antara 9 hingga 87 hari. Walaupun demikian, Perbendaharaan Negeri telah menyediakan penyata penyesuaian bank terimaan berserta dokumen sokongan yang lengkap.

#### **9.2.5 Daftar Cek Tidak Laku**

Cek tidak laku merupakan cek terimaan yang tidak dapat ditunaikan oleh Perbendaharaan Negeri kerana kesilapan tertentu seperti tidak mempunyai baki tunai yang mencukupi, tidak ditandatangani dan kesilapan lain pada cek. Mengikut peraturan kewangan, satu Daftar Cek Tidak Laku hendaklah diselenggarakan bagi merekodkan semua cek tidak laku yang diterima. Susulan sewajarnya hendaklah diambil bagi mendapatkan cek ganti. Pejabat Perbendaharaan ada menyelenggarakan Daftar Cek Tidak Laku. Mengikut Daftar, pada akhir tahun 2004, sejumlah 5 Jabatan mempunyai cek tidak laku bernilai RM69,958. Jabatan yang mempunyai cek tidak laku terbesar ialah Jabatan Tanah Dan Galian Perlis dengan cek tidak laku bernilai RM38,416. Sejumlah RM59,759 daripada cek tidak laku berkenaan telah diganti semula.

#### **9.2.6 Tunggakan Hasil**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986, semua Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil setiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri sebelum akhir bulan Februari tahun berikutnya. Kesemua Pemungut Hasil telah mengemukakan penyata tersebut pada tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2004, tunggakan hasil bagi 7 Jabatan telah meningkat iaitu daripada RM19.75 juta pada tahun 2003 menjadi RM20.91 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan adanya pelanggan Jabatan yang masih tidak dapat melunaskan tunggakan bil masing-masing. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri mengambil berat perkara

ini dengan menjadikan tunggakan hasil sebagai agenda utama mesyuarat dengan Jabatan Pemungut Hasil. Kedudukan tunggakan hasil adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**

**Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 dan 2004**

Perkara	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Kenaikan/ (Penurunan) (RM Juta)
Sewaan Perumahan Awam Kos Rendah	7.82	8.25	0.43
Cukai Tanah/Tali Air/Denda	6.52	6.52	-
Bil Air	5.24	5.82	0.58
Pelbagai Hasil	0.17	0.32	0.15
<b>Jumlah</b>	<b>19.75</b>	<b>20.91</b>	<b>1.16</b>

*Sumber : Penyata Akaun Awam*

**Pada pendapat Audit, secara amnya kawalan hasil adalah baik. Walaupun begitu, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi mengatasi beberapa kelemahan yang masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan Audit terdahulu.**

### **9.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Pada tahun 2004, sejumlah RM67.26 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus manakala sejumlah RM60.31 juta untuk pelaksanaan projek pembangunan. Jumlah ini termasuk perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM16.95 juta.

#### **9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Sejumlah RM111.77 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan tahun 2004, termasuk peruntukan tambahan berjumlah RM8.24 juta yang belum dibentangkan atau diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri sehingga laporan ini ditulis. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM67.26 juta atau 60.2% telah dibelanjakan. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2004 berbanding dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2004**

Bil	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Emolumen	22.51	22.09	98.13
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	25.56	24.91	97.46
3.	Aset	1.29	1.22	94.57
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	62.11	18.93	30.48
5.	Perbelanjaan Lain	0.30	0.11	36.67
<b>Jumlah</b>		<b>111.77</b>	<b>67.26</b>	<b>60.18</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri

Daripada peruntukan RM111.77 juta, sejumlah RM40.64 juta tidak dibelanjakan langsung. Ia melibatkan 9 butiran perbelanjaan melibatkan 10 Jabatan. Antara peruntukan yang tidak dibelanjakan adalah peruntukan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap bagi bayaran balik hutang berjumlah RM40 juta.

### 9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2004 berjumlah RM60.31 juta iaitu 84.1% daripada peruntukan berjumlah RM71.70 juta. Analisis terhadap perbelanjaan pembangunan mendapati 4 projek di bawah 3 Pegawai Pengawal yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1.61 juta tidak dibelanjakan langsung. Manakala perbelanjaan bagi 5 projek yang lain telah dibelanjakan kurang daripada 50% daripada peruntukan yang berjumlah RM1.75 juta. Kedudukan peruntukan tidak dibelanjakan langsung adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Peruntukan Pembangunan Yang Tidak Dibelanjakan Langsung Pada Tahun 2004**

Bil.	Jabatan/ Pejabat	Bilangan Projek	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	1	0.10
2.	Jabatan Kerja Raya	2	1.50
3.	Jabatan Perhutanan	1	0.01
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>1.61</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam

### **9.3.3 Kawalan Pembayaran**

#### **a) Baucar Bayaran**

Baucar yang telah disempurnakan pembayarannya hendaklah disimpan dengan selamat dan disusun mengikut nombor siri pendaftarannya. Kawalan dan penyusunannya adalah penting untuk memudahkan rujukan dan pengesahan terhadap baucar berkenaan. Pada tahun 2004, sebanyak 1,350 baucar bernilai RM143.82 juta telah dipilih untuk pengesahan Audit dan mendapati baucar bayaran adalah diuruskan dengan teratur.

#### **b) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)**

Pada setiap akhir bulan, Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan bagi mengenal pasti dan menyesuaikan urus niaga yang belum diambil kira sama ada oleh Bendahari Negeri atau pihak bank. Pada tahun 2004, Penyata Penyesuaian Bank bagi Akaun Bayaran keseluruhannya adalah lewat dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara antara 13 hingga 87 hari kecuali bagi bulan September 2004. Kelewatan ini disebabkan sistem SPEKS masih belum berfungsi dengan sempurna serta kelewatan pihak bank mengemukakan penyata bank berkomputer bagi tujuan penyesuaian.

#### **c) Pengesahan Perbelanjaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Pegawai Pengawal atau wakilnya hendaklah menyemak setiap bulan rekod perbelanjaannya dengan Laporan Terperinci Perbelanjaan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri. Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian perlu disediakan dan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan diterima. Mengikut Daftar Laporan Perbelanjaan Bulanan tahun 2004, semua pejabat telah mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan/Kerajaan Tempatan) telah lewat mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian antara 12 hingga 49 hari. Antara sebab kelewatan ini adalah kekurangan kakitangan dan pemantauan oleh Pegawai Pengawal.

#### **d) Kawalan Stok Cek**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 116, stok cek yang tidak digunakan hendaklah disimpan dalam peti besi dan kuncinya dipegang oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah mematuhi arahan tersebut. Sebagai satu kawalan terhadap cek yang belum digunakan, satu daftar untuknya telah disediakan. Adalah didapati daftar tersebut telah diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini. Semua terimaan dan keluaran cek juga telah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Pihak Audit

juga mendapati cek yang ditandatangani tetapi belum di pos adalah dikawal dan disimpan dengan baik.

**e) Kawalan Cek Batal**

Cek batal adalah cek bayaran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri yang tidak dapat ditunaikan oleh penerima kerana kesilapan tertentu seperti kesilapan ejaan nama, nombor kad pengenalan dan catatan jumlah cek bayaran. Selain itu, cek batal juga berlaku sekiranya cek tidak ditunaikan selepas tamat tempoh lakunya. Mengikut Daftar Cek Batal yang diselenggarakan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri, baki Akaun Cek Batal pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM0.54 juta. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati baki Akaun Cek Batal tahun 2004 adalah sejumlah RM0.87 juta. Perbezaan berjumlah RM0.33 juta tidak dapat ditentukan kerana penyata penyesuaian tidak disediakan.

**f) Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Peraturan kewangan membenarkan Perbendaharaan Negeri membayar baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat sekiranya Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut kena dibayar. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan Negeri menyediakan daftar khas untuk merekodkan setiap baucar yang dikemukakan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Semakan baki peruntukan akan dilakukan untuk memastikan setiap permohonan untuk pembayaran mempunyai baki peruntukan sebelum kelulusan diberi. Pada tahun 2004, sebanyak 488 baucar bayaran bernilai RM1.23 juta telah dibayar dengan kelulusan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Semakan Audit terhadap 110 baucar bernilai RM0.72 juta mendapati baucar pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) telah dibuat dengan menggunakan peruntukan tahun semasa tanpa mendapatkan kebenaran Bendahari Negeri terlebih dahulu.

**g) Pembayaran Secara Tunai**

Arahan Perbendaharaan 96 membenarkan Ketua Jabatan membuat bayaran secara tunai dengan menggunakan baucar yang disokong dengan senarai nama penerima. Sekiranya bayaran tidak diagihkan pada tempoh 21 hari, baucar tersebut dan senarai nama penerima berserta wang yang tidak dapat dibayar hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati Pejabat Perbendaharaan Negeri tidak menyediakan sebuah daftar bagi bayaran sedemikian untuk memastikan pejabat yang membuat bayaran secara tunai mematuhi peraturan ini. Antara Jabatan yang membuat bayaran secara tunai ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pertanian.

#### **h) Akaun Kena Bayar**

Mengikut peraturan, bil untuk perkhidmatan atau bekalan yang telah disempurnakan pada atau sebelum akhir tahun 2004 adalah dibenarkan dibayar di bawah Akaun Kena Bayar. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada bulan November 2004 membenarkan bayaran bagi perbelanjaan tahun 2004 di bawah Akaun Kena Bayar dibuat sehingga akhir bulan Januari 2005 sahaja. Pada tahun 2004, sebanyak 1,347 baucar bayaran bernilai RM12.81 juta telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan perbelanjaan adalah memuaskan.**

#### **9.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

Selain daripada bergantung kepada hasil yang dikutip sendiri, Kerajaan Negeri juga telah mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan memberi pinjaman kepada Agensi Negeri. Pinjaman yang dibuat adalah untuk melaksanakan projek seperti projek perumahan awam kos rendah, bekalan air dan projek yang diluluskan melalui Agensi Negeri dan lain-lain.

##### **9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

Pada akhir tahun 2004, baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM181.30 juta berbanding sejumlah RM144.31 juta pada tahun 2003 iaitu meningkat sejumlah RM36.99 juta atau 26%. Peningkatan sejumlah RM36.99 juta adalah pinjaman baru yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004 untuk tujuan pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah dan Projek Bekalan Air masing-masingnya sejumlah RM6.43 juta dan RM19.99 juta. Pengurusan pinjaman pada keseluruhannya adalah memuaskan. Rekod berkaitan pinjaman seperti Daftar Pinjaman dan Daftar Bayaran Balik telah diselenggarakan dengan teratur. Semakan Audit mendapati semua dokumen perjanjian pinjaman disediakan dan ditandatangani. Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan walaupun sejumlah RM40 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut di bawah Perbelanjaan Tanggungan. Jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM30.33 juta iaitu menurun RM17.85 juta berbanding RM48.18 juta pada tahun 2003 kerana 8 pinjaman bagi projek Kerajaan/Agensi Negeri telah dijadualkan semula pada tahun 2004. Kerajaan Negeri menghadapi kesukaran menjelaskan bayaran balik pinjaman kerana kedudukan kewangannya tidak kukuh.

#### **9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi Negeri**

Pada akhir tahun 2004, baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada 2 Agensi Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Yayasan Islam Perlis adalah berjumlah RM34.84 juta. Semakan Audit mendapati rekod dan dokumen setiap perjanjian pinjaman telah disediakan dengan sempurna. Bagaimanapun, perjanjian pinjaman baru yang diberi kepada Yayasan Islam Perlis dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis pada tahun 2004 masing-masing sejumlah RM3.16 juta dan RM5 juta belum disediakan dan ditandatangani. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Agensi Negeri berkenaan pada akhir tahun 2004 berjumlah RM7.42 juta. Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang bayaran balik pinjaman pada tahun 2004. Kedudukan kewangan kedua Agensi ini tidak kukuh dan mengalami masalah aliran tunai menyebabkan mereka tidak dapat menjelaskan pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan.

**Pada keseluruhannya, Perbendaharaan Negeri telah menyelenggarakan akaun pinjaman dengan baik.**

#### **9.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Seksyen 8 Akta Acara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk di Lembaran Imbang. Pada tahun 2004, pelaburan Kerajaan Negeri melalui simpanan tetap adalah berjumlah RM8 juta. Pelaburan ini dibuat dengan mematuhi undang-undang dan telah mendapat kelulusan sewajarnya. Daftar Simpanan Tetap diselenggarakan dengan teratur dan sijil simpanan tetap disimpan dengan selamat. Simpanan tetap telah diperbaharui mengikut tempoh yang ditetapkan dan tiada pengeluaran dibuat sebelum tempoh matang.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah baik di mana rekod serta daftar simpanan tetap telah diselenggarakan dengan kemas kini.**

#### **9.6 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH, AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Negeri ditubuhkan bagi mengakaunkan wang amanah yang diterima dan dibelanjakan sesuai mengikut maksud penubuhannya. Penubuhan ini mengikut Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957. Manakala deposit pula merupakan wang yang diterima oleh sesuatu Jabatan bagi sesuatu maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Pada tahun 2004, Perbendaharaan Negeri menyelenggarakan 6 Akaun Amanah yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah

Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki Akaun Amanah ini pada akhir tahun 2004 berjumlah RM133.39 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan Akaun Amanah mendapati perkara berikut:

#### **9.6.1 Akaun Amanah**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001, Jabatan dikehendaki menyimpan dan menyelenggarakan Akaun Amanah dengan teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selain itu, Jabatan Negeri juga dikehendaki mengemukakan penyata tahunan Akaun Amanah di bawah tanggungjawab masing-masing kepada Jabatan Audit Negara secepat mungkin selepas akaun tersebut ditutup pada setiap akhir tahun. Secara keseluruhan penyelenggaraan rekod Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah adalah teratur dan kemas kini. Kesemua Jabatan telah mengemukakan penyata tahunan Akaun Amanah bagi tahun 2004.

#### **9.6.2 Akaun Deposit**

Selain daripada Kumpulan Wang Amanah, Perbendaharaan Negeri juga menyelenggara Akaun Deposit yang antaranya ialah Deposit Tanah, Deposit Am Jabatan, Deposit Wang Jaminan dan Cagaran Bekalan Air. Pengurusan di peringkat Perbendaharaan Negeri adalah penting bagi memastikan Akaun Deposit di semua Negeri diurus dengan baik dan sempurna. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan proaktif dengan memastikan Jabatan mengemukakan senarai baki deposit pada 31 Disember tiap-tiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Audit Negara. Baki keseluruhan 20 akaun deposit pada 31 Disember 2004 adalah berjumlah RM31.62 juta. Kesemua Jabatan telah mengemukakan senarai baki deposit mengikut tempoh yang ditetapkan.

#### **9.6.3 Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan-badan Berkanun Dan Lain-lain**

Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan-badan Berkanun Dan Lain-lain diwujudkan bagi memberi pinjaman kepada Agensi Kerajaan Negeri yang diluluskan. Peruntukan bagi Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM6 juta. Bagaimanapun pada akhir tahun 2004, Kumpulan Wang ini mempunyai baki debit berjumlah RM7.96 juta dan baki yang boleh dituntut pula berjumlah RM13.96 juta. Mengikut rekod di Pejabat Perbendaharaan Negeri, baki pinjaman yang dikenal pasti adalah daripada 2 agensi kerajaan iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Yayasan Islam Perlis masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM8.96 juta.

**Pada keseluruhannya, penyelenggaraan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah adalah memuaskan.**

## **10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD BAGI KERAJAAN NEGERI**

### **10.1 LATAR BELAKANG**

Pada bulan Ogos tahun 2001, Kerajaan Negeri Perlis telah mula melaksanakan sistem perakaunan berkomputer yang baru iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard bagi Kerajaan Negeri (SPEKS). Sistem ini dibangunkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengeluarkan Penyata Kewangan yang standard, berkualiti dan disediakan pada masa yang ditetapkan. Sistem ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangan, memperbaiki kelemahan pentadbiran kewangan Kerajaan Negeri dan menjadi sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat kewangan negeri. Pelaksanaan sistem ini melibatkan 18 Pusat Tanggungjawab iaitu Perbendaharaan Negeri, Unit Pentadbiran Daerah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pembangunan Negeri, Jabatan Pertanian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air), Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Perhutanan, Mahkamah Syariah, Pejabat Mufti, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Pejabat DYMM.

### **10.2 OBJEKTIF SPEKS**

Objektif SPEKS diadakan antara lain adalah bagi melicinkan dan mempertingkatkan produktiviti dan pengurusan kewangan Negeri dalam mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan perakaunan bagi menyediakan penyata kewangan yang sempurna dan bertepatan pada masa yang dikehendaki. Selain itu, ia juga mengadakan Pusat Sumber Maklumat Kewangan supaya maklumat kewangan yang tepat dapat diperoleh dengan lebih mudah dan cepat serta menyediakan Kerajaan Negeri ke Era Kerajaan Elektronik.

### **10.3 STATUS PELAKSANAAN SPEKS**

Jadual Pelaksanaan adalah merupakan mekanisme perancangan yang perlu disediakan sebelum memulakan sesuatu sistem. Selain itu, Jadual Pelaksanaan juga penting sebagai pengukur kepada prestasi pelaksanaan sesuatu sistem. Sistem ini yang dibangunkan dengan 11 modul dan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan 3 fasa. Fasa pertama ialah pelaksanaan Modul Lejar Am, Buku Vot, Belanjawan dan Pengurusan Dokumen (Terdapat 7 dokumen menggunakan *Lotus Notes*) manakala fasa kedua melibatkan Modul Gaji dan Lejar Kecil (*Subsidiary Ledger*). Fasa ketiga pula melibatkan Modul Kewangan Pusat Tanggungjawab, Pengurusan Aset, Pelaburan/Pinjaman dan Sistem Maklumat Pengurusan (MIS). Bagi Modul Pelaburan dan Sistem Maklumat pelaksanaannya adalah pada bulan Februari dan Mei 2005. Sistem ini dijana oleh 3 unit *server* iaitu *server* program aplikasi, pangkalan data dan sistem pengurusan dokumen. Semua *server* ini

diletakkan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Jabatan Audit Negara dimaklumkan bahawa sistem ini siap sepenuhnya pada bulan April 2005.

#### **10.4 STATUS PELAKSANAAN MODUL KEWANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB**

Modul Kewangan Pusat Tanggungjawab adalah modul yang dinaiktarafkan daripada Modul Buku Vot yang telah dipasang dan dilaksanakan mulai November 2004 yang melibatkan 18 Pusat Tanggungjawab. Pada peringkat awal pelaksanaan tersebut, beberapa Sub Modul seperti Bil Invois Dengan Pesanan Tempatan, Daftar Bayaran Dengan Pesanan Tempatan dan Baucar Bayaran didapati tidak berfungsi seperti dirancang. Bagaimanapun masalah ini dapat diselesaikan oleh pihak pembekal. Modul Kewangan Pusat Tanggungjawab ini juga mengandungi 7 tambahan sub modul iaitu Terimaan Bayaran, Panjar Wang Runcit, Panjar Wang Runcit (Rekupmen), Panjar Wang Runcit (Pungutan Cek), Cek Ganti, Maklumat Asas Projek dan Maklumat Sewa Beli. Hanya Sub Modul Terimaan Bayaran masih di peringkat percubaan. Walaupun demikian, kesemua Sub Modul bagi Modul Kewangan Pusat Tanggungjawab masih belum dilaksanakan sepenuhnya sehingga kini kerana belum mendapat arahan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

#### **10.5 KAWALAN UMUM DALAM SPEKS**

Kawalan umum adalah penting dalam persekitaran sistem berkomputer bagi memastikan kemampuan sistem tersebut mencapai objektif ia dibangunkan. Di samping itu, ia juga penting bagi menjamin kerahsiaan, keutuhan, kebolehsediaan dan kebolehpercayaan terhadap data serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Kelemahan kawalan umum akan menyebabkan kegagalan sistem pengkomputeran tersebut untuk mencapai tujuan dan mendedahkannya kepada ancaman pencerobohan. Ada beberapa aspek kawalan umum yang perlu dipraktikkan bagi menjamin kejayaan sesuatu pengkomputeran sistem, antaranya termasuklah Kawalan Pengurusan dan Organisasi, Kawalan Akses Logikal, Kawalan Fizikal dan Persekitaran, Kawalan Pelan Meneruskan Operasi serta Kawalan Perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga.

##### **10.5.1 Kawalan Pengurusan Dan Organisasi**

Kawalan Pengurusan dan Organisasi adalah perlu bagi memastikan pihak pengurusan peringkat tertinggi terlibat secara langsung dalam pelaksanaan sistem. Adalah diperhatikan, bahawa penglibatan pegawai tersebut dalam merancang dan melaksana sistem adalah memuaskan. Ini adalah kerana pegawai tersebut adalah merupakan pegawai yang bertanggungjawab berurus dengan pihak pembangun sistem iaitu Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengenai hal yang berkaitan sistem ini. Pihak pengurusan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pelaksanaan Peringkat Negeri. Jabatan Audit Negara dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Peringkat Negeri dan

dipanggil untuk menghadiri mesyuarat. Di peringkat Pusat Tanggungjawab pula, Ketua Jabatan adalah pegawai yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan kerana terlibat secara langsung meluluskan transaksi yang akan diproses oleh sistem. Selain itu, Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Panduan Penggunaan SPEKS dan Surat Pekeliling Kewangan bagi menerangkan perkara penting berkaitan pelaksanaan SPEKS.

#### **10.5.2 Kawalan Akses Logikal**

Kawalan Akses Logikal adalah langkah dan tatacara yang bersistematik dalam organisasi dan dalam produk aplikasi yang digunakan bagi mengawal sumber komputer (data, program dan terminal) daripada pencerobohan. Kelemahan kawalan ini akan mengakibatkan sistem boleh diakses tanpa kebenaran dan pindaan dibuat tanpa kelulusan. Kawalan ini terbahagi kepada dua mengikut fungsinya iaitu Kawalan Akses Logikal bagi pencegahan pencerobohan dan Kawalan Akses Logikal bagi pengesahan pencerobohan.

##### **a) Kawalan Akses Logikal Bagi Pencegahan Pencerobohan**

Kawalan Pencegahan terdiri daripada pelbagai jenis. Bagaimanapun, untuk tujuan sistem ini ada 4 kawalan yang perlu diberi penekanan iaitu Pengenalan Pengguna, Pengesahan, Perlindungan Sumber dan beberapa jenis Kawalan Tambahan.

- i) Perwujudan pengenalan pengguna bagi sistem ini dikawal oleh Bendahari di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapat perwujudan pengenalan pengguna menggunakan nama pengguna sama ada nama pertama ataupun ringkasan nama pengguna tersebut. Penggunaan nama tersebut adalah unik. Bagaimanapun perwujudan nama baru bagi kali yang kedua adalah tidak dibenarkan oleh sistem. Adalah lebih selamat dan sistematik sekiranya perwujudan pengenalan pengguna berpandukan kepada satu prosedur yang rasmi dan seragam.
- ii) Sistem ini menggunakan kata laluan sebagai pengesahan kepada identiti penggunanya. Kawalan terhadap kata laluan amatlah penting dalam sistem ini kerana kelemahan kawalan kata laluan akan mendedahkan sistem ini kepada pelbagai ancaman pencerobohan. Oleh itu, satu prosedur rasmi perlu diwujudkan oleh Kerajaan Negeri mengawal kata laluan seperti mendedahkan pengguna kepada keperluan menjaga kerahsiaan kata laluan dan prosedur bagi menghapuskan kata laluan pegawai yang meninggalkan perkhidmatan. Sistem ini juga haruslah dibangunkan dengan kawalan terhadap pembentukan kata laluan termasuklah komposisi kata laluan, kombinasi kata laluan dan had minimum sesuatu kata laluan. Selain itu, sistem ini juga haruslah mampu mewajibkan penukaran kata laluan melalui cara menghalang pengguna daripada mencapai sistem sekiranya mereka tidak menukar kata laluan bagi tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapat sistem ini tidak dibangunkan dengan kawalan tersebut, umpamanya pengguna boleh

mengjudkan kata laluan seminimum yang mungkin. Ini adalah merupakan kelemahan pada kawalan kata laluan kerana ia akan memudahkan penceroboh untuk meneka kata laluan tersebut. Semakan Audit juga mendapati penghapusan kata laluan akan dibuat dengan cara membatalkan pengenalan pengguna pegawai yang telah dikenal pasti meninggalkan perkhidmatan. Selain daripada penggunaan kata laluan, *firewall* digunakan dan diletakkan di bilik *server* untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan.

- iii) Kawalan Perlindungan Sumber bermaksud menghadkan akses sesuatu pengguna dalam sistem kepada sesuatu aplikasi yang berkaitan sahaja. Semakan Audit mendapati kawalan perlindungan sumber adalah memuaskan bagi sistem ini. Setiap pengguna diberi kebenaran akses mengikut kuasa yang ada pada jawatan yang dipegang oleh pengguna berkenaan. Contohnya, pegawai penyemak hanya dibenarkan mengakses untuk menyemak transaksi sahaja dan tidak boleh menambah, meminda atau meluluskan transaksi begitu juga sebaliknya. Selain itu, pengguna bagi sesuatu Sistem Gaji umpamanya, adalah dihadkan akses kepada Sistem Gaji sahaja dan tidak diberi kebenaran untuk membuat akses kepada sistem lain.
- iv) Semakan Audit mendapati sistem kawalan *Automatic Terminal Time Out* tidak disediakan dalam sistem ini. Sistem kawalan tersebut seharusnya diwujudkan di dalam sistem tersebut bagi memastikan sistem selamat dan terkawal.

**b) Kawalan Akses Logikal Bagi Pengesanan Pencerobohan**

Segala kawalan yang dimaklumkan di atas adalah berunsur pencegahan bagi memastikan orang yang tidak sepatutnya mengakses sistem. Kawalan seterusnya yang perlu ditekankan juga adalah kawalan pengesanan percubaan menceroboh dan aktiviti orang yang tidak dibenarkan. Kebiasaannya kawalan pengesanan ini dilakukan melalui cara menjelaki kronologi aktiviti yang telah dilakukan dalam Log Audit. Sistem yang baik mestilah memiliki dua Log Audit iaitu Log Audit Sekuriti dan Log Audit Transaksi. Log Audit Sekuriti merekodkan maklumat berkenaan aktiviti pengguna seperti kegagalan mengakses yang dibuat terhadap fail terkawal dan penggunaan utiliti sistem dan aplikasi umpamanya aplikasi mana yang diguna, bila dan oleh siapa. Semakan Audit mendapati sistem ini tidak mempunyai Log Audit Sekuriti yang menyebabkannya gagal mengesan aktiviti pengguna mahupun penceroboh di dalam sistemnya. Log Audit yang kedua ialah Log Transaksi yang berfungsi merekodkan transaksi yang diproses dalam sistem. Sistem ini juga tidak mempunyai Log Audit untuk transaksi dan ini akan menyukarkan sistem mengesan semula pemprosesan transaksi yang telah dilakukan oleh sistem.

**10.5.3 Kawalan Fizikal dan Persekutaran**

Kawalan Fizikal dan Persekutaran adalah perlu bagi memastikan aset komputer (perkakasan, perisian dan dokumen) sentiasa terkawal dari pencerobohan fizikal dan selamat dari ancaman persekitaran demi menjaga keutuhan pemprosesan data.

Kawalan fizikal yang perlu ada terdiri daripada kawalan lokasi fizikal bagi bilik *server* dan kawalan keselamatan di pintu keluar masuk bilik *server*. Kawalan persekitaran pula adalah terdiri daripada kawalan mengelak daripada ancaman kebakaran, banjir, serangga perosak dan seterusnya cara untuk mengatasi sekiranya berlaku ancaman tersebut seperti peruntukan *back-up* dan pelan menghadapi kecemasan. Lawatan ke bilik *server* mendapati lokasi fizikal bilik *server* adalah pada kedudukan yang lebih tinggi daripada lantai biasa (*raised floor*), memiliki pencahayaan lampu yang mencukupi, kedudukan bilik yang terasing dan hanya memiliki satu pintu keluar masuk sahaja. Manakala bagi kawalan keselamatan di pintu masuk bilik *server* pula, adalah didapati bilik *server* tidak dikunci sama ada masa bekerja atau pun di luar waktu bekerja. Daftar keluar masuk ke bilik *server* tidak diselenggarakan dan kebenaran memasuki hanya diberi secara lisan. Kedudukan bilik *server* berada pada tingkat bawah manakala dinding bahagian luar dibina daripada cermin kaca, ini memudahkan bilik berkenaan dicerobohi. Bilik yang bersebelahan dengan bilik *server* mengalami kebocoran air tandas yang terletak pada tingkat atas. Bilik *server* tidak dilengkapi dengan kemudahan mengesan dan mencegah kebakaran iaitu alat pengesan asap dan kepanasan dan alat semburan kebakaran yang berasaskan gas Halon. Alat pemadam api juga tidak diletakkan di bilik *server* atau berhampiran. Bagaimanapun begitu, tidak ada pelan atau latihan menghadapi kecemasan yang pernah dibuat bagi menghadapi pencerobohan atau kebakaran.

#### **10.5.4 Kawalan Perancangan Operasi Berterusan**

Kawalan Perancangan Operasi Berterusan adalah jaminan kepada keupayaan sesuatu sistem untuk terus melaksanakan pemprosesan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini kepada aset komputer dan persekitarannya. Ada dua kawalan yang penting iaitu *back-up* bagi data dan program aplikasi serta prosedur menghadapi kecurian, kehilangan, kerosakan yang disengajakan atau sebaliknya. Bagi pelaksanaan sistem ini, *back-up* bagi data adalah penting kerana data kewangan di dalam sistem ini adalah sangat perlu untuk meneruskan pemprosesan jika berlaku gangguan di bilik *server*. Manakala *back-up* bagi program aplikasi bukanlah keutamaan kerana sistem ini berasaskan web (*web based system*). Prosedur *back-up* dan pemulihan yang sempurna haruslah ada dalam sistem ini bagi membolehkan *back-up* yang dibuat lengkap dan boleh diguna pakai untuk pemulihan semula sistem apabila berlaku gangguan pada sistem komputer. Pelan atau prosedur luar jangka bagi menghadapi sebarang kemungkinan kerosakan pada data juga harus dibuat secara rasmi yang mana setiap pegawai tahu peranan bagi membolehkan pemulihan berjalan lancar. Semakan Audit mendapati *back-up* data dibuat secara harian, mingguan dan bulanan. *Back-up* berkenaan disimpan di bangunan yang berasingan iaitu di bilik kebal Pejabat Bendahari Negeri dan di Pejabat Cawangan Akauntan Negara. Bagaimanapun, pelan luar jangka yang rasmi tidak disediakan bagi pemulihan data.

#### **10.5.5 Kawalan Terhadap Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh Pihak Ketiga**

Kawalan Terhadap Perkhidmatan Yang Diberikan oleh Pihak Ketiga iaitu Konsortium Jaya Sdn. Bhd. adalah perlu bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut perjanjian. Oleh itu, Bendahari Negeri hendaklah merujuk kepada surat perjanjian dan dokumen lain yang berkaitan untuk memastikan segala perkhidmatan yang diterima adalah berdasarkan apa yang telah dipersetujui dalam surat perjanjian tersebut. Semakan Audit mendapati pihak Kerajaan Negeri tidak ada salinan perjanjian berhubung pelaksanaan sistem ini. Tindakan hendaklah diambil untuk mendapatkan salinan surat perjanjian tersebut dan dokumen lain yang berkenaan bagi memastikan Kerajaan Negeri mendapat perkhidmatan yang sepatutnya.

**Pada keseluruhannya, pelaksanaan sistem ini telah mengalami kelewatan. Selain itu, keselamatan bilik server adalah kurang memuaskan dan sistem ini juga perlu dibuat penambahbaikan dari segi Kawalan Akses Logikal terutamanya kawalan kata laluan.**

### **11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbendaharaan Negeri adalah bertambah baik. Penggunaan sistem SPEKS pula telah meningkatkan keupayaan Perbendaharaan Negeri mengemaskinikan rekod perakaunannya. Bagaimanapun, kelemahan kawalan perbelanjaan seperti peruntukan tidak dibelanjakan dan kelewatan dalam penyediaan penyata penyesuaian perlu diambil tindakan yang berkesan. Perbendaharaan Negeri juga perlu menjelaskan tunggakan dan bayaran balik pinjaman Persekutuan mengikut jadual serta mengutip tunggakan pinjaman yang diberi kepada Agensi Negeri. Selain itu, Perbendaharaan Negeri perlu memantau secara berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan Jabatan mematuhi undang-undang dan prosedur kewangan.

## PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN

### 12. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2004, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sehingga 31 Disember 2004, jumlah hasil, perbelanjaan dan akaun amanah/deposit bagi 2 Jabatan berkenaan adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi Tahun 2004**

Bil.	Jabatan	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Deposit (RM Juta)
1.	Jabatan Perhutanan	2.7	0.93	0.04
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	-	2.89	-
<b>Jumlah</b>		<b>2.7</b>	<b>3.82</b>	<b>0.04</b>

*Sumber : Rekod Kewangan Jabatan Berkenaan*

### 13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah dan deposit serta pengurusan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan telah dijalankan dengan menyemak rekod kewangan bagi tahun 2004 di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Antara rekod utama yang disemak ialah Buku Tunai, Buku Vot, resit, baucar bayaran, Daftar Harta Modal dan lain-lain rekod kewangan. Perbincangan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan terhadap perkara berbangkit juga diadakan. Selain itu, pengesahan terhadap aset juga dijalankan untuk menentukan kewujudannya.

### 14. PENEMUAN AUDIT

#### 14.1 KAWALAN PENGURUSAN

Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik, penurunan kuasa yang teratur, panduan dan prosedur kerja yang kemas kini serta latihan dan bimbingan kerja kepada kakitangan akan membantu meningkatkan produktiviti Jabatan. Pemeriksaan Audit mendapati 2 Jabatan berkenaan tidak mematuhi peraturan berhubung dengan penyediaan

Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Ini kerana kedua dokumen tersebut tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Walaupun demikian, kedua Jabatan berkenaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut tidak mengadakan mesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004. Kedudukan kawalan pengurusan Jabatan yang diaudit adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Kedudukan Kawalan Pengurusan**

Jabatan	Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Jabatan Perhutanan	x	x	x	x	/	x
Jabatan Kebajikan Masyarakat	x	x	/	x	/	x

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : / - Mematuhi

x - Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali

Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah penting supaya kakitangan awam dapat mengetahui tugas dan tanggungjawab dan bagaimana tugas itu dilaksanakan. Selain itu penekanan terhadap latihan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan aktiviti pengurusan kewangan juga penting. Adalah diperhatikan di Jabatan Perhutanan, kakitangan yang terlibat secara langsung sahaja yang diberi latihan, pegawai seperti Pengawas Hutan yang menjalankan aktiviti pungutan hasil di Taman Negeri, Taman Herba dan Kuari Batu juga perlu didedahkan dengan undang-undang dan peraturan kewangan tentang keselamatan wang awam dan sebagainya. Di Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, latihan berkaitan pengurusan kewangan ada diberikan kepada kakitangan Unit Kewangannya.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Jabatan perlu dipertingkatkan dengan mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu mengadakan mesyuarat seperti mana yang ditetapkan Pekeliling berkaitan.**

## 14.2 KAWALAN HASIL

Tanggungjawab Pemungut Hasil adalah untuk memungut, menyimpan dan mengakaunkan kutipan hasil dengan sempurna dan teratur. Bagi kedua Jabatan yang diaudit, hanya Jabatan Perhutanan sahaja yang memungut hasil. Pada umumnya, kawalan hasil telah dilaksanakan dengan memuaskan yang mana rekod dan dokumen kewangan Jabatan ini telah diselenggarakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, kawalan hasil perlu diperbaiki di mana pegawai penyelia hendaklah menyemak Buku Tunai. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

Jabatan	Peraturan Kawalan Hasil							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Jabatan Perhutanan	x	x	/	/	/	/	/	x

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : / - Mematuhi

x - Tidak Mematuhi

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis diberi untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga ada dijalankan
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

## 14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan bagi 2 Jabatan yang diaudit mendapat beberapa peraturan tidak dipatuhi. Antaranya ialah catatan transaksi di Buku Vot tidak ditandatangani dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab. Manakala Daftar Bil bagi kedua Jabatan tidak dikemas kini dan tidak diperiksa oleh pegawai kanan. Penyata penyesuaian perbelanjaan bagi Jabatan Perhutanan lewat dikemukakan. Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat pula penyata penyesuaian perbelanjaan ada disediakan tetapi tidak lengkap dan sempurna. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Perbelanjaan**

Jabatan	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Jabatan Perhutanan	x	x	/	/	/	/	x
Jabatan Kebajikan Masyarakat	x	x	x	/	/	x	x

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : / - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Maklumat di Pesanan Tempatan adalah lengkap
- e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Tempatan dikeluarkan
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan bagi Jabatan yang berkenaan adalah kurang memuaskan. Jabatan yang terlibat perlu mengambil tindakan pembetulan dan mengemaskinkan rekod perakaunan.**

#### **14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

Akaun amanah diwujudkan untuk membaiayai sesuatu tujuan mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan. Deposit pula merupakan wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Jabatan yang mempunyai akaun amanah/deposit perlu menguruskan akaun berkenaan mengikut arahan dan peraturan yang berkaitan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit bagi kedua Jabatan adalah seperti berikut :

##### **14.4.1 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah**

Akaun Pinjaman Kenderaan diwujudkan bagi tujuan merekodkan butiran pinjaman kenderaan yang telah diluluskan kepada kakitangan Jabatan. Akaun ini adalah akaun subsidiari manakala akaun kawalannya diselenggarakan oleh pihak Perbendaharaan Negeri. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1993 menghendaki suatu daftar diselenggarakan bagi merekod butiran pinjaman yang telah diluluskan. Semakan Audit mendapati ada 2 orang kakitangan Jabatan Perhutanan membuat pinjaman kenderaan. Bagaimanapun pihak Jabatan tidak menyelenggara Daftar Pinjaman Kenderaan seperti yang dikehendaki. Di Jabatan Kebajikan Masyarakat, akaun pinjaman kenderaan tidak

diselenggarakan kerana tiada pegawai yang membuat pinjaman berkenaan. Tiada pinjaman komputer yang dibuat oleh kakitangan di kedua Jabatan terlibat.

Manakala bagi Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan Akaun Amanah Pampasan Kira-Kira Waris yang diselenggarakan oleh Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, baki kedua Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2004 adalah masing-masing berjumlah RM227,966 dan RM141,764. Baki ini telah dibawa ke hadapan ke tahun berikutnya sejak tahun 2002 dan 2000 yang mana tiada urus niaga dicatatkan bagi tempoh tersebut. Memandangkan tiada aktiviti tanaman semula atau keluaran kayu balak dan pampasan kepada waris yang dibuat maka tindakan perlu diambil sama ada untuk menutup atau meneruskan Kumpulan Wang/Akaun Amanah ini mengikut keperluan Kerajaan Negeri.

#### **14.4.2 Pengurusan Deposit**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Jabatan Perhutanan ada menerima deposit iaitu bagi memungut kayu Teja, penjarangan kayu Jati, membalaik, dapur arang, permit rotan, pajak getah, permit batu dan gerai di Wang Kelian. Pada akhir tahun 2004, baki akaun deposit Jabatan berjumlah RM46,252. Semakan Audit mendapati Daftar Deposit telah tidak diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Selain itu, penyata penyesuaian deposit tahun 2004 tidak disediakan. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit masih tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan, deposit tersebut hendaklah dikredit kepada hasil. Pemeriksaan Audit mendapati 5 akaun deposit yang berjumlah RM2,102 adalah deposit lama yang dibuka sejak tahun 1967 hingga 1993 iaitu melebihi 11 tahun. Jika deposit tersebut tidak diperlukan lagi ia hendaklah dikembalikan atau diwartakan. Pihak Audit dimaklumkan kebanyakan deposit telah dikembalikan kepada pendeposit semasa permit/lesen telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui lagi. Bagaimanapun, Daftar Deposit tidak dikemaskinikan dan baki tersebut masih ditunjukkan dalam akaun deposit. Di Jabatan Kebajikan Masyarakat pula akaun deposit tidak diselenggarakan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan rekod berkaitan amanah/deposit di Jabatan Perhutanan adalah tidak memuaskan. Jabatan Perhutanan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya.**

#### **14.5 PENGURUSAN ASET**

Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Rekod berhubung dengannya juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini

seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991. Antara jenis aset yang dimiliki oleh Jabatan/Pejabat yang diaudit ialah kenderaan, komputer, mesin fotostat, telefon bimbit, perabot dan lain-lain. Semakan Audit di Jabatan Perhutanan dan Kebajikan Masyarakat mendapati kebanyakan peraturan berkaitan pengurusan aset seperti penyelenggaraan daftar, Buku Log, pemeriksaan fizikal dan tindakan pelupusan masih tidak dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Pengurusan Aset**

Jabatan	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Jabatan Perhutanan	x	x	x	x	/	/	x	x	x
Jabatan Kebajikan Masyarakat	/	x	x	/	/	/	x	/	/

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : / - Mematuhi

x - Tidak Mematuhi

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c. Aset mempunyai tanda pengenal 'Hak Milik Kerajaan'
- d. Verifikasi stok dijalankan
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
- g. Buku Log kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan
- i. Pelupusan aset disegerakan

Selain dari perkara yang dinyatakan di atas, semakan lanjut telah dijalankan terhadap beberapa aspek berkaitan pengurusan kenderaan dan pelupusan aset seperti berikut :

#### 14.5.1 Penggunaan Kad Inden Minyak Dan Kad Touch 'n' Go

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 dan 8 Tahun 1999 telah memberikan garis panduan untuk mengawal penggunaan kedua kad tersebut. Menurut pekeliling di atas pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyelenggarakan satu daftar untuk merekodkan penggunaan kad tersebut. Selain itu, kad ini hendaklah disimpan dan dikembalikan kepada pegawai bertanggungjawab selepas digunakan. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyelenggarakan daftar tersebut tetapi tidak dikemas kini. Daftar tersebut juga tidak diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab dan beberapa peraturan berkaitan penggunaan Kad Inden Minyak dan Kad Touch 'n' Go tidak dipatuhi.

#### **14.5.2 Pelupusan Aset**

Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1995, tujuan pelupusan aset dilakukan adalah untuk memastikan bahawa proses keusangan stok/ aset tidak berlaku. Tindakan pelupusan perlu disegearkan supaya tidak timbul masalah kesesakan ruang stor, nilai aset merosot, kerumitan dalam pengurusan stor serta mendapatkan hasil pulangan maksimum. Pemeriksaan Audit di Jabatan Perhutanan mendapati tindakan pelupusan yang dijalankan kurang berkesan dan tidak menepati kehendaki peraturan yang berkaitan. Ada 4 pencetak, dua mesin fotostat dan 1 mesin faks yang rosak dan terbiar serta tidak dibuat pelupusan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset di kedua Jabatan berkenaan adalah kurang memuaskan. Tindakan yang lebih serius perlu diambil terhadap keperluan mengemaskini rekod berkaitan agar pengurusannya menjadi lebih teratur dan kemas. Jabatan hendaklah mengaturkan pemeriksaan fizikal terhadap aset yang tidak boleh digunakan lagi supaya tindakan pelupusan dapat dijalankan.**

### **15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati Jabatan masih tidak mematuhi beberapa peraturan berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/deposit dan pengurusan aset. Rekod perakaunan yang berkaitan juga tidak kemas kini. Bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau urusan kewangan Jabatan. Sehubungan dengan ini, pihak pengurusan juga perlu mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan serta rekod berkaitan agar menepati kehendak peraturan kewangan yang sedia ada. Selain itu, latihan dan bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Bagi Jabatan Perhutanan kelemahan pengurusan kewangan yang dikenal pasti antaranya merupakan kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas penyelenggaraan rekod perakaunan dan pentadbirannya. Adalah disyorkan Kerajaan Negeri menimbang untuk menambahkan jawatan berkenaan dalam meningkatkan tahap pengurusan kewangan di Jabatan Perhutanan.

### **16. PROGRAM PENAMPILAN AUDIT**

#### **16.1 LATAR BELAKANG**

Program Penampilan Audit atau *Audit Presence* mula dilaksanakan pada tahun 2003. Program ini merupakan pemeriksaan Audit terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan. Program Penampilan Audit memberi penekanan

kepada aspek kawalan dalaman dan penyediaan rekod kewangan terutamanya mengenai pengurusan hasil termasuk pengendalian wang panjar. Dengan Penampilan Audit ini Jabatan akan merasa bahawa Jabatannya kerap mendapat perhatian dan nasihat daripada pihak Audit dalam usaha mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan Jabatan.

## **16.2 OBJEKTIF PROGRAM PENAMPILAN AUDIT**

Tujuan Penampilan Audit dijalankan adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan di Jabatan yang dilawati. Ianya dapat mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan auditi mengenai pentingnya mengurus kewangan dan penyenggaraan harta benda Kerajaan dengan cermat dan berhemat. Selain itu, pihak Audit dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan serta menasihati pihak auditi bagi menangani kelemahan pengurusan kewangan.

## **16.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN**

Semasa melaksanakan program Penampilan Audit bagi tahun 2004, Jabatan Audit telah memilih beberapa Jabatan. Pemilihan ini dibuat mengikut *cycle* dan lebih tertumpu kepada Jabatan/Pejabat yang tidak pernah diaudit atau sudah melebihi 3 tahun tidak dilawati dan yang terletak jauh dari Ibu Pejabat. Tatacara pelaksanaan Penampilan Audit ini dimulakan dengan memaklumkan kepada Jabatan tujuan lawatan bagi penampilan Audit serta berbincang dengan pihak auditi terhadap masalah yang dihadapi berhubung dengan pengurusan kewangan Jabatan. Pengauditan dilakukan dengan menilai kawalan dalaman, menyemak rekod dan dokumen utama kewangan yang berkaitan dengan kawalan terimaan, perbelanjaan dan pengurusan aset serta pematuhan kepada kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Fokus pengauditan bergantung kepada aktiviti utama Jabatan tersebut sama ada Jabatan merupakan pemungut hasil yang besar, membuat perbelanjaan yang tinggi atau menguruskan sejumlah besar aset. Pengauditan ini tidak melibatkan ujian *substantive* yang mana memerlukan sampel transaksi diambil untuk pengesahan dan mengambil masa 1 hingga 2 hari. Ia akan disusuli dengan pemerhatian Audit serta perbincangan ringkas bersama pihak auditi terhadap hasil pemeriksaan. Semasa perbincangan tersebut punca kelemahan dan masalah serta cara mengatasinya akan dikenal pasti. Sebanyak 11 Jabatan/Pejabat telah dipilih dan dilawati seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Jabatan/Pejabat Yang Dilawati Bagi**  
**Program Penampilan Audit**

Bil.	Jabatan/Pejabat
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran
2.	Pejabat DYMM Raja Perlis
3.	Jabatan Pembangunan Negeri
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
6.	Jabatan Pertanian
7.	Jabatan Kerja Raya
8.	Jabatan Tanah Dan Galian
9.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
10.	Pejabat Mufti
11.	Pejabat Mahkamah Syariah

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

#### **16.4 PENEMUAN AUDIT**

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan menunjukkan masih wujud kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat yang dilawati. Kelemahan yang ketara ialah dari aspek kawalan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset.

##### **16.4.1 Kawalan Hasil**

Pada keseluruhannya Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil di 3 Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah memuaskan. Sungguhpun begitu, masih ada beberapa peraturan yang tidak dipatuhi, antaranya semakan harian tidak dibuat antara Buku Tunai dan resit di Pejabat Mufti dan kebenaran khusus tidak diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil di Jabatan Pertanian. Sementara bagi Jabatan Tanah Dan Galian serta Pejabat Mufti tidak dijalankan pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga sekurang-kurangnya 6 bulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan 309.

##### **16.4.2 Kawalan Perbelanjaan**

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi berkenaan kawalan perbelanjaan antaranya pegawai yang diberi kuasa hendaklah memperakaunkan dengan betul dan menyemak kesahihan perbelanjaan yang dibuat

serta memastikan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan Audit mendapati pematuhan peraturan kawalan perbelanjaan di 5 Jabatan/Pejabat kecuali Jabatan Perancang Bandar Dan Desa adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana pegawai yang bertanggungjawab di 3 Jabatan/Pejabat yang dilawati tidak menurunkan tandatangan pada Buku Vot Jabatan/Pejabat bagi mengesahkan kesempurnaan catatan transaksi yang dilakukan di Buku Vot. Selain itu, pegawai penyelia bagi 3 Jabatan/Pejabat ini termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam tidak menyemak catatan transaksi pada Buku Vot. Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya yang menandatangani Pesanan Kerajaan telah tidak diberi surat kebenaran. Sementara Daftar Bil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya pula tidak diperiksa oleh pegawai penyelia.

#### **16.4.3 Pengurusan Aset**

Pengauditan menunjukkan kesemua 3 Jabatan yang dilawati tidak menguruskan aset dengan teratur. Ini kerana Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori. Aset Jabatan/Pejabat tidak mempunyai tanda pengenalan Hak Milik Kerajaan dan verifikasi stok tidak dijalankan kecuali Jabatan Pengairan Dan Saliran. Secara keseluruhan, Jabatan Pembangunan Negeri tidak mematuhi kebanyakan peraturan mengenai pengurusan aset yang ditetapkan.

### **16.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pemeriksaan Penampilan Audit menunjukkan tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan di Jabatan dan Pejabat yang dilawati masih tidak memuaskan kerana banyak prosedur kewangan yang tidak dipatuhi. Bagi mengatasi masalah ini, Pegawai Pengawal perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan kewangan Jabatannya. Kursus dan latihan pengurusan kewangan hendaklah diberi kepada pegawai dan kakitangan supaya mereka dapat menambah kemahiran dan kefahaman mengenai penyimpanan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Selain itu, seorang pegawai perlu ditugaskan bertanggungjawab terhadap pengurusan dan kawalan aset supaya pengurusannya dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan.

## **17. PROGRAM ANAK ANGKAT**

### **17.1 PENDAHULUAN**

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati kelemahan dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan masih berlaku sungguhpun telah sering kali ditegur oleh pihak Audit.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan/Agensi berkenaan dengan melaksanakan Program Anak Angkat. Melalui Program Anak Angkat beberapa Jabatan/Agensi bermasalah dalam pengurusan kewangan akan dipilih untuk diberi bimbingan dan nasihat bagi memantapkan lagi pengurusan kewangannya.

## **17.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif program adalah untuk membantu Jabatan/Agensi meningkatkan tahap pengurusan kewangannya terutamanya berhubung penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan.

## **17.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN**

Pemilihan Anak Angkat dibuat berdasarkan Jabatan/Agensi yang mempunyai kelemahan pengurusan kewangan yang dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan dan cadangan daripada Ketua Jabatan/Agensi yang menunjukkan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan Jabatannya. Pada tahun 2004, sebanyak 2 pejabat telah dipilih untuk dijadikan Anak Angkat iaitu 1 Jabatan Negeri dan 1 Badan Berkanun Negeri. Jabatan dan Agensi tersebut ialah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Majlis Sukan Negeri. Majlis Sukan Negeri merupakan agensi yang diteruskan program anak angkatnya sejak dari tahun 2003.

## **17.4 TATACARA PELAKSANAAN**

Jabatan/Agensi yang dipilih terhadap program Anak Angkat dimaklumkan melalui surat pelantikan rasmi dan satu *entrance conference* diadakan bagi memberi penjelasan lanjut mengenai program ini. Pihak Audit juga akan mendapatkan pandangan dan maklum balas Jabatan/Agensi berkenaan mengenai aspek kelemahan yang patut diberi penekanan. Satu perancangan diadakan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mencapai objektifnya. Jadual Lawatan Program Anak Angkat disediakan meliputi aktiviti Audit, tarikh dan tempoh masa lawatan serta pegawai Audit yang terlibat. Seterusnya melalui lawatan pertama, penilaian secara menyeluruh dibuat terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang dipilih untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan puncanya. Tumpuan akan diberikan kepada kelemahan paling ketara dan punca utama wujudnya masalah dalam pengurusan kewangan. Kelemahan yang dikenal pasti dibincangkan bersama pihak pengurusan Jabatan/Agensi dengan mencadangkan langkah pembetulan/pembaikan. Pegawai dan kakitangan juga diberi bimbingan melaksanakan tugas pengurusan kewangan yang baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Bagi memastikan langkah pembaikan dan pembetulan diambil secara berterusan, lawatan ke Jabatan/Agensi dibuat sekurang-kurangnya setiap 3 bulan sekali.

## **17.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI**

Hasil lawatan Audit ke Jabatan/Agensi di bawah program Anak Angkat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut :

### **17.5.1 Jabatan Perkhidmatan Haiwan**

- a) Tugas mengutip, memasukkan wang kutipan ke bank dan mengakaunkannya dalam Buku Tunai telah dilakukan oleh pegawai yang sama dan tidak diasingkan tugasnya;
- b) Stok borang hasil tidak direkodkan dalam Daftar Borang Hasil dan perakuan pemeriksaan tentang kebetulan nombor siri stok borang hasil tidak dilakukan;
- c) Daftar Mel, Daftar Tuggakan Hasil dan Daftar Deposit tidak diselenggarakan;
- d) Tuntutan elaun lebih masa melebihi 1/3 daripada gaji tidak mendapat pengesahan pegawai tertinggi;
- e) Buku Vot, Daftar Bil dan Buku Log Kenderaan tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab;
- f) Catatan dalam buku rekod perkhidmatan pegawai tidak dikemaskinikan;
- g) Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah tidak ditubuhkan;
- h) Daftar Pinjaman Kenderaan/Komputer tidak diselenggarakan dan penyesuaian rekodnya tidak dilakukan;
- i) Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan lengkap, pemeriksaan tahunan terhadap harta modal dan inventori tidak dilakukan dan tindakan pelupusan harta benda yang usang/rosak tidak diambil; dan
- j) Sistem penyimpanan rekod dan kawalan stok bekalan makanan, ubatan dan ternakan ruminan kecil di beberapa Pusat Haiwan/Ternakan tidak diselenggarakan dengan sempurna, kemas kini dan lengkap.

### **17.5.2 Majlis Sukan Negeri Perlis**

- a) Daftar Borang Hasil, Daftar Mel dan Daftar Bil tidak diselenggara;
- b) Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan;
- c) Pembayaran tidak direkod ke Buku Tunai;
- d) Aset tidak direkod ke daftar berkenaan dan pemeriksaan tahunan tidak dilaksanakan;
- e) Penyediaan penyata kewangan tidak mengikut amalan yang diluluskan.

## **17.6 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI**

### **17.6.1 Jabatan Perkhidmatan Haiwan**

Secara keseluruhannya Jabatan menyambut baik program Anak Angkat dan telah memberi kerjasama. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Jabatan antaranya pengasingan tugas dibuat antara pemungut dengan pegawai yang merekodkan urus niaga kutipan ke Buku Tunai serta memeriksa kebetulan nombor siri stok borang hasil dan buku resit. Daftar Mel, Daftar Deposit dan Daftar Pinjaman Kenderaan/Komputer telah diselenggarakan. Catatan di Buku Vot telah diperiksa dan

baucar tuntutan eluan lebih masa melebihi 1/3 daripada gaji telah disahkan oleh pegawai kanan yang bertanggungjawab.

#### **17.6.2 Majlis Sukan Negeri Perlis**

Majlis telah menyediakan dan mengemaskini Buku Tunai, Daftar Mel, Daftar Borang Hasil, Daftar Harta Modal Dan Inventori dan penyata penyesuaian bank sebagaimana yang diarahkan. Dokumen berkenaan juga telah disemak dan ditandatangani oleh Pengarah Majlis setiap kali beliau membuat semakan.

### **17.7 PENCAPAIAN**

Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengambil sebahagian tindakan pembetulan untuk meningkatkan tahap pengurusan kewangannya pada tahun 2004. Bagaimanapun, sebahagian besar daripada syor Audit untuk mengatasi kelemahan pengurusan kewangan masih belum diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan yang sewajarnya. Program Anak Angkat Jabatan Perkhidmatan Haiwan ini akan diteruskan pada tahun 2005 yang mana memerlukan komitmen dan kerjasama Jabatan berkenaan untuk mencapai matlamat pelaksanaan Program ini.

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis Sukan Negeri Perlis telah bertambah baik. Kerjasama baik yang diberikan oleh Pengarah serta pegawainya dalam memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan telah berjaya mencapai objektif Program Anak Angkat ini diadakan. Program ini ditamatkan pada bulan Mac 2005. Bagaimanapun, pemantauan daripada Jabatan Audit Negara mengenai pengurusan kewangan Majlis masih diteruskan.

### **17.8 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pelaksanaan Program Anak Angkat adalah merupakan satu daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan awam. Mengikut penilaian dan analisis Audit, Program ini telah dapat memberikan manfaat kepada Jabatan/Agensi di mana mutu pengurusan kewangan bertambah baik dengan adanya teguran dan panduan daripada Jabatan Audit Negara. Walaupun ada Jabatan yang masih kekal terhadap program Anak Angkat pada tahun 2005 kerana tahap pengurusan kewangan yang belum memuaskan, Jabatan berkenaan bersetuju dengan keputusan berkenaan. Secara tidak langsung Jabatan Audit Negara dapat membantu Kerajaan Negeri mengawal pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Majlis Sukan Negeri Perlis disaran berbincang dengan Kerajaan Negeri berkenaan pengisian jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang kosong sejak bulan Februari 2004.

***BAHAGIAN III***  
***AKTIVITI JABATAN DAN***  
***KAJIAN KHAS***

**BAHAGIAN III**  
**AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

**18. PENDAHULUAN**

Selain dari mengesahkan penyata kewangan dan menjalankan pengauditan pematuhan, Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program/aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri. Tujuan pengauditan ini adalah untuk menilai kecekapan dan keberkesanan serta pencapaian sesuatu program atau aktiviti yang dilaksanakan. Pada tahun 2004, program/aktiviti Jabatan yang telah dipilih untuk dikaji oleh Jabatan Audit Negara adalah Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan. Hasil pengauditan itu telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan terlibat. Penemuan yang penting hasil dari kajian tersebut dilaporkan di **Bahagian** ini.

**JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS**

**PENGURUSAN PENGELOUARAN BAHAN BATUAN**

**19. LATAR BELAKANG**

Jabatan Tanah Dan Galian Perlis (Jabatan) berperanan menasihati Pihak Berkuasa Negeri berkenaan aspek pentadbiran tanah mengikut peruntukan undang-undang dan juga membantu menentukan dasar tanah selaras dengan kehendak dasar Kerajaan Negeri. Jabatan ini juga bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepada orang awam, agensi Kerajaan dan swasta mengenai hal ehwal tanah seperti memproses permohonan milik tanah dan pendaftaran, memproses permit pemindahan bahan batuan, persempadanan dan ubah syarat. Aktiviti tersebut membolehkan Jabatan mengenakan bayaran atau cukai seperti cukai tanah, premium tanah dan bayaran pengeluaran bahan batuan.

Negeri Perlis yang berkeluasan 794 km persegi mempunyai banyak bahan batuan seperti batu kapur, batu reput, tanah liat dan tanah. Kawasan utama kuari batu kapur terletak di Chuping. Bahan batuan ini sebahagian besarnya untuk kegunaan sebuah kilang simen di Negeri Perlis. Selain itu, pembangunan infrastruktur dan pembinaan yang pesat di Negeri Perlis menyebabkan permintaan bahan batuan telah bertambah. Oleh itu, permohonan permit bahan batuan dari syarikat dan individu telah meningkat setiap tahun. Bayaran pengeluaran bahan batuan atau royalti yang dipungut oleh Jabatan pula adalah berdasarkan kuantiti bahan batuan yang dikeluar dan dipindahkan daripada tanah bermilik dan tanah Kerajaan. Memandangkan kutipan bayaran pengeluaran bahan batuan merupakan salah satu sumber hasil Jabatan yang terbesar maka adalah penting aktiviti pengeluaran bahan batuan diurus secara berkesan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga

2004, Jabatan telah mengutip bayaran/royalti pengeluaran bahan batuan berjumlah RM14.93 juta.

## **20. OBJEKTIF PENG AUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pengeluaran bahan batuan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **21. SKOP DAN KADEAH PENG AUDITAN**

Skop pengauditan tertumpu kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pengeluaran bahan batuan, kutipan hasil dan penguatkuasaan terhadap sebarang pelanggaran syarat oleh pengusaha kuari bagi tempoh tahun 2001 hingga 2004. Pengauditan telah dijalankan di Unit Penguinkuasaan, Unit Hasil, Unit Kewangan dan Unit Pentadbiran, Jabatan Tanah Dan Galian Perlis. Kaedah pengauditan yang digunakan adalah melalui semakan rekod, fail dan dokumen yang diselenggarakan. Antara rekod dan dokumen yang disemak adalah fail permohonan permit, buku rekod pengeluaran permit, buku rekod pengeluaran tiket pengambilan bahan batuan, daftar deposit, buku anggaran hasil dan perbelanjaan, Laporan Ringkasan Perbelanjaan, fail perjawatan dan fail mesyuarat. Maklumat dan penjelasan juga diperolehi daripada perbincangan dengan pegawai Jabatan berkenaan. Pihak Audit juga membuat lawatan bersama pegawai Jabatan ke 4 buah tapak kuari swasta iaitu Kuari Chuping, Kuari Wang Kelian, Kuari Rimba Mas dan Kuari Guar Jentik. Tujuan lawatan adalah untuk menentukan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan kuari adalah mematuhi syarat yang ditetapkan.

## **22. PENEMUAN AUDIT**

### **22.1 PERANCANGAN**

Perancangan adalah komponen terpenting bagi menentukan sesuatu aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memastikan proses aktiviti pengeluaran bahan batuan berjalan dengan lancar, Jabatan telah merancang pengurusannya seperti berikut :

#### **22.1.1 Dasar Pengeluaran Bahan Batuan Kerajaan Negeri**

Dasar dan strategi Jabatan Tanah Dan Galian mengenai aktiviti pengeluaran bahan batuan adalah berasaskan dasar dan undang-undang tanah bagi menentukan kegunaan tanah yang optimum akan diselaraskan dengan kehendak dasar Kerajaan Negeri Perlis iaitu pengeluaran bahan batuan oleh pengusaha kuari adalah untuk penggunaan dalam Negeri Perlis sahaja. Pihak Berkuasa Negeri akan memastikan aktiviti pengeluaran

bahan batuan tidak memusnahkan alam semula jadi yang sedia ada terutamanya di kawasan hutan simpanan, rekreasi dan Empangan Timah Tasoh. Selain itu Pihak Berkuasa Negeri akan memastikan kawasan yang berkepentingan tersebut dihadkan pengeluaran bahan batuannya atau menolak permohonan pengeluaran bahan batuan di kawasan tersebut.

#### **22.1.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Jabatan Tanah Dan Galian Perlis mengguna pakai Kanun Tanah Negara Tahun 1965 yang memperuntukkan beberapa bidang kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah Tanah Dan Galian atau pun pegawai lain untuk mentadbir, mengurus dan memantau aktiviti pengeluaran bahan batuan. Manakala Peraturan Tanah Perlis Tahun 1987 adalah meliputi kaedah pengurusan pengeluaran bahan batuan, kadar permit bahan batuan, prosedur kesalahan pengeluaran bahan batuan, pengawalan bahan batuan dan pelbagai peraturan lain.

#### **22.1.3 Garis Panduan Proses Permohonan Dan Kelulusan Permit**

Jabatan telah menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap dan kemas kini bagi menguruskan pengeluaran bahan batuan serta membantu kakitangan menjalankan tugas dengan cekap dan betul. Jabatan menetapkan supaya proses kelulusan permohonan permit dan pengeluaran bahan batuan mengikut prosedur seperti berikut :

##### **a) Proses Permohonan Dan Kelulusan Permit**

- i) Permohonan untuk mendapatkan dan menyambung permit memindah keluar bahan batuan hendaklah dikemukakan ke Unit Penguatkuasaan berserta bayaran pendaftaran permohonan bernilai RM50 bagi permohonan atas tanah milik dan RM200 sekiranya melibatkan permohonan atas tanah Kerajaan.
- ii) Butiran permohonan akan didaftarkan ke Buku Daftar Permohonan dan fail permohonan akan dibuka.
- iii) Proses meluluskan permohonan berdasarkan laporan tanah daripada Pelukis Pelan, laporan tapak daripada Penolong Pegawai Tanah dan pandangan serta ulasan daripada Jabatan Teknikal mengenai kesesuaian tapak kuari yang dicadangkan bagi permohonan pengeluaran bahan batuan di tapak kuari baru. Manakala bagi permohonan menyambung permit di tapak kuari yang sama, ulasan dan pandangan Jabatan Teknikal tidak diperlukan.
- iv) Penolong Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas cadangan untuk pertimbangan dan kelulusan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri bagi permohonan atas tanah milik. Manakala Pengarah Tanah Dan Galian akan menyediakan kertas cadangan untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi permohonan atas tanah Kerajaan.
- v) Keputusan daripada Pengarah Tanah Dan Galian dan MMK akan disampaikan kepada pemohon. Permohonan yang lulus wajar mendapatkan permit

mengguna jalan daripada Jabatan Kerja Raya, membayar deposit permit bagi permohonan baru dan mematuhi syarat kuari.

**b) Proses Pengeluaran Bahan Batuan**

- i) Permohonan pengeluaran bahan batuan akan dikemukakan kepada Unit Penguatkuasaan dengan menyatakan jenis bahan batuan dan kuantiti bahan batuan yang hendak dikeluarkan dari tapak kuari.
- ii) Bayaran untuk mengeluarkan bahan batuan hendaklah dijelaskan mengikut jenis dan kuantiti bahan batuan yang hendak dikeluarkan dan permit mengambil bahan batuan akan dikeluarkan.
- iii) Pengeluaran permit akan direkodkan ke Buku Rekod Pengeluaran Permit.
- iv) Penjaga kuari daripada Jabatan akan ditempatkan di tapak kuari yang beroperasi untuk mengawal pengeluaran bahan batuan. Beliau akan bertugas mengikut jadual yang ditetapkan.

**c) Tempoh Memproses**

Jabatan Tanah Dan Galian Perlis menetapkan tempoh masa yang diambil bagi proses pengeluaran permit bahan batuan adalah selama 50 hari bermula dari tarikh mengemukakan permohonan ke Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan dan ulasan sehingga ke tarikh keputusan dimaklumkan kepada pemohon. Penetapan piagam pelanggan ini dijangka berupaya memberi kepuasan kepada pelanggan dan memperkuuhkan keyakinan orang awam terhadap prestasi perkhidmatan Jabatan. Piagam Pelanggan Unit Penguatkuasaan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Piagam Pelanggan Unit Penguatkuasaan**  
**Jabatan Tanah Dan Galian Perlis**

Bil.	Kandungan
1.	Semua permohonan permit yang lengkap akan diproses dan dihantar ke Jabatan Teknikal untuk pandangan dan ulasan dalam tempoh 30 hari.
2.	Permohonan permit akan dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh 10 hari dari tarikh ulasan Jabatan Teknikal yang terakhir diterima.
3.	Keputusan Pihak Berkuasa Negeri akan disampaikan kepada pemohon dalam tempoh 10 hari dari tarikh keputusan diterima.

Sumber : Piagam Pelanggan Unit Penguatkuasaan

**22.1.4 Komponen Bahan Batuan Dan Kadar Bayaran**

Asas pengiraan kadar bayaran pengeluaran bahan batuan adalah berdasarkan Seksyen 25(2) Peraturan Tanah Perlis 1987. Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji semula kadar tersebut dan membuat pindaan terhadapnya

bersesuaian dengan keadaan. Pindaan terakhir kadar bayaran pengeluaran bahan batuan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada bulan Ogos 2001. Kadar adalah ditetapkan mengikut jenis bahan batuan dikeluarkan. Pengusaha kuari dikehendaki menjelaskan bayaran pengeluaran bahan batuan terlebih dahulu mengikut jenis dan kuantiti bahan batuan yang akan dikeluarkan seperti yang dibenarkan dalam permit bahan batuan (Borang 4C) sebelum bahan batuan dibenarkan dikeluarkan dari tapak kuari. Kadar bayaran yang ditetapkan mengikut komponen bahan batuan adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Kadar Bayaran Pengeluaran Bahan Batuan**

Jenis Bahan Batuan	Ukuran	Kadar Bayaran (RM)
Tanah Merah	semeter padu	1.10
Tanah Liat	semeter padu	2.20
Pasir	semeter padu	1.70
Batu Reput	semeter padu	4.00
Guano	setan	8.50
Batu Kapur	semeter padu	3.60
Batu	setan	4.20

Sumber : Peraturan Tanah Perlis 1987

#### **22.1.5 Sasaran Pengeluaran Bahan Batuan**

##### **a) Sasaran Hasil**

Jabatan telah menetapkan sasaran hasil sejumlah RM3.48 juta akan dapat dipungut daripada bayaran/royalti pengeluaran bahan batuan setiap tahun. Bayaran yang dipungut ialah daripada pengeluaran batu kapur, batu reput, tanah merah, tanah liat, guano dan pasir. Jumlah bayaran pengeluaran bahan batuan yang dianggarkan akan dipungut oleh Jabatan adalah sama bagi setiap tahun iaitu berjumlah RM3.48 juta satu tahun. Butiran sasaran hasil bagi tahun 2001 hingga 2004 seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Sasaran Hasil Tahun 2001 Hingga 2004**

Jenis Bahan Batuan	Anggaran Hasil (RM)
Batu Kapur	2,225,000
Batu Reput	700,000
Tanah Merah	450,000
Tanah Liat	100,000
Guano	1,300
Pasir	1,000
<b>Jumlah</b>	<b>3,477,300</b>

*Sumber : Buku Anggaran Hasil Jabatan*

**b) Sasaran Kawasan Pengeluaran Bahan Batuan**

Permohonan untuk mengeluarkan atau mengambil bahan batuan boleh diterima daripada orang perseorangan, pemilik tanah, syarikat dan perbadanan mengikut peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara Tahun 1965. Penerimaan permohonan bergantung kepada permintaan dan tidak berdasarkan kepada penetapan sebarang sasaran kawasan pengeluaran bahan batuan yang akan diproses pada sesuatu tahun. Permohonan berkenaan adalah bagi permohonan di tapak kuari baru, menyambung permit di tapak kuari lama atau yang sedia ada dan permohonan kuari kecil.

**22.1.6 Keperluan Kenderaan Dan Peralatan**

Jabatan perlu mempunyai kenderaan dan peralatan tertentu yang mencukupi seperti kamera untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan. Kenderaan diperlukan untuk membawa Pegawai Penguatkuasaan semasa melaksanakan tugas dan kemudahan kamera pula perlu untuk mengambil gambar sebagai bahan bukti kes bagi pelanggaran syarat kuari atau pengeluaran bahan batuan secara haram yang dilakukan oleh pengusaha kuari atau orang awam. Perolehan kenderaan tidak dirancang oleh Jabatan setakat ini bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan.

**22.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Struktur organisasi Jabatan Tanah Dan Galian terdiri daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pengurusan Data Dan Hasil. Bahagian Penguatkuasaan adalah terdiri daripada Unit Penguatkuasaan, Unit Pelupusan, Unit Teknikal dan Unit Pembangunan.

Secara keseluruhannya, Unit Penguatkuasaan Jabatan diberi tanggungjawab untuk memastikan proses pengeluaran bahan batuan mematuhi undang-undang dan peraturan

yang ditetapkan serta meningkatkan hasil kerajaan. Tanggungjawab yang dilaksanakan meliputi menerima dan memproses permohonan permit, pengeluaran permit secara adil, memantau dan menyelia operasi kuari serta melaksanakan tugas penguatkuasaan terhadap pengeluaran dan pemindahan bahan batuan secara haram.

Kakitangan yang terlatih adalah perlu untuk melaksanakan pengurusan pengeluaran bahan batuan secara berkesan. Oleh itu, perancangan untuk melatih kakitangan terlibat adalah perlu untuk memastikan semua kakitangan mendapat latihan yang sewajarnya mengikut peringkat jawatan. Jabatan tidak merancang untuk mengadakan latihan kepada kakitangannya. Bagaimanapun, latihan berkaitan pentadbiran dan perundangan tanah ada dirancang setiap tahun oleh Institut Tanah Negara (INSTUN). Kakitangan Unit Penguatkuasaan akan mengikuti kursus yang ditawarkan oleh INSTUN mengikut kesesuaian tugas yang dipertanggungjawabkan.

#### **22.1.8 Kaedah Penguatkuasaan**

Setiap tahun, Unit Penguatkuasaan, Jabatan Tanah Dan Galian merancang untuk membuat pemeriksaan mengejut ke tapak kuari dengan seberapa kerap yang mungkin bagi memastikan pengusaha kuari mematuhi syarat kuari yang telah ditetapkan. Antara perkara yang akan diperiksa adalah pengambilan bahan batuan tidak melebihi paras jalan raya atau tanah rendah berdekatan. Bilangan pemeriksaan ini akan ditentukan berdasarkan sumber tenaga yang sedia ada, prestasi tahun sebelumnya dan keperluan semasa. Pegawai Penguatkuasaan yang melakukan lawatan mengejut ke tapak kuari perlu menandatangani Buku Rekod Kuari yang diselenggarakan oleh Penjaga Kuari.

Selain daripada itu, Unit Penguatkuasaan juga akan membuat rondaan dan sekatan jalan raya secara berkala bagi memastikan tiada pemindahan bahan batuan secara haram. Pegawai Unit Penguatkuasaan akan memeriksa lori pengangkut muatan tanah dan memastikan pemandu lori berkenaan mempunyai tiket pengambilan bahan batuan yang dikeluarkan oleh penjaga kuari. Antara perkara yang disemak oleh pegawai penguatkuasaan adalah nombor pendaftaran lori terbabit dan masa muatan di bawa keluar untuk dibandingkan dengan rekod penjaga kuari. Sebarang pelanggaran syarat pengeluaran yang terbukti berlaku akan diambil tindakan penguatkuasaan seperti kehendak Peraturan Tanah Perlis 2001. Peraturan ini menetapkan prosedur untuk menawar kompaun suatu kesalahan, penerimaan tawaran kompaun, kadar kompaun yang boleh dikenakan, kesalahan yang dikenakan kompaun, cara menjelaskan kompaun dan pegawai yang diberi kuasa untuk mengkompaun.

#### **22.1.9 Kaedah Pemantauan**

Pemantauan pelaksanaan aktiviti pengeluaran bahan batuan perlu dirancang supaya aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektifnya. Pemantauan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan dijalankan seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Penguatkuasaan Negeri ditubuhkan untuk memantau aktiviti pengeluaran bahan batuan melalui laporan yang dikemukakan oleh Pengarah Tanah Dan Galian. Mesyuarat Jawatankuasa ini akan diadakan pada hari Selasa minggu kedua setiap bulan.
- b) Pengarah Tanah Dan Galian memantau pelaksanaan aktiviti pengeluaran bahan batuan melalui analisis data dan Laporan Kemajuan Kerja yang dibentangkan semasa Mesyuarat Ketua Unit dan perbincangan masalah yang timbul mengenai pengeluaran permit bahan batuan dalam Mesyuarat Pagi. Analisis terhadap laporan tersebut akan digunakan untuk mengesan kelemahan pengeluaran bahan batuan yang berlaku dan keputusan mesyuarat akan digunakan untuk merancang aktiviti pengeluaran bahan batuan yang lebih mantap. Mesyuarat Ketua Unit akan diadakan pada setiap bulan dan Mesyuarat Pagi akan ditentukan oleh Pengerusi pada setiap minggu atau 2 minggu sekali.
- c) Lawatan ke tapak kuari akan dijalankan oleh Penolong Pegawai Tanah/Pegawai Penguatkuasaan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti pengeluaran bahan batuan sah mengikut peraturan yang ditetapkan.

**Pada umumnya, pihak Audit berpendapat Jabatan Tanah Dan Galian mempunyai perancangan yang baik bagi melaksanakan pengurusan pengeluaran bahan batuan.**

## **22.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan pengeluaran bahan batuan melibatkan proses pengeluaran permit, bayaran permit serta aktiviti pengeluaran bahan batuan seperti di dalam garis panduan. Selain itu, Jabatan akan memastikan bahan batuan dikeluarkan daripada sesuatu kawasan kuari mengikut peraturan, tempoh dan juga syarat tertentu yang telah ditetapkan. Berikut adalah hasil daripada penemuan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan pengeluaran bahan batuan.

### **22.2.1 Pelaksanaan Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri Perlis adalah untuk mengekalkan alam semula jadi serta tidak mencemarkan alam sekitar dan sumber tadahan air serta menggalakkan aktiviti *ecotourism*. Kawasan larangan aktiviti pengeluaran bahan batuan yang dikenal pasti termasuklah kawasan hutan simpanan, rekreasi dan Empangan Timah Tasoh. Pemeriksaan Audit mendapati bahawa Jabatan telah melaksanakan dasar yang telah ditetapkan. Sepanjang tahun 2001 hingga 2004 sejumlah 8 daripada 11 permohonan baru bagi pengeluaran bahan batuan telah ditolak kerana aktiviti kuari yang hendak dijalankan oleh pengusaha berkenaan boleh memudaratkan alam semula jadi. Pemeriksaan Audit juga mendapati permohonan pengeluaran tanah dan pasir telah ditolak kerana tapak kuari berhampiran kawasan tadahan air Empangan Timah Tasoh yang merupakan sumber air utama bagi rakyat Negeri Perlis. Selain itu, satu permohonan pengeluaran tanah di kawasan bukit juga telah ditolak kerana tidak

memenuhi syarat tertentu iaitu pengusaha kuari telah gagal untuk menyediakan parit dan kolam kelodakan yang sesuai sebagai kawalan terhadap masalah hakisan cerun, kelodakan tanah dan debu.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah menjalankan tanggungjawab melaksanakan dasar Kerajaan Negeri dengan baik dan dapat memantapkan pengurusan pengeluaran bahan batuan.**

#### **22.2.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Sebelum permohonan permit bahan batuan diluluskan, ulasan dan pandangan Jabatan Teknikal adalah perlu. Antara Jabatan yang terlibat adalah Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan Jabatan Pertanian. Adalah menjadi tanggungjawab pihak berkenaan untuk memastikan segala polisi dan perancangan Jabatan berkenaan tiada percanggahan. Perancangan tersebut adalah meliputi aspek seperti rizab jalan, saliran, masalah pencemaran, pemeliharaan topografi semula jadi dan sebagainya. Pandangan dan ulasan yang diberikan terhadap permohonan kuari yang diterima adalah berdasarkan Akta, Undang-undang Kecil dan garis panduan yang diguna pakai oleh Jabatan Teknikal.

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa menggunakan pelbagai garis panduan untuk memberi pandangan dan ulasan terhadap permohonan kuari yang diterima melalui Jabatan Tanah Dan Galian. Antaranya Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semula jadi Dalam Perancangan Bandar Dan Pembangunan Fizikal mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) yang mana perkara 5.1 kepada garis panduan yang sama menetapkan bahawa kawasan berbukit yang telah dikenal pasti sebagai perlu dipelihara adalah kawasan berkecerunan yang mempunyai nilai sejarah atau mempunyai daya tarikan pelancongan seperti Gua Batu Kapur atau ciri-ciri geomorfologi semula jadi. Kawasan kecerunan yang telah dizonkan sebagai kawasan yang mengandungi sumber-sumber mineral perindustrian seperti granit atau marmar yang boleh dikuari juga perlu dipelihara dan sekiranya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk mengeluarkan sumber asli berkenaan maka ia hendaklah membuat pertimbangan yang teliti dengan mengambil kira antaranya aspek pemuliharaan tanah serta lain-lain pertimbangan ke atas alam sekitar.

Jabatan Alam Sekitar pula menetapkan kajian penilaian kesan ke atas alam sekitar (EIA) dijalankan dan kelulusannya diperolehi terlebih dahulu sebelum kerja pengkuarian dilaksanakan sejajar dengan Aktiviti 14, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Laporan EIA berkenaan akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk disemak serta dikeluarkan syarat kelulusannya. Pihak Audit menerima maklum balas daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis yang menyatakan bahawa kuari batu kapur dan tanah liat milik sebuah syarikat simen adalah tidak tertakluk kepada keperluan EIA kerana beroperasi sebelum

Perintah EIA dikuatkuasakan. Jabatan Alam Sekitar menjalankan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan lain di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 khususnya Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989.

Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pula memberi pandangan dan ulasan mengenai lokasi operasi kuari yang dicadangkan sama ada kuari tersebut berada dalam kawasan yang dibenarkan beroperasi atau sebaliknya.

Sementara Jabatan Pengairan Dan Saliran menetapkan pelan sistem perparitan dan jalan yang disediakan oleh pengusaha kuari hendaklah mengandungi cadangan saiz dan arah aliran air yang akan disalirkan hingga ke sistem saliran sedia ada bagi lot-lot sempadan, pelan cadangan mengawal hakisan tanah dan perangkap kelodak, cadangan '*Final Platform Level*' bagi kawasan yang hendak diusahakan dan semua paras hendaklah berdasarkan paras '*Ordinance Datum*' Jabatan Urus.

Semakan Audit sepanjang tempoh 2001 hingga 2004, sejumlah 50 permohonan baru bagi pengeluaran bahan batuan telah diterima oleh Jabatan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 32 permohonan telah disemak untuk memastikan permohonan baru itu dikemukakan kepada Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan dan ulasan Jabatan berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan tanggungjawab tersebut dan mengambil kira pandangan yang diberikan semasa menyediakan kertas cadangan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri atau Pengarah Tanah Dan Galian sebelum operasi kuari diluluskan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah menjalankan tanggungjawab untuk memastikan pandangan dan ulasan Jabatan Teknikal diambil kira sebelum permohonan pengeluaran bahan batuan diluluskan bagi mengelak pengusaha kuari menjalankan kerja pengkuarian yang bertentangan dengan peraturan yang telah ditetapkan dan pandangan yang diberi boleh dijadikan sebagai garis panduan oleh Jabatan agar pelaksanaan aktiviti kuari berada di landasan yang betul.**

### **22.2.3 Proses Permohonan Permit Pengeluaran Bahan Batuan**

Garis panduan pengeluaran bahan batuan telah menggariskan bahawa setiap syarikat dan individu hendaklah membuat permohonan pengeluaran bahan batuan atas tanah milik dan tanah Kerajaan melalui Unit Penguatkuasaan, Jabatan Tanah Dan Galian Perlis. Kelulusan permohonan atas tanah milik dipertimbangkan oleh Pengarah Tanah Dan Galian dan kelulusan permohonan atas tanah Kerajaan dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Semakan Audit mendapati perkara berikut :

**a) Proses Kelulusan Permohonan Permit Dan Pengeluaran Bahan Batuan**

Beberapa pendekatan telah diambil oleh Jabatan untuk memberi kemudahan kepada pelanggannya iaitu antaranya mengadakan Hari Yang Berhormat Bersama Rakyat yang dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Tanah, Perhutanan dan Alam Sekitar) pada setiap hari Selasa. Dengan pendekatan tersebut setiap masalah tanah termasuk urusan pengeluaran permit bahan batuan dapat diambil tindakan segera dan mempercepatkan proses permohonan. Permohonan yang diluluskan akan dikenakan bayaran permit bahan batuan sebelum ianya dibenarkan dikeluarkan. Pemeriksaan Audit secara pensampelan terhadap 163 permohonan yang melibatkan 75 fail permohonan baru dan menyambung permit serta fail kuari kecil mendapat proses permohonan pengeluaran bahan batuan telah dibuat sebagaimana kaedah yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, proses permohonan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan.**

**b) Tempoh Memproses Permohonan**

Piagam pelanggan menetapkan tempoh memproses setiap permohonan pengeluaran bahan batuan hingga mendapat kelulusan adalah 50 hari daripada tarikh permohonan. Pemeriksaan Audit secara pensampelan terhadap 163 permohonan atau 45% daripada 360 permohonan yang diterima sepanjang tahun 2001 hingga 2004 mendapat sebanyak 83 permohonan telah diproses mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala sebanyak 56 permohonan lagi lewat diluluskan yang mana tempoh memproses adalah antara 52 hingga 368 hari. Baki 24 permohonan lagi adalah merupakan permohonan yang ditarik balik oleh pemohon, permohonan yang ditangguhkan kelulusannya dan masih dalam tindakan Jabatan. Pemeriksaan Audit mendapat kelewatkan memproses berlaku pada peringkat berikut :

**i) Mengemukakan Untuk Ulasan Jabatan Teknikal**

Mengikut Piagam Pelanggan, semua permohonan permit yang lengkap akan diproses dan dihantar ke Jabatan Teknikal untuk pandangan dan ulasan dalam tempoh 30 hari. Pemeriksaan Audit mendapat sebanyak 9 permohonan telah lewat dikemukakan oleh Unit Pengawas ke Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan dan ulasan. Tempoh masa yang diambil adalah antara 32 hingga 191 hari daripada tarikh permohonan. Ini menyebabkan berlakunya kelewatkan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Teknikal antara 2 hingga 161 hari. Antara sebab berlaku kelewatkan memproses adalah kerana dokumen dan butiran permohonan tidak lengkap, proses jual beli tanah belum diselesaikan lagi dan surat kebenaran menggunakan jalan keluar dan masuk untuk tujuan pengangkutan bahan batuan daripada tuan tanah belum diperolehi.

**ii) Pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri**

Piagam Pelanggan Unit Pengawatkuasaan menetapkan permohonan permit akan dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh 10 hari dari tarikh ulasan Jabatan Teknikal yang terakhir diterima. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 10 permohonan telah lewat dikemukakan oleh Unit Pengawatkuasaan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri atau Pengarah Tanah Dan Galian. Kelewatan yang berlaku adalah antara 3 hingga 251 hari. Ini adalah kerana tempoh masa yang diambil untuk mengemukakan permohonan bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri atau Pengarah Tanah Dan Galian adalah antara 13 hingga 261 hari dari tarikh ulasan Jabatan Teknikal yang terakhir diterima. Antara sebab kelewatan mengemukakan permohonan untuk pertimbangan adalah kerana Jabatan Teknikal lewat mengemukakan pandangan dan ulasannya. Kelewatan juga dikesan di peringkat penyediaan kertas pertimbangan yang mana pegawai mengambil masa yang lama untuk mengemukakannya untuk pertimbangan Jabatan dan Pihak Berkuasa Negeri.

**iii) Menyampaikan Keputusan Kepada Pemohon**

Piagam Pelanggan Unit Pengawatkuasaan juga menetapkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri akan disampaikan kepada pemohon dalam tempoh 10 hari dari tarikh keputusan diterima. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 18 permohonan telah lewat disampaikan keputusannya kepada pemohon. Jabatan mengambil masa antara 13 hingga 85 hari untuk menyampaikan keputusan kepada pemohon. Ini menyebabkan berlakunya kelewatan memproses antara 3 hingga 75 hari. Antara sebab kelewatan memproses adalah kerana fail permohonan yang dihantar kepada Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri lewat dikembalikan kepada Jabatan untuk diambil tindakan selanjutnya walaupun keputusan awal telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kelewatan memproses juga berlaku bagi proses berikut di mana tempoh memprosesnya tidak dinyatakan dalam Piagam Pelanggan.

**i) Laporan Tapak Pegawai Penempatan**

Pegawai Penempatan (Penolong Pegawai Tanah) dikehendaki membuat kerja pengukuran tapak kuari yang dicadangkan dan menyediakan Laporan Tapak sebelum dikemukakan ke Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan dan ulasan. Pemeriksaan Audit mendapati tempoh menyediakan Laporan Tapak bagi 14 permohonan adalah antara 32 hingga 171 hari. Antara sebab kelewatan menjalankan siasatan tapak adalah kerana tapak kuari yang dipohon terlibat dengan cadangan projek pengambilan balik tanah untuk projek Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia. Oleh itu, siasatan ditangguh untuk mengenal pasti lot tanah yang terlibat.

**ii) Pandangan Dan Ulasan Jabatan Teknikal**

Jabatan perlu mendapatkan pandangan dan ulasan Jabatan Teknikal mengenai kesesuaian tapak kuari yang dicadangkan sebelum Kertas Pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Pengarah Tanah Dan Galian disediakan untuk pertimbangan permohonan. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan Teknikal telah mengambil masa selama 20 hingga 186 hari untuk mengemukakan pandangannya bagi 19 kes permohonan.

**Pihak Audit berpendapat tempoh memproses yang lama akan menyebabkan proses permohonan tidak dapat diselesaikan pada tahun semasa serta berlanjutan ke tahun berikutnya dan tidak menepati tempoh memproses yang ditetapkan oleh Piagam Pelanggan. Keadaan ini menyebabkan pengusaha kuari lewat mendapat kebenaran untuk menjalankan operasi kuarinya.**

**c) Prestasi Kelulusan Permohonan Permit**

Sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2004, Unit Penguatkuasaan telah menerima sebanyak 360 permohonan pengeluaran bahan batuan yang terdiri daripada permohonan atas tapak kuari baru, menyambung permit dan kuari kecil iaitu permohonan untuk memindah keluar lebihan tanah dari kawasan sawah padi atau tapak projek. Kedudukan permohonan yang diterima adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Bilangan Permohonan Yang Diterima Bagi Tahun 2001 Hingga 2004**

Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan Yang Diterima				
	2001	2002	2003	2004	Jumlah
Permohonan Kuari Kecil	35	48	42	47	<b>172</b>
Permohonan Baru	16	10	10	14	<b>50</b>
Permohonan Menyambung Permit	39	32	34	33	<b>138</b>
<b>Jumlah</b>	<b>90</b>	<b>90</b>	<b>86</b>	<b>94</b>	<b>360</b>

*Sumber : Buku Daftar Permohonan Jabatan*

Daripada jumlah 360 permohonan yang diterima sebanyak 339 permohonan atau 94% telah diproses manakala bakinya sebanyak 21 permohonan atau 6% masih dalam tindakan Unit Penguatkuasaan. Sebanyak 306 atau 85% daripada 360 permohonan yang diterima telah diluluskan pengeluaran bahan batuan dan sebanyak 24 permohonan telah ditolak. Antara sebab penolakan ialah kawasan tapak kuari tanah yang dicadangkan adalah tidak sesuai dengan aktiviti kuari, aktiviti kuari yang akan dijalankan boleh mencemarkan alam semula jadi dan menjelaskan kualiti aliran air semula jadi. Sebanyak 4 permohonan lagi telah

dibatalkan permohonan kerana pemohon telah menarik balik permohonan. Antara sebab pembatalan permohonan adalah kerana pemohon gagal mendapat kebenaran jalan keluar atau masuk ke tapak kuari. Manakala 5 permohonan telah ditangguhkan pertimbangan oleh Jabatan. Antara sebab penangguhan pertimbangan ialah Jabatan perlu menunggu projek menaik taraf jalan dari Ulu Pauh ke Padang Besar dimulakan sebelum permohonan dipertimbangkan semula. Kedudukan permohonan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Bilangan Permohonan Yang Diluluskan Bagi Tahun 2001 Hingga 2004**

Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan Yang Diluluskan				
	2001	2002	2003	2004	Jumlah
Permohonan Kuari Kecil	35	48	42	45	<b>170</b>
Permohonan Baru	11	7	1	2	<b>21</b>
Permohonan Menyambung Permit	39	32	32	12	<b>115</b>
<b>Jumlah</b>	<b>85</b>	<b>87</b>	<b>75</b>	<b>59</b>	<b>306</b>

Sumber : Buku Daftar Permohonan Jabatan

Permohonan kuari kecil dan permohonan menyambung permit tidak memerlukan pandangan dan ulasan Jabatan Teknikal kerana permohonan kuari kecil adalah permohonan untuk memindah keluar lebihan tanah dari satu tapak ke tapak yang lain. Manakala permohonan menyambung permit pula adalah kerana pemohon beroperasi di tapak kuari yang sama. Hanya permohonan baru sahaja memerlukan pandangan dan ulasan Jabatan Teknikal serta proses yang lebih terperinci. Oleh itu, pemeriksaan Audit mendapati hanya 21 permohonan baru atau 42% daripada 50 permohonan baru yang diterima dapat diluluskan.

**Pada pandangan Audit, peratusan meluluskan permohonan baru adalah rendah iaitu hanya 42% sahaja. Ini adalah kerana urusan memproses permohonan pengeluaran bahan batuan mengambil masa yang lama.**

#### 22.2.4 Pengeluaran Permit Bahan Batuan

Aktiviti pengeluaran, pengambilan dan pemindahan bahan batuan memerlukan permit yang dikeluarkan oleh Unit Penguatkuasaan berdasarkan kuantiti yang dipohon dan penetapan syarat oleh Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan peruntukan Seksyen 42(1) Kanun Tanah Negara Tahun 1965. Antara syaratnya adalah berkaitan had kuantiti pengeluaran yang dibenarkan, tempoh pengeluaran dan bayaran pengeluaran bahan batuan. Pemeriksaan Audit mendapati Unit Penguatkuasaan telah mengeluarkan 2,340 permit pengeluaran bahan batuan yang melibatkan kutipan hasil berjumlah RM3.24 juta

bagi tahun 2001 hingga Julai 2004. Kedudukan pengeluaran permit bahan batuan adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Kedudukan Pemberian Permit Bahan Batuan**  
**Bagi Tahun 2001 Hingga 2004**

Tahun	Bilangan Permit	Hasil Permit Bahan Batuan (RM)
2001	635	960,121
2001	600	1,076,115
2003	639	839,860
2004	466	359,536
<b>Jumlah</b>	<b>2,340</b>	<b>3,235,632</b>

Sumber : *Buku Rekod Pengeluaran Permit Jabatan*

Pemeriksaan Audit mendapati proses pengeluaran permit bahan batuan berkaitan pengeluaran tanah, batu reput dan guano adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Manakala pengeluaran batu kapur dan tanah liat daripada kuari milik sebuah syarikat simen di Chuping didapati tidak perlu menggunakan permit Borang 4C sebaliknya penyata bulanan pengeluaran batu kapur dan tanah liat akan dikemukakan kepada Jabatan. Tuntutan bayaran pengeluaran bahan batuan adalah berdasarkan penyata ini. Selain itu, daftar permit telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah menguruskan pengeluaran permit bahan batuan dengan teratur dan kemas kini.**

**a) Deposit Permit**

Jabatan dibolehkan mengenakan bayaran deposit permit terhadap pengusaha kuari sebagai jaminan untuk pelaksanaan dan pematuhan pengeluaran permit bahan batuan. Bayaran deposit hendaklah dijelaskan terlebih dahulu oleh pengusaha kuari sebelum bahan batuan dibenarkan dikeluarkan dari tapak kuari. Jumlah bayaran deposit yang dikenakan ke atas pengusaha kuari mengikut jenis permit bahan batuan yang dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Bayaran Deposit Permit Bahan Batuan**

Jenis Permit	Jumlah Bayaran Deposit (RM)
Guano	300
Pasir, tanah liat, batu kapur, batu reput dan tanah merah	3,000
Batu	10,000

Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Galian

**i) Penerimaan Deposit Permit**

Sepanjang tempoh tahun 2001 hingga bulan Julai 2004 sebanyak 18 permohonan baru telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15 permohonan telah dijelaskan bayaran deposit permit berjumlah RM44,000. Bayaran deposit tersebut telah diakaunkan ke Akaun Deposit Permit Jabatan dan akan dikeluarkan sekiranya berlaku pelanggaran syarat permit atau kuari berhenti beroperasi. Manakala 3 pemohon belum menjelaskan bayaran deposit permit kerana kuari belum beroperasi. Kedudukan penerimaan bayaran deposit permit adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Penerimaan Pembayaran Deposit Daripada Pemohon**  
**Bagi Tahun 2001 Hingga 2003**

Tahun	Jenis Bahan Batuan	Bilangan Permohonan	Jumlah Deposit (RM)
2001	Tanah	7	20,000
2002	Tanah	5	15,000
	Batu Reput	2	6,000
2003	Tanah	1	3,000
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>44,000</b>

Sumber : Daftar Deposit Jabatan

**ii) Pemulangan Deposit Permit**

Bagi kuari yang berhenti operasi, pemegang permit hendaklah membaik pulih kawasan yang telah dikorek dan siasatan tapak akan dijalankan oleh Penolong Pegawai Tanah untuk memastikan pemegang permit mematuhi syarat permit tersebut sebelum deposit dikembalikan. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan telah memulangkan deposit berjumlah RM18,300 kepada 7 pengusaha kuari

yang telah menamatkan operasinya. Kesemua kawasan tapak kuari yang telah dikorek telah dibaikpulih berdasarkan kepada laporan siasatan tapak oleh Penolong Pegawai Tanah.

**Pada pandangan Audit, Jabatan telah menerima dan mengembalikan deposit permit mengikut peraturan yang telah ditetapkan.**

**b) Tempoh Permit**

Seksyen 72(1) Kanun Tanah Negara Tahun 1965 menetapkan permit untuk mengeluarkan, mengambil dan mengangkut bahan batuan hendaklah dikeluarkan mengikut tempoh yang tamat tidak lewat daripada penghujung tahun kalender yang ianya bermula walaupun kuantiti bahan batuan belum habis dikeluarkan, diambil dan diangkut pada masa itu. Jabatan menetapkan had maksimum tempoh permit yang dikeluarkan mengikut kuantiti pengeluaran bahan batuan adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Tempoh Permit Pengeluaran Bahan Batuan**

Kuantiti Bahan Batuan (meter padu)	Tempoh Permit
100 – 600	1 minggu
601 – 1200	2 minggu
1201 – 1800	3 minggu
1801 – 2400	4 minggu

*Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Galian*

Mengikut peraturan berkenaan, permit bahan batuan perlu diperbaharui setiap tahun kerana setiap permit akan tamat pada 31 Disember. Oleh itu, pengusaha kuari perlu membuat permohonan untuk mendapatkan permit memindah keluar bahan batuan pada setiap tahun. Pemeriksaan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2001 hingga bulan Julai 2004, sebanyak 225 permit yang melibatkan kutipan hasil berjumlah RM370,406 telah dikeluarkan sebelum kelulusan permohonan pengeluaran bahan batuan diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri atau Pengarah Tanah Dan Galian. Bilangan permit yang terlibat adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Bilangan Permit Yang Dikeluarkan Sebelum Kelulusan**  
**Pihak Berkuasa Negeri Dan Pengarah Tanah Dan Galian Diperolehi**  
**Bagi Tahun 2001 Hingga 2004**

Tahun	Jenis Bahan Batuan						Jumlah	
	Tanah		Batu Reput		Guano			
	Bil. Permit	Hasil (RM)	Bil. Permit	Hasil (RM)	Bil. Permit	Hasil (RM)	Bil. Permit	Hasil (RM)
2001	58	57,056	36	61,200	2	238	96	118,494
2002	5	4,125	29	99,900	-	-	34	104,025
2003	15	7,095	67	129,900	-	-	82	136,995
2004	10	5,280	2	5,400	1	212	13	10,892
Jumlah							225	370,406

Sumber : Buku Rekod Pengeluaran Permit Jabatan

**Pada pendapat Audit, prosedur meluluskan permohonan permit pengeluaran bahan batuan perlu dipatuhi supaya sebarang pelanggaran syarat berkenaan pengeluaran bahan batuan secara tidak sah dapat diambil tindakan dengan sewajarnya.**

#### **22.2.5 Pematuhan Kepada Syarat Permit Bahan Batuan**

Pengusaha kuari yang telah diluluskan permit mengeluarkan bahan batuan dikehendaki mematuhi syarat permit yang ditetapkan dan sekiranya pelanggaran syarat permit berlaku pemegang permit akan didakwa dan permit akan dibatalkan. Antara syarat permit adalah seperti berikut :

- a) Pemegang permit bertanggungjawab terhadap kekotoran dan kerosakan jalan yang digunakan.
- b) Papan tanda 'AMARAN KESELAMATAN' hendaklah diadakan di tempat tertentu di tepi jalan besar untuk panduan lalu lintas.
- c) Operasi kuari dimulai pada jam 8.00 pagi hingga jam 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 6.00 petang pada hari kerja biasa dan pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.45 petang hingga 6.00 petang pada hari Jumaat. Urusan pengangkutan tidak dibenarkan pada hari cuti rasmi Kerajaan kecuali mempunyai alasan yang munasabah dan mendapat kebenaran dari Pengarah Tanah Dan Galian atau Pentadbir Tanah.
- d) Pemegang permit dikehendaki membina sistem perparitan yang diluluskan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran sebelum kerja kuari dimulakan.
- e) Pemegang permit tidak dibenarkan mengorek melebihi paras jalan raya atau tanah rendah berdekatan.

- f) Pemegang permit hendaklah mendirikan pondok jaga yang sesuai untuk Petugas dari Jabatan yang dilengkapi dengan bilik air dan tandas.
- g) Kerosakan yang berlaku terhadap harta benda termasuk tanaman, ternakan, rumah, tanah dan keselamatan akibat daripada kerja-kerja mengambil bahan batuan perlu diselesaikan tanpa melibatkan bayaran ganti rugi dari Jabatan Tanah Dan Galian.
- h) Pengusaha kuari dibenarkan memindah keluar bahan batuan sekiranya Jabatan mempunyai anggota yang mencukupi untuk bertugas di kuari.

Pemeriksaan Audit mendapati tiada rekod yang diselenggarakan untuk merekodkan pelanggaran syarat permit bahan batuan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pelanggaran syarat permit telah dilakukan oleh pengusaha kuari. Pihak Audit mencadangkan Jabatan mensyaratkan setiap permohonan permit dari syarikat perumahan atau projek tertentu disertakan maklumat yang tepat mengenai jumlah bahan batuan yang perlu bagi sesuatu projek sebagai kawalan terhadap pengeluaran bahan batuan.

Lawatan Audit ke tapak kuari di Rimba Mas dalam Mukim Titi Tinggi pada Oktober 2004 mendapati sebuah syarikat kuari batu reput telah mengorek melebihi paras tanah rendah yang berdekatan. Ini telah menyalahi syarat kuari yang telah ditetapkan. **Foto 1** menunjukkan kuari yang telah dikorek melebihi paras tanah rendah yang berdekatan.

**Foto 1**  
**Kuari Yang Dikorek Melebihi Paras Tanah Rendah Berdekatan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara.  
Lokasi : Kuari Rimba Mas, Mukim Titi Tinggi.*

Lawatan Audit juga mendapati kuari yang sama menyediakan pondok jaga yang tidak dilengkapi dengan bilik air dan tandas seperti yang dikehendaki oleh syarat permit kuari. **Foto 2** menunjukkan pondok jaga yang tidak dilengkapi dengan bilik air dan tandas.

**Foto 2**  
**Pondok Jaga Yang Tidak Dilengkapi Kemudahan Asas**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara.  
Lokasi : Kuari Rimba Mas, Mukim Titi Tinggi*

**Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pengusaha kuari supaya mematuhi syarat permit yang ditetapkan dan bagi kes pelanggaran syarat permit, pemegang permit hendaklah didakwa dan permit dibatalkan.**

#### **22.2.6 Kawalan Pengeluaran Bahan Batuan**

Pihak Berkuasa Negeri menetapkan penggunaan buku tiket pengambilan bahan batuan bagi mengawal pengeluaran bahan batuan seperti yang ditetapkan oleh Peraturan Tanah Perlis Tahun 1987. Selain itu, Jabatan juga menetapkan supaya pengusaha kuari milik sebuah syarikat simen menyediakan dan mengemukakan penyata bulanan pengeluaran batu kapur dan tanah liat kepada Pentadbir Tanah. Tujuan buku tiket dan penyata bulanan tersebut adalah untuk memastikan semua hasil permit dikutip dengan betul dan teratur.

##### **a) Kawalan Buku Tiket Pengambilan Bahan Batuan**

Penjaga kuari yang ditugaskan mengawal pengeluaran bahan batuan di tapak kuari dikehendaki mendapatkan buku tiket mengikut keperluan kuantiti bahan batuan

yang akan dikeluarkan. Buku tiket tersebut disediakan dalam 2 salinan di mana salinan asal diberikan kepada pemandu lori dan salinan kedua adalah salinan pejabat untuk semakan Jabatan. Buku tiket ini terdiri daripada 2 jenis buku iaitu sebuah buku tiket yang mengandungi 100 keping tiket bersamaan 600 meter padu dan sebuah buku tiket yang mengandungi 25 keping tiket bersamaan 75 meter padu. Lori bertayar 6 iaitu untuk muatan 6 meter padu sebuah lori dan lori bertayar 10 iaitu untuk muatan 12 meter padu sebuah lori menggunakan buku tiket yang mengandungi 100 keping tiket bersamaan 600 meter padu. Bagaimanapun, bagi lori bertayar 10 untuk muatan 12 meter padu sebuah lori maka 2 keping tiket yang bersamaan 12 meter padu dari jenis yang sama dikeluarkan kepada penjaga kuari. Bagi lori bertayar 4 untuk muatan 3 meter padu sebuah lori maka buku tiket yang mengandungi 25 keping tiket bersamaan 75 meter padu akan dikeluarkan. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan buku tiket pengambilan bahan batuan mendapati perkara berikut :

- i) Jabatan telah menyelenggarakan Buku Rekod Pengeluaran Tiket Pengambilan Bahan Batuan untuk merekodkan bilangan dan nombor siri buku tiket yang diterima daripada pembekal buku yang dibenarkan dan yang dikeluarkan kepada penjaga kuari. Sepanjang tempoh tahun 2001 hingga Julai 2004 sebanyak 2,188 buah buku yang mengandungi 100 keping tiket setiap buku dan 1,389 buah buku yang mengandungi 25 keping tiket setiap buku telah dikeluarkan kepada penjaga kuari.
- ii) Sebanyak 1,529 keping tiket mencatatkan tarikh pengeluaran bahan batuan dilakukan selepas tempoh permit. Bagaimanapun tiada tindakan yang diambil oleh Unit Penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari. Pengusaha kuari yang akan menyambung operasi kuari pada tahun berikutnya perlu memohon semula sebelum akhir bulan Disember setiap tahun untuk mendapatkan kelulusan permit. Oleh itu, sementara menunggu kelulusan dan untuk mengelakkan bekalan bahan batuan untuk projek yang sedang dijalankan terputus, maka Pengarah Tanah Dan Galian telah memberi kelulusan pengeluaran bahan batuan secara pentadbiran sebulan ke sebulan.
- iii) Catatan di salinan pejabat buku tiket tidak jelas dan sukar untuk membuat semakan.

**b) Kawalan Penyata Bulanan Pengeluaran Bahan Batuan**

Sebuah syarikat simen yang mengeluarkan batu kapur dan tanah liat dikehendaki menyedia dan mengemukakan penyata bulanan pengeluaran bahan batuan kepada Pentadbir Tanah. Ini adalah kerana syarikat tersebut tidak menggunakan permit pengeluaran bahan batuan. Penyata tersebut berserta dokumen sokongan seperti *Raw Mill Record* perlu dikemukakan kepada Jabatan untuk semakan dan dibuat tuntutan bayaran. Pemeriksaan Audit mendapati pengusaha kuari telah

mengemukakan penyata bulanan pengeluaran bahan batuan berserta dengan dokumen sokongan seperti yang dikehendaki pada setiap bulan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengeluaran bahan batuan melalui buku tiket dan penyata bulan telah dilaksanakan dengan baik oleh Jabatan. Bagaimanapun, kawalan terhadap penggunaan buku tiket pengambilan bahan batuan perlu diperbaiki lagi.**

#### **22.2.7 Prestasi Pungutan Hasil**

Seksyen 14 Kanun Tanah Negara Tahun 1965 memperuntukkan Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah am mengenai kadar lesen, permit dan bayaran lain yang akan dikenakan. Peraturan Tanah Perlis 1987 telah dikaji semula dan suatu kadar baru bagi bahan batuan seperti batu, batu reput, tanah liat dan tanah merah dikenakan berkuat kuasa mulai pertengahan bulan Ogos 2001. Pemeriksaan Audit mendapati jumlah kutipan hasil daripada pengenaan bayaran terhadap pengeluaran bahan batuan bagi tahun 2004 adalah berjumlah RM8.72 juta. Kutipan ini lebih tinggi berbanding kutipan bagi tahun 2001 hingga 2003 yang berjumlah RM6.21 juta. Kedudukan prestasi kutipan hasil adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Prestasi Kutipan Hasil**  
**Bagi Tahun 2001 Hingga 2004**

Jenis Bahan Batuan	Hasil Sebenar				
	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)	Jumlah (RM)
Batu Kapur	1,661,775	1,017,036	490,535	7,133,568	10,302,914
Batu Reput	597,832	812,400	681,270	450,600	2,542,102
Tanah	334,803	252,566	162,683	158,430	908,482
Tanah Liat	104,217	84,304	14,505	973,424	1,176,450
Guano	646	799	425	212	2,082
<b>Jumlah</b>	<b>2,699,273</b>	<b>2,167,105</b>	<b>1,349,418</b>	<b>8,716,234</b>	<b>14,932,030</b>

*Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Galian*

Analisis kutipan hasil mengikut jenis bahan batuan adalah seperti berikut.

##### **a) Pengeluaran Batu Kapur Dan Tanah Liat**

Pemeriksaan Audit mendapati kutipan hasil daripada pengeluaran batu kapur dan tanah liat bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah rendah kerana sebuah syarikat simen yang beroperasi di Chuping, Perlis tidak melunaskan bayaran bagi pengeluaran batu kapur dan tanah liat berjumlah RM12.13 juta bagi tempoh tahun

2001 hingga 2004. Ini adalah kerana syarikat tersebut menunggu keputusan rayuan berhubung kenaikan kadar bayaran pengeluaran batu kapur dan tanah liat dari Pihak Berkuasa Negeri. Semasa tempoh rayuan tersebut pihak syarikat tidak menjelaskan bayaran pengeluaran batu kapur dan tanah liat. Tunggakan bayaran pengeluaran batu kapur dan tanah liat berjumlah RM8.10 juta telah dilunaskan oleh syarikat pada bulan Julai 2004 menyebabkan peningkatan hasil yang ketara pada tahun tersebut. Bagaimanapun, pembayaran tunggakan hasil ini tidak termasuk tunggakan bayaran pengeluaran bahan batuan bagi tahun 2004. Secara keseluruhannya kedudukan tunggakan bayaran pengeluaran batu kapur dan tanah liat adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Kedudukan Tunggakan Hasil Batu Kapur Dan Tanah Liat**  
**Bagi Tahun 2001 Hingga 2004**

Jenis Bahan Batuan	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)	Jumlah (RM)
Batu Kapur	Tiada tunggakan	3,815,539	3,312,989	3,627,570	10,756,098
Tanah Liat	25,496	491,925	456,003	396,737	1,370,161
<b>Jumlah</b>	<b>25,496</b>	<b>4,307,464</b>	<b>3,768,992</b>	<b>4,024,307</b>	<b>12,126,259</b>

*Sumber. Rekod Jabatan Tanah Dan Galian*

Peningkatan tunggakan hasil tahun 2002 hingga 2003 adalah disebabkan Pihak Berkuasa Negeri yang bersidang pada pertengahan bulan Ogos 2001 telah meluluskan pindaan kadar bayaran pengeluaran bahan batuan bagi batu kapur dan tanah liat yang berkuat kuasa pada pertengahan bulan Ogos 2001 seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Pindaan Kadar Bayaran Bahan Batuan**

Jenis Bahan Batuan	Kadar Bayaran Sebelum Kenaikan (RM)	Kadar Baru Selepas 15.8.2001 (RM)	Kadar Kenaikan (%)
Batu Kapur	3.00 satu meter padu	3.60 satu meter padu	20
Tanah Liat	1.30 satu meter padu	2.50 satu meter padu	92.3

*Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Galian*

Peningkatan kadar bayaran sebanyak 92.3% bagi tanah liat dan 20% bagi batu kapur telah menyebabkan kos operasi syarikat simen tersebut meningkat dan memberi kesan terhadap kos pengeluaran simen. Oleh itu, pihak syarikat telah membuat rayuan supaya dipertimbangkan kadar baru tersebut. Rayuan pihak

syarikat telah dipertimbangkan pada bulan Oktober 2002 dan Pihak Berkuasa Negeri telah memutuskan kadar baru seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**

**Pindaan Kadar Bayaran Bahan Batuan Selepas Rayuan**

Jenis Bahan Batuan	Kadar Baru (RM)	Kadar Baru Selepas Rayuan
Batu Kapur	3.60 satu meter padu	Dikekalkan pada kadar RM3.60 satu meter padu.
Tanah Liat	2.50 satu meter padu	Dikurangkan daripada RM2.50 menjadi RM2.20 satu meter padu.

Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Galian

Pihak syarikat masih tidak berpuas hati dengan kadar bayaran pengeluaran batu kapur dan tanah liat yang telah diputuskan pada bulan Oktober 2002 itu. Pihak syarikat sekali lagi telah membuat rayuan supaya kadar bayaran pengeluaran batu kapur dan tanah liat dikurangkan lagi. Bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri telah menangguhkan rayuan tersebut dan pada bulan Jun 2004, Pihak Berkuasa Negeri telah memutuskan supaya pihak syarikat menjelaskan tunggakan bayaran pengeluaran batu kapur dan tanah liat yang berjumlah RM8.10 juta bagi tahun 2001 hingga 2003. Tindakan memberhentikan operasi kuari akan diambil sekiranya pihak syarikat gagal menjelaskan tunggakan bayaran hasil dalam tempoh 2 minggu dari tarikh surat tuntutan. Penyelesaian sebahagian besar tunggakan bayaran berjumlah RM8.10 juta pada tahun 2004 telah menyumbangkan peningkatan kutipan hasil yang ketara pada tahun berkenaan.

**b) Pengeluaran Batu Reput**

Kutipan hasil pengeluaran batu reput yang berjumlah RM597,832 pada tahun 2001 telah meningkat menjadi RM812,400 pada tahun 2002. Peningkatan kutipan hasil pengeluaran bahan batuan ini yang berjumlah RM214,568 atau 35.9% adalah disebabkan pindaan kadar bayaran hasil pengeluaran batu reput yang berkuat kuasa sejak pertengahan bulan Ogos 2001. Kadar bayaran hasil pengeluaran batu reput telah dinaikkan mulai pertengahan bulan Ogos 2001 iaitu dari RM1.70 satu meter padu menjadi RM3.60 satu meter padu dan kemudiannya telah dinaikkan lagi menjadi RM4.00 satu meter padu. Bagaimanapun, kutipan hasil pengeluaran batu reput pada tahun 2003 telah menurun sejumlah RM131,130 menjadi RM681,270 berbanding tahun 2002. Pengurangan kutipan hasil pengeluaran bahan batuan ini adalah disebabkan kuantiti batu reput yang dikeluarkan pada tahun 2003 adalah berkurangan sebanyak 32,850 meter padu berbanding tahun 2002. Sementara kutipan hasil pengeluaran batu reput tahun 2004 pula yang berjumlah RM450,600 telah berkurangan sejumlah RM230,670 lagi berbanding tahun 2003.

**c) Pengeluaran Tanah**

Prestasi kutipan hasil pengeluaran tanah bagi tahun 2002 dan 2003 telah menurun berbanding dengan tahun 2001. Ini adalah kerana kuantiti pengeluaran tanah pada tahun 2002 dan 2003 adalah masing-masing sebanyak 229,606 meter padu dan 139,851 meter padu berbanding kuantiti tahun 2001 sebanyak 353,485 meter padu. Keadaan ini menunjukkan permintaan terhadap tanah pada tahun 2002 dan 2003 adalah berkurangan. Sementara kutipan hasil pengeluaran tanah tahun 2004 yang berjumlah RM158,430 pula berkurangan sejumla RM4,253 berbanding dengan kutipan hasil tahun 2003 yang berjumlah RM162,683.

**22.2.8 Aktiviti Penguatkuasaan**

Unit Penguatkuasaan Jabatan bertanggungjawab untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap pengurusan pengeluaran bahan batuan di seluruh Negeri Perlis. Pemeriksaan Audit mendapati tiada rekod yang diselenggarakan oleh Unit Penguatkuasaan untuk merekodkan maklumat mengenai lawatan mengejut yang telah dilakukan untuk memantau operasi kuari. Tandatangan pegawai yang melakukan lawatan mengejut hanya diturunkan di Buku Rekod Kuari yang diselenggarakan oleh Penjaga Kuari. Mengikut Buku Rekod Kuari tersebut, lawatan mengejut ke tapak kuari telah dijalankan mulai akhir bulan Julai 2002. Sebanyak 7, 35 dan 53 lawatan mengejut ke tapak kuari telah dijalankan masing-masingnya pada tahun 2002, 2003 dan 2004. Bagaimanapun, tiada pelanggaran syarat yang ditemui berlaku sepanjang tempoh tersebut. Penguatkuasaan oleh Unit dan Jabatan bagi membanteras kegiatan pengeluaran bahan batuan tanpa permit dan ketidakpatuhan kepada peraturan belum dapat dilaksanakan secara terancang dan berkesan kerana kekurangan kakitangan Unit Penguatkuasaan. Dua orang kakitangan berjawatan Penolong Pegawai Tanah telah dipertanggungjawabkan membuat rondaan dan pemantauan berdasarkan jadual yang telah disediakan pada hari Isnin hingga Khamis. Justeru itu, kesalahan mengkompaun hanya mulai dilakukan pada awal tahun 2004 mengikut Peraturan Tanah Perlis 1987.

Jabatan telah mengambil tindakan dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi tindakan penguatkuasaan yang memerlukan tindakan serta merta dan melibatkan jabatan lain yang berkaitan untuk mengambil tindakan segera dari segi perundangan, penangkapan dan anggota penguatkuasaan iaitu Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan. Keanggotaan Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada Penasihat Undang-Undang Negeri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, Ketua Polis Daerah Kangar dan Pegawai Kanan Jabatan Tanah Dan Galian. Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2004 iaitu pada bulan September. Pihak Berkuasa Negeri juga mengambil berat masalah tindakan penguatkuasaan oleh agensi kerajaan mengenai kurangnya atau lambatnya tindakan penguatkuasaan yang diambil berhubung dengan pelanggaran peraturan dan undang-undang Negeri. Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada

bulan Oktober 2004 telah mengarahkan Ketua Jabatan Negeri melaksanakan tugas penguatkuasaan dengan pantas, tegas dan adil.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dengan penubuhan Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan dan masalah ini juga diambil perhatian oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan arahan yang telah dikeluarkan kepada Ketua Jabatan yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan di Negeri Perlis. Bagaimanapun, sebuah daftar untuk merekodkan maklumat lawatan mengejut yang telah dilakukan perlu diselenggarakan oleh Jabatan.**

#### **22.2.9 Kompaun**

Seksyen 14 Kanun Tanah Negara Tahun 1965 memperuntukkan Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah bagi kesalahan yang boleh dikompaunkan, peraturan dan prosedur bagi mengkompaun kesalahan tersebut. Manakala Seksyen 429B tersebut memperuntukkan bahawa Pengarah Tanah Dan Galian dan Pentadbir Tanah boleh mengkompaun kesalahan berjumlah tidak melebihi RM500. Seksyen 426 Kanun berkenaan pula memperuntukkan kesalahan pemindahan bahan batuan tanpa permit yang sah boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau keduanya sekali. Unit Penguatkuasaan bertanggungjawab menjalankan operasi penguatkuasaan di samping tugas memproses permohonan permit dan mengawal pengeluaran bahan batuan. Jabatan akan mengenakan kompaun terhadap pengusaha yang tidak mematuhi syarat permit dan peraturan pengeluaran bahan batuan serta penggunaan tiket pengambilan bahan batuan. Semakan Audit mendapati perkara berikut.

##### **a) Peraturan Kompaun**

Peraturan Tanah Perlis (Pindaan) 2001 – Kesalahan-Kesalahan Yang Boleh Di kompaun, Cara Dan Prosedurnya adalah berkuat kuasa pada awal bulan Februari 2001. Bagaimanapun, Unit Penguatkuasaan hanya mengambil tindakan mengkompaun mulai bulan Februari 2004. Sebanyak 4 kesalahan telah dikeluarkan tawaran mengkompaun semenjak peraturan ini dilaksanakan hingga akhir bulan Julai 2004. Setiap kesalahan telah dikenakan kompaun maksimum berjumlah RM300. Kesalahan yang dikenakan kompaun adalah kesalahan di bawah Seksyen 426(1) Kanun Tanah Negara Tahun 1965 seperti berikut :

###### **i) Menyimpan Bahan Batuan Tanpa Permit**

Rondaan yang dilakukan pada bulan Februari 2004 di Mukim Kurong Anai telah dapat mengesan lokasi menyimpan batu yang mana bayaran pengeluaran bahan batuan tidak dijelaskan.

**ii) Mengambil Dan Mengangkut Bahan Batuan Tanpa Permit**

Kesalahan tersebut berlaku di Bukit Keteri, Chuping, Perlis dan bahan batuan yang diambil adalah batu bukit. Batu bukit tersebut telah diangkut ke Pauh, Mukim Kurung Anai, Perlis untuk membuat landskap. Kesalahan ini berlaku sejak bulan Oktober 2003 yang melibatkan lebih kurang 80 lori pengangkut. Pada mulanya pesalah tidak mengetahui bahawa mengambil bahan batuan tanpa kebenaran adalah salah di sisi undang-undang. Bagaimanapun, kesalahan masih dilakukan walaupun setelah mengetahuinya. Kesalahan kedua dilakukan oleh sebuah syarikat perumahan yang telah mengorek dan mengangkut tanah tanpa kebenaran yang sah. Tanah tersebut telah diangkut dari tapak lokasi yang tidak diluluskan oleh Jabatan. Kesalahan ini telah dilakukan di Ujong Batu, Mukim Utan Aji. Kesalahan seterusnya adalah membawa tanah buangan projek perumahan dengan lori kecil tanpa permit.

**b) Daftar Kompaun**

Daftar Kompaun merupakan rujukan kepada Unit Penguatkuasaan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kompaun yang dikeluarkan dan yang dijelaskan. Pemeriksaan Audit mendapati Unit Penguatkuasaan telah menyelenggarakan Daftar Kompaun bagi merekodkan butiran kompaun yang dikenakan terhadap pengusaha kuari.

**c) Bayaran Kompaun**

Mengikut buku tawaran kompaun, adalah didapati sebanyak 4 kompaun sahaja telah dikeluarkan pada tahun 2004 dan setiap kompaun adalah berjumlah RM300 menjadikan keseluruhan kompaun berjumlah RM1,200. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua kompaun tersebut telah dijelaskan oleh pengusaha kuari seperti yang dikehendaki oleh peraturan berkenaan.

**Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat Jabatan telah mengenakan kompaun mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Peraturan Tanah Perlis 1987. Bagaimanapun, Daftar Kompaun hendaklah diselenggara dan disemak oleh pegawai kanan yang bertanggungjawab.**

**22.2.10 Kenderaan Dan Peralatan**

Jabatan mempunyai 2 buah kenderaan pacuan 4 roda untuk kegunaan kakitangannya di setiap Unit termasuk Unit Penguatkuasaan. Jabatan tidak memperuntukkan sebuah kenderaan khas kepada Unit Penguatkuasaan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan. Pegawai Penguatkuasaan akan menggunakan kenderaan Jabatan yang sedia ada untuk menjalankan tugasnya. Bagi mengatasi masalah penggunaan kenderaan Jabatan, Pegawai Penguatkuasaan telah menggunakan kenderaan sendiri untuk tujuan lawatan mengejut ke tapak kuari. Bagaimanapun, Jabatan telah

menyediakan 4 buah kamera yang dibeli pada tahun 1997 untuk kegunaan kakitangan Unit Penguatkuasaan.

**Pada pendapat Audit, aktiviti penguatkuasaan adalah kurang berkesan kerana kekurangan kemudahan kenderaan.**

#### **22.2.11 Guna Tenaga Dan Latihan**

Struktur organisasi yang jelas dengan pengisian kakitangan yang mencukupi, berkelayakan serta berupaya menjalankan tugas yang bersesuaian merupakan antara faktor yang boleh menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan pengurusan pengeluaran bahan batuan.

##### **a) Perjawatan**

Pada tahun 2004, sejumlah 71 jawatan telah diluluskan untuk Bahagian Penguatkuasaan dan antaranya 40 perjawatan telah diluluskan bagi Unit Penguatkuasaan. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir (N27) dan dibantu oleh 2 orang Penolong Pegawai Tanah (N17), seorang Pembantu Tadbir (N17) dan 36 orang Pekerja Rendah Awam. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 27 jawatan telah diisi secara tetap manakala 12 jawatan secara sambilan dan satu jawatan secara sementara. Pengisian jawatan secara sambilan dan sementara adalah bagi jawatan Pekerja Rendah Awam. Tugas Pekerja Rendah Awam di Unit ini terlibat secara langsung dengan tugas pengukuran tanah, penyeliaan operasi kuari dan membantu tugas penguatkuasaan. Pihak Audit difahamkan bahawa pengambilan dan pengisian jawatan Pekerja Rendah Awam secara sambilan dan sementara telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan menjadi dasar Kerajaan untuk mengurangkan kos saraan yang tinggi oleh Kerajaan.

**Pihak Audit berpendapat guna tenaga adalah mencukupi.**

##### **b) Latihan**

Latihan yang berterusan perlu diberikan kepada setiap pegawai dan kakitangan Unit Penguatkuasaan bagi memastikan kecekapan dan kualiti kerja mereka di tahap yang tinggi serta dapat meningkatkan kutipan hasil. Pemeriksaan Audit terhadap fail peribadi dan rekod perkhidmatan pegawai dan kakitangan Unit Penguatkuasaan mendapati kakitangannya telah didedahkan dengan latihan berkaitan pentadbiran dan perundungan tanah. Antara kursus dan latihan yang dihadiri ialah Kursus Pendakwaan, Kursus Kesalahan Dan Penguatkuasaan, Kursus Perundungan Tanah, Kursus Pentadbiran Tanah, Kursus Teknikal Ukur dan Kursus Asas Pengukuran untuk Pekerja Rendah Awam.

**Pada pendapat Audit, latihan dan kursus yang diberi kepada kakitangan adalah mencukupi dan memuaskan.**

**Pada keseluruhannya, pelaksanaan pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang dilaporkan boleh diperbaiki lagi.**

### **22.3 PEMANTAUAN**

Bagi memastikan pengurusan pengeluaran bahan batuan dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna, pemantauan berterusan perlu dijalankan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan. Walaupun pada dasarnya semua peraturan dan undang-undang adalah lengkap dan diperuntukkan dengan sewajarnya, pemantauan masih perlu bagi memastikan aktiviti pengeluaran yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang tanah dapat dikesan serta diambil tindakan sewajarnya. Antara pemantauan yang dijalankan adalah seperti berikut :

#### **22.3.1 Peringkat Unit Penguatkuasaan**

Unit Penguatkuasaan bertanggungjawab untuk memantau pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi seluruh Negeri Perlis. Sebagai langkah pengesanan dan pemantauan, Unit ini telah menyediakan Laporan Bulanan Kemajuan mengenai bilangan notis pencerobohan tanah kerajaan, bilangan notis langgar syarat dan bilangan permohonan permit diterima serta Laporan Pengeluaran Bahan Batuan mengenai bahan batuan yang telah dikeluarkan dan kuantiti pengeluaran. Laporan ini akan dibentangkan semasa Mesyuarat Ketua Unit. Selain itu, Unit Penguatkuasaan juga menjalankan pemantauan melalui pemeriksaan terhadap penyata bulanan pengeluaran bahan batuan yang dikemukakan oleh sebuah syarikat simen bagi memastikan syarikat tersebut menjelaskan bayaran pengeluaran bahan batuan mengikut kuantiti bahan batuan yang telah dikeluarkan. Adalah didapati Unit Penguatkuasaan telah membuat semakan dan membuat tuntutan bayaran mengikut penyata yang dikemukakan.

#### **22.3.2 Peringkat Jabatan**

Mesyuarat Ketua Unit perlu diadakan bagi menilai prestasi kerja setiap Unit termasuklah Unit Penguatkuasaan berdasarkan kepada laporan yang disediakan iaitu Laporan Tuggakan Hasil Pengeluaran Batu Kapur dan Tanah Liat, Laporan Bulanan Kemajuan dan Laporan Pengeluaran Bahan Batuan. Mesyuarat Ketua Unit telah diaktifkan semula pada tahun 2004 setelah ditangguhkan sejak tahun 1999. Pemeriksaan Audit terhadap fail mesyuarat mendapat kekerapan Mesyuarat Ketua Unit tidak mematuhi norma yang ditetapkan iaitu mengadakan mesyuaratnya pada setiap bulan. Mesyuarat Ketua Unit telah dijalankan sebanyak 3 kali sahaja pada tahun 2004 iaitu pada bulan April, Mei dan Jun.

#### **22.3.3 Peringkat Negeri**

Mesyuarat Jawatankuasa Penguatkuasaan diadakan bagi memantau pengeluaran bahan batuan tanpa permit di peringkat negeri yang melibatkan Pengarah Tanah Dan Galian

sebagai urusetianya. Mesyuarat Jawatankuasa ini perlu diadakan pada setiap bulan. Semakan Audit terhadap fail mesyuarat mendapati mesyuarat hanya diadakan pada bulan Julai 2004. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah didapati tiada mesyuarat diadakan.

**Pihak Audit berpendapat kaedah pemantauan yang diamalkan adalah memuaskan. Bagaimanapun, pemantauan kurang berkesan kerana Jawatankuasa/Unit terlibat tidak bermesyuarat mengikut norma yang ditetapkan. Jabatan perlu mempertingkatkan mekanisme pemantauan sedia ada untuk mengatasi kelemahan pengurusan pengeluaran bahan batuan.**

### **23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya perancangan aktiviti pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan dan pemantauan perlu diperbaiki terutamanya yang melibatkan penyelenggaraan rekod, aktiviti penguatkuasaan dan kelewatan memproses permohonan permit. Sekiranya perkara tersebut tidak diatasi ianya boleh menjelaskan pengurusan pengeluaran bahan batuan dan pungutan hasil Kerajaan Negeri. Jabatan Audit Negara mengesyorkan supaya Jabatan mewujudkan koordinasi dengan Jabatan yang terlibat dengan projek yang memerlukan bahan batuan bagi mengawal pengeluaran bahan batuan yang tidak sah dan seterusnya dapat meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

## ***BAHAGIAN IV***

***BADAN BERKANUN NEGERI,  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN***

**BAHAGIAN IV**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM**  
**DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**24. PENDAHULUAN**

**24.1** Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Di Negeri Perlis ada 4 Badan Berkanun Negeri, dua Kumpulan Wang, satu Majlis Agama Islam dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2004, selain daripada mengaudit penyata kewangan tahunan Agensi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi berkaitan pengurusan Sekolah Rendah Islam oleh Yayasan Islam Perlis. Pemerhatian Audit ke atas perkara yang dikaji telah dimaklumkan kepada Agensi terlibat. Isu ketara dan positif hasil daripada pengauditan tersebut dilaporkan di Bahagian ini.

**25. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Pada tahun 2004, penyata kewangan bagi 1 Badan Berkanun Negeri, dua Kumpulan Wang dan 1 Majlis Agama Islam diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara manakala 3 penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Ia berasaskan kepada peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

**26. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Semua penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Sehingga bulan Jun 2005, semua Agensi telah dapat mengemukakan penyata kewangan tahun 2003. Kedudukan penyerahan dan pengauditan akaun Agensi sehingga bulan Jun 2005 adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan**  
**Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 30 Jun 2005**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan Disahkan (Tahun)	Penyata Kewangan Sedang Diaudit (Tahun)	Penyata Kewangan Belum Diserahkan (Tahun)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2002	2003	-
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2003	-	-
3.	Yayasan Islam Perlis	2002	2003	-
4.	Majlis Sukan Negeri Perlis	2003	-	-
5.	Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2003	-	-
6.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2003	-	-
7.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2003	-	-
8.	Majlis Perbandaran Kangar	2003	-	-

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

## 27. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Setakat bulan Jun 2005, sejumlah 14 penyata kewangan telah dikeluarkan sijil Ketua Audit Negara iaitu 10 penyata kewangan Badan Berkanun, dua Kumpulan Wang, satu Majlis Agama Islam dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Sejumlah 9 Sijil Ketua Audit Negara berbentuk Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan manakala 5 lagi berbentuk Sijil Berteguran. Maklumat lanjut sijil yang dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Jenis Sijil Ketua Audit Negara Yang Dikeluarkan Sehingga 30 Jun 2005**

Bil.	Nama Agensi	Akaun	Bil. Akaun	Jenis Sijil KAN
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2002	1	Berteguran
2.	Majlis Sukan Negeri Perlis	2001 – 2003	3	Tanpa Teguran
3.	Yayasan Islam Perlis	2001 - 2002	2	Berteguran
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2002 - 2003	2	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2003	1	Tanpa Teguran
6.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2003	1	Tanpa Teguran
7.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2002 - 2003	2	Tanpa Teguran
8.	Majlis Perbandaran Kangar	2002 - 2003	2	Berteguran

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

**27.1** Sijil Ketua Audit Negara Berteguran dikeluarkan apabila isu yang dibangkitkan menjelaskan pengesahan terhadap angka di penyata kewangan sama ada dari aspek pematuhan kepada piawaian perakaunan, pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan serta kelemahan penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan. Antara isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara adalah seperti berikut :

- a) Penyata kewangan yang disediakan oleh Agensi tidak disatukan dengan penyata kewangan syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu;
- b) Penyata kewangan syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu tidak dikemukakan untuk tujuan pengesahan;
- c) Pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan saham siar harga tidak didedahkan dengan sempurna di penyata kewangannya;
- d) Pinjaman yang dibuat daripada bank tempatan tidak didedahkan di penyata kewangannya; dan
- e) Pelarasan yang dibuat tidak disertakan dengan penjelasan dan dokumen sokongan yang lengkap.

## **28. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan, satu naskhah berbagai laporan mengenai akaun sesuatu Negeri atau mengenai akaun Pihak Berkuasa Awam

yang menjalankan kuasa yang diberi oleh undang-undang Negeri, hendaklah dihantar kepada Raja atau Yang Di Pertua Negeri bagi Negeri itu yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan dalam Dewan Negeri itu. Daripada 4 Badan Berkanun Negeri, hanya akaun Majlis Sukan Negeri Perlis sahaja tidak diperuntukkan untuk dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Pada akhir bulan Ogos 2004, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis telah membentangkan penyata kewangan yang telah diaudit di Dewan Undangan Negeri Perlis bagi akaun tahun 2000 dan 2001 manakala Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis dan Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis untuk akaun tahun 2003. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah membentangkan penyata kewangan tahun 2003 pada akhir bulan November 2004. Pada akhir bulan April 2005, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar telah membentangkan penyata kewangan masing-masing bagi tahun 2002 dan 2001. Yayasan Islam Perlis kali terakhir membentangkan penyata kewangannya ialah pada pertengahan bulan November 2001 iaitu untuk akaun tahun 1998. Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang terakhir diwartakan ialah untuk tahun 1997 iaitu pada pertengahan bulan Oktober 1999. Majlis Perbandaran Kangar kali terakhir membentangkan penyata kewangannya di Dewan Undangan Negeri ialah pada pertengahan bulan April 2002 iaitu untuk akaun tahun 1999. Kedudukan pembentangan penyata kewangan Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan**  
**Yang Telah Dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara Di Dewan Undangan Negeri**  
**Sehingga 30 Jun 2005**

Bil.	Nama Agensi/Kumpulan Wang	Tahun	Tarikh Pembentangan Di Dewan Undangan Negeri/Pewartaan
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2001	30.08.2004
		2002	20.04.2005
2.	Yayasan Islam Perlis	1998	15.11.2001
		1999 - 2002	Belum dibentangkan
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2003	29.11.2004
4.	Majlis Sukan Negeri Perlis	2003	Tidak perlu dibentangkan
5.	Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2003	30.08.2004
6.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2003	30.08.2004
7.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	1997	14.10.1999
		1998 - 2003	Belum diwartakan
8.	Majlis Perbandaran Kangar	1999	17.04.2002
		2000	Belum dibentangkan
		2001	20.04.2005
		2002 - 2003	Belum dibentangkan

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

## 29. PRESTASI KEWANGAN

### 29.1 KEDUDUKAN KEWANGAN

**29.1.1** Analisis terhadap Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 mendapat 4 Agensi mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.03 juta hingga RM3.27 juta. Manakala 3 Agensi mengalami defisit di mana perbelanjaan melebih pendapatan antara RM0.50 juta hingga RM6.11 juta.

**29.1.2** Analisis juga dibuat terhadap aset semasa dan liabiliti semasa Agensi untuk mengukur keupayaan Agensi membuat penjelasan terhadap liabiliti semasa dalam jangka masa pendek. Adalah didapati 6 Agensi mencatat aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM0.14 juta hingga RM4.36 juta. Ini bermakna Agensi berkenaan berupaya menjelaskan liabiliti semasa. Bagaimanapun, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Yayasan Islam Perlis mencatatkan kurangan aset semasa masing-masing sejumlah RM1.61 juta dan RM3.29 juta. Ini menunjukkan Agensi tersebut menghadapi masalah untuk menjelaskan liabiliti semasa mereka.

**29.1.3** Kedudukan prestasi kewangan 8 Agensi Negeri Perlis adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri,**  
**Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003**

<b>Nama Agensi</b>	<b>Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Sehingga 31.12.2003</b>			<b>Kunci Kira-kira Pada 31.12.2003</b>		
	<b>Hasil (RM Juta)</b>	<b>Perbelanjaan (RM Juta)</b>	<b>Surplus/ (Defisit) (RM Juta)</b>	<b>Aset Semasa (RM Juta)</b>	<b>Liabiliti Semasa (RM Juta)</b>	<b>Aset Bersih Semasa (RM Juta)</b>
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	21.20	17.93	3.27	106.97	108.58	( 1.61 )
Yayasan Islam Perlis	0.52	2.92	( 2.40 )	1.67	4.96	( 3.29 )
Majlis Sukan Negeri Perlis	0.19	0.14	0.05	0.18	0.04	0.14
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	1.51	2.01	( 0.50 )	0.18	0.04	0.14
Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	0.28	0.04	0.24	4.36	0.00	4.36
Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Perlis	0.03	0.00	0.03	0.37	0.00	0.37
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	6.16	6.16	0.00	4.10	0.21	3.89
Majlis Perbandaran Kangar	10.53	16.64	( 6.11 )	14.05	11.21	2.84

Sumber : Penyata Kewangan Badan-badan Berkanun, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2003

## 29.2 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Tunggakan cukai taksiran dan cukai perkhidmatan Majlis Perbandaran Kangar pada tahun 2004 berjumlah RM13.25 juta berbanding RM13.62 juta pada tahun 2003 iaitu penurunan sejumlah RM0.37 juta. Pada tahun 2004, Majlis telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pembayar yang mempunyai tunggakan cukai taksiran dan cukai perkhidmatan yang tinggi menerusi khidmat peguam yang dilantik. Tindakan ini adalah selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

### **30. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, penyerahan penyata kewangan tahun 2003 untuk diaudit oleh Agensi adalah memuaskan kecuali Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Yayasan Islam Perlis. Agensi disaran mematuhi kehendak undang-undang yang menghendaki setiap penyata kewangan yang telah diaudit dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan serta diwartakan. Kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Yayasan Islam Perlis perlu dipertingkatkan supaya dapat beroperasi dengan lebih efisien dan efektif di masa hadapan. Majlis Perbandaran Kangar disaran mengutip semua tunggakan bayaran Cukai Taksiran dengan segera sebelum ia meningkat lebih tinggi lagi.

## **YAYASAN ISLAM PERLIS**

### **PENGURUSAN SEKOLAH RENDAH ISLAM**

#### **31. LATAR BELAKANG**

Sekolah Rendah Islam (Sekolah) merupakan Institusi Pendidikan Rendah Swasta milik penuh Yayasan Islam Perlis (Yayasan) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perlis. Sekolah ditubuhkan untuk menyediakan pelajar yang berkebolehan menguasai kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira di samping pelajaran Fardu Ain. Yayasan menyediakan kemudahan pembelajaran kepada pelajar Tahun 1 hingga Tahun 6. Kurikulum pembelajaran Sekolah adalah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang berkuat kuasa. Pelajar Sekolah Tahun 6 akan mengambil peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sama seperti rakan-rakan lain di sekolah kebangsaan. Perbezaan Sekolah dengan sekolah kebangsaan ialah waktu persekolahannya dilanjutkan sehingga jam 4.00 petang bertujuan memberi pendidikan Fardu Ain.

Sehingga akhir bulan Disember 2004, Yayasan telah mendirikan sebanyak 3 buah Sekolah iaitu Sekolah I yang terletak di Jalan Abi Tok Hashim, Sekolah II di FELDA Mata Ayer dan Sekolah III di FELDA Chuping. Sekolah I, Sekolah II dan Sekolah III telah dibuka untuk pengambilan pelajar baru masing-masing pada awal bulan Disember 1993, awal bulan Januari 1997 dan awal bulan Februari 1998. Pada tahun 2004, keseluruhan pelajar Sekolah adalah seramai 490 orang dengan jumlah gurunya seramai 66 orang.

Di awal penubuhannya, Sekolah tertakluk kepada Enakmen Bil. 5 Tahun 1989 iaitu Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Perlis. Oleh kerana Sekolah tidak mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan, ia dikategorikan sebagai Institusi Pendidikan Swasta berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Sumber kewangan sekolah diperolehi daripada kutipan yuran, sumbangan orang ramai dan bantuan daripada Yayasan.

Pada pertengahan bulan Disember 2004, Yayasan telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan Kementerian Pelajaran Malaysia di mana 4 buah sekolah agama Yayasan iaitu Sekolah I, Sekolah II, Sekolah III dan Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniah akan diberi bantuan kerajaan. Bantuan ini berbentuk sumbangan modal dan sumbangan bantuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Akta Pendidikan 1996.

## **32. OBJEKTIF PENG AUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Sekolah Rendah Islam oleh Yayasan Islam Perlis dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **33. SKOP DAN KAE DAH PENG AUDITAN**

Skop kajian Audit adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan Sekolah Rendah Islam oleh Yayasan Islam Perlis bagi tahun 2002 hingga 2004. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Akta Pendidikan 1996, enakmen dan undang-undang yang berkaitan, menyemak rekod, fail, minit mesyuarat Lembaga serta dokumen yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai Sekolah serta Yayasan yang terlibat menguruskan Sekolah ini juga diadakan. Selain itu, lawatan ke Sekolah juga dilakukan untuk melihat pengurusan serta keadaan Sekolah secara fizikal.

## **34. PENEMUAN AUDIT**

### **34.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan perkara penting yang perlu disediakan sebelum sesuatu program dilaksanakan. Perancangan yang baik dapat membantu kelancaran pelaksanaan dan pencapaian matlamat sesuatu program atau aktiviti. Antara aspek perancangan Yayasan untuk mengurus Sekolah ialah seperti berikut :

#### **34.1.1 Matlamat Yayasan**

Sebelum sesuatu program dilaksanakan, ia mestilah selari dengan matlamat utama Yayasan ditubuhkan. Matlamat Yayasan ditubuhkan adalah untuk membantu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis untuk menyebar dan mengembangkan ajaran dan pendidikan Islam di Negeri Perlis serta menggalak dan menimbulkan kesedaran dan perasaan keislaman di kalangan rakyat dan penduduk Islam. Berdasarkan matlamat tersebut, Yayasan diberi kepercayaan untuk membantu penduduk Islam khususnya di Negeri Perlis meningkatkan ilmu untuk kemajuan ummah seluruhnya.

Mesyuarat Jawatankuasa Pewujudan Sekolah Agama Rendah Negeri Perlis yang diadakan pada pertengahan bulan Jun 1993 bersetuju supaya Kurikulum Baru Sekolah Rendah diguna pakai oleh Sekolah tetapi dengan memberi lebih penekanan dalam soal agama Islam.

Dasar pengajaran Agama Islam Sekolah akan berlandaskan fahaman Sunnah Wal Jamaah iaitu yang diamalkan oleh penduduk Islam Negeri Perlis. Aktiviti ko-kurikulum yang akan diadakan nanti sesuai dengan pendidikan aliran Agama Islam iaitu Tajwid,

penghafalan Al-Quran, budaya ilmu, riadah dan sebagainya. Aktiviti ini akan dijalankan pada waktu petang.

Syarat pengambilan pelajar Sekolah akan berdasarkan kepada kriteria berikut:

- a) Keutamaan kepada pelajar yang pernah mengikuti tadika aliran Islam, dan
- b) Waris/Ibu bapa yang tinggal di dalam Negeri Perlis.

#### **34.1.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Jawatankuasa Pewujudan Sekolah Agama Rendah Negeri Perlis yang ditubuhkan bersetuju supaya Sekolah yang akan ditubuhkan ini adalah berdasarkan kepada Enakmen Bil. 5 Tahun 1989 iaitu Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri Perlis.

Mengikut Akta Pendidikan 1996, Sekolah adalah dikategorikan sebagai Institusi Pendidikan Swasta dan tertakluk kepada peruntukan di dalamnya. Akta tersebut telah menggariskan beberapa panduan yang menghendaki setiap Institusi Pendidikan Swasta dijalankan berpandukan undang-undang yang ditetapkan. Antara ketetapan perundangan yang perlu dipatuhi oleh Yayasan mengurus Sekolah ialah:

- a) Penubuhan dan penyenggaraan Sekolah adalah dibenarkan dengan syarat ia mematuhi peruntukan Akta ini dan semua peraturan yang dibuat di bawahnya.
- b) Yayasan dikehendaki membuat permohonan terlebih dahulu dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mendapatkan kelulusan menubuhkan Sekolah sebelum ia beroperasi.
- c) Yayasan perlu menyediakan surat cara pengelolaannya sendiri. Antara isi kandungan surat cara pengelolaan ialah peruntukan menubuhkan suatu Lembaga Pengelola, pelantikan guru dan kakitangan serta tatacara pengurusan sekolah. Surat cara tersebut adalah sebagai panduan kepada Yayasan untuk menguruskan Sekolah dengan lebih cekap dan tersusun.
- d) Semua Sekolah hendaklah diuruskan mengikut surat cara pengelolaan yang telah disediakan.
- e) Semua Ahli Lembaga Pengelola, tenaga pengajar dan kakitangan Sekolah dikehendaki didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Permohonan pendaftaran hendaklah dibuat melalui Jabatan Pelajaran Negeri.
- f) Sekolah dilarang membuat sebarang bentuk pengiklanan sebelum ia didaftarkan.
- g) Pemeriksaan akan dijalankan dari semasa ke semasa ke atas Sekolah oleh Ketua Pendaftar bagi memastikan bahawa Akta dan peraturan yang dibuat telah dan sedang dipatuhi. Yayasan hendaklah membenarkan Ketua Pendaftar atau pegawai lain yang diberi kuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas Sekolah bagi memastikan ia mematuhi Akta serta peraturan yang berkuat kuasa.

#### **34.1.3 Penempatan Dan Lokasi Sekolah**

Mesyuarat Jawatankuasa Pewujudan Sekolah Agama Rendah Negeri Perlis yang diadakan pada pertengahan bulan Jun 1993 bersetuju akan menggunakan bangunan lama Maahad Tahfiz, Km 2, Jalan Abi Tok Hashim, Kangar sebagai pusat pembelajaran SRI yang pertama.

Seterusnya, Mesyuarat Cadangan Tapak Sekolah Rendah Agama Yayasan Islam Perlis yang diadakan pada awal bulan Ogos 1993 merancang akan membangunkan tanah seluas 25 ekar yang bersempadan dengan tapak Maahad Tahfiz, Km 2, Jalan Abi Tok Hashim, Kangar untuk membina sebuah Sekolah yang pertama. Antara kemudahan yang akan disediakan ialah sebuah bangunan 2 tingkat, asrama pelajar, dewan serba guna, dewan makan, kantin, padang bola dan lain-lain kemudahan yang difikirkan perlu.

#### **34.1.4 Sasaran Pengambilan Pelajar**

Sasaran pengambilan pelajar hanya ada dibuat oleh Sekolah I (Jalan Abi Tok Hashim) dan Sekolah III (Felda Chuping) sahaja. Jumlah pelajar yang dijangka belajar di Sekolah pada tahun 2002 hingga 2004 adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Sasaran Pengambilan Pelajar Sekolah I dan Sekolah III**  
**Bagi Tahun 2002 hingga 2004**

Tahun	Sekolah I	Sekolah III
2002	460	112
2003	482	135
2004	490	123

*Sumber : Rancangan Pelaksanaan, Sekolah Rendah Islam,  
2001 – 2004*

#### **34.1.5 Kemudahan Peralatan Dan Pembelajaran**

Mesyuarat Jawatankuasa Pewujudan Sekolah Agama Rendah Negeri Perlis yang diadakan pada akhir bulan Jun 1993 bersetuju akan melengkapkan bangunan Maahad Tahfiz Al-Quran, KM 3, Jalan Abi Tok Hashim, Kangar dengan kemudahan dan keselamatan yang terjamin serta menerima garis panduan yang dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan dan Bekalan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Kemudahan fizikal yang dirancang akan disediakan oleh Yayasan ialah bilik darjah, Bilik Pemulihan, Bilik Amalan Perdagangan, Bilik Alam Dan Manusia, Bilik Kemahiran Manipulatif, Bilik Ko-Kurikulum, makmal, tandas, lapangan teratur, padang permainan, bangsal basikal, pagar dan pintu pagar, bekalan air dan elektrik serta surau.

Mengikut Perkara 8 Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997, Yayasan perlu memastikan:

- a) Setiap bilik darjah atau berbagai bilik yang digunakan bagi maksud pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilabelkan dengan jelas sebagaimana dinyatakan dalam pelan Sekolah;
- b) Ruang dan saiz setiap bilik atau berbagai bilik hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar;
- c) Bilik darjah atau berbagai bilik bagi maksud pengajaran dan pembelajaran hendaklah mengandungi sekian bilangan murid sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar;
- d) Kemudahan dan kelengkapan setiap bilik darjah atau berbagai bilik hendaklah mencukupi dan memuaskan; dan
- e) Setiap bilik darjah atau berbagai bilik tidak boleh digunakan bagi maksud lain kecuali bagi pengajaran dan pembelajaran.

Perkara 9 Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 menghendaki Pengurus Yayasan memastikan bahawa kemudahan rekreasi, dewan makan dan tandas adalah bersih, mencukupi dan memuaskan untuk digunakan.

Program Tahunan adalah merupakan kalender sekolah yang menunjukkan program dan aktiviti yang dirancang akan dijalankan pada tahun semasa. Ia perlu disediakan pada awal tahun bagi memudahkan pihak guru dan pelajar mengatur persediaan awal yang perlu dibuat. Yayasan telah merancang supaya semua Sekolah menyediakan Program Tahunan Pelajar pada setiap tahun.

#### **34.1.6 Kaedah Perlaksanaan Pembelajaran**

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penubuhan Sekolah Rendah Agama Negeri Perlis yang diadakan pada awal bulan Ogos 1993 bersetuju akan menggunakan sepenuhnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang sedia ada. Kurikulum Al-Quran dan Bahasa Arab pula akan diperolehi daripada Sekolah Rendah Agama di Negeri Kedah iaitu Sekolah Rendah Al Amin Tikam Batu. Buku teks pelajar Sekolah akan menggunakan buku teks yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perlis manakala buku teks Agama dan Bahasa Arab disediakan oleh Yayasan.

Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 menghendaki kurikulum Sekolah hendaklah mengandungi mata pelajaran seperti berikut:

- a) Mata Pelajaran Teras iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Kajian Tempatan dan Pendidikan Islam;
- b) Mata Pelajaran Wajib iaitu Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni dan Pendidikan Muzik; dan
- c) Mata Pelajaran Tambahan iaitu komunikasi Bahasa Arab.

#### **34.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penubuhan Sekolah Rendah Agama Negeri Perlis yang diadakan pada akhir bulan Jun 1993 bersetuju akan melantik tenaga pengajar dari kalangan guru-guru bersara yang berpengalaman. Pelantikan guru adalah secara kontrak dan pemberian gaji akan diselaraskan mengikut tangga gaji yang diamalkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Seorang Guru Besar dan seorang Penolong Kanan akan dilantik untuk menguruskan setiap Sekolah.

Seksyen 114(1) Akta Pendidikan 1996 menghendaki semua tenaga pengajar Sekolah mempunyai permit mengajar yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Tanpa permit tersebut, seseorang individu itu tidak dibenarkan menjalankan tugas mengajar.

Latihan dan kursus perlu dirancang dan diberikan kepada tenaga pengajar dan pegawai untuk meningkatkan ilmu pendidikan dan berkeupayaan menjalankan tugas harian dengan cekap dan berkesan.

#### **34.1.8 Keperluan Kewangan**

Pada setiap tahun, semua Sekolah telah diarahkan oleh Yayasan untuk menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan. Sekolah hanya menyediakan anggaran pendapatan sehingga tahun 2002 sahaja manakala anggaran perbelanjaan ada disediakan pada setiap tahun seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Anggaran Perbelanjaan Sekolah**  
**Bagi Tahun 2002 hingga 2004**

<b>Sekolah</b>	<b>2002 (RM)</b>	<b>2003 (RM)</b>	<b>2004 (RM)</b>
Sekolah I	83,264	203,088	596,552
Sekolah II	63,983	61,183	61,323
Sekolah III	68,380	162,594	76,000

*Sumber : Anggaran Belanjawan Sekolah Rendah Islam 2002 - 2004*

Antara anggaran perbelanjaan mengurus Sekolah pada tahun 2004 seperti di **Jadual 41**.

**Jadual 41**  
**Contoh Anggaran Perbelanjaan Mengurus Sekolah**  
**Bagi Tahun 2004**

Perbelanjaan Mengurus	Sekolah I (Jalan Abi Tok Hashim) (RM)	Sekolah II (Felda Mata Ayer) (RM)	Sekolah III (Felda Chuping) (RM)
Alat tulis dan bekalan pejabat	34,457	28,283	15,733
Kawalan keselamatan	24,120	-	-
Pendawaian semula elektrik	20,000	-	-
Pembaikan bangunan	-	-	15,000
Kelengkapan perabot	55,700	17,050	15,300
Kebajikan pelajar	386,624	-	86,699

*Sumber : Anggaran Belanjawan Sekolah Rendah Islam 2004*

Anggaran pendapatan Sekolah I dan Sekolah III pada tahun 2002 ditunjukkan di **Jadual 42**. Sumber pendapatan Sekolah dijangka diperolehi daripada kutipan yuran pendaftaran, yuran khas, yuran makan, sumbangan daripada pelajar dan lain-lain terimaan.

**Jadual 42**  
**Anggaran Pendapatan Sekolah**  
**Bagi Tahun 2002**

Sekolah	Anggaran Pendapatan (RM)
Sekolah I	394,280
Sekolah II	Tidak Disediakan
Sekolah III	50,756

*Sumber : Anggaran Belanjawan Sekolah Rendah Islam 2002*

### 34.1.9 Pengurusan Kewangan

Mengikut Peraturan Pendidikan (Akaun Dan Audit) 2002, pengurusan kewangan Sekolah hendaklah mematuhi kehendak peraturan yang berkuat kuasa. Undang-undang dan peraturan adalah Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, peraturan berhubung dengan akaun dan Audit Institusi Pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Perbendaharaan, Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan sebagaimana yang dinyatakan oleh Bahagian Kewangan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan apa-apa tatacara lain yang berhubung dengan akaun dan audit institusi pendidikan sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.

Mengikut peraturan berkenaan, setiap Sekolah hendaklah menyelenggarakan rekod kewangan dan perakaunan seperti Buku Tunai, Resit Pelajar, Resit Pejabat, Penyata Bank, Penyata Penyesuaian Bank, Daftar Kutipan Yuran/Harian, Daftar Bil, Buku Tunai Runcit, Jadual Kedatangan Murid, Buku Cek, Daftar Stok Resit, Daftar Aset dan Inventori, Baucar Bayaran dan Pesanan Tempatan.

Mengikut Seksyen 98 Akta Pendidikan 1996, Yayasan dikehendaki menyedia dan menyimpan suatu daftar yang mengandungi butiran yang ditetapkan mengenai semua murid di Sekolah. Manakala Perkara 18 Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 menghendaki Sekolah mematuhi perkara berikut:

- a) menyediakan penyata kewangan tahunannya yang berakhir pada 31 Disember bagi setiap tahun kewangannya;
- b) memastikan bahawa penyata kewangan yang disediakan diaudit oleh pengauditan yang bertauliah; dan
- c) mengemukakan satu salinan laporan audit kepada Ketua Pendaftar tidak lewat daripada 30 Jun tahun berikutnya.

#### **34.1.10 Kaedah Pemantauan**

Mesyuarat Ahli Majlis Pengajian Yayasan yang diadakan pada akhir bulan Februari 2000 telah merancang untuk menubuhkan dan melantik Jemaah Nazir Dalaman Yayasan. Antara tugas yang akan dijalankan oleh Jemaah ini ialah:

- a) Mengambil tanggungjawab dengan sepenuhnya bagi memastikan bahawa taraf pengajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikenalkan di institusi pendidikan di bawah kelolaan Yayasan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri;
- b) Membuat pemeriksaan untuk pemantauan di institusi pendidikan atau menyebabkan institusi pendidikan itu diperiksa oleh Jemaah Nazir pada satu tempoh yang difikirkan sesuai ataupun apabila diarahkan supaya berbuat demikian oleh Yayasan;
- c) Menjalankan apa-apa kewajipan lain berhubung dengan pemeriksaan institusi pendidikan sebagaimana yang diarahkan oleh Yayasan;
- d) Memberi nasihat kepada pengelola atau berbagai orang yang bertanggungjawab ke atas pengurusan sesuatu institusi pendidikan dan kepada guru tentang perkara yang berhubung dengan pengajaran dan kaedah pengajaran; dan
- e) Mengemukakan suatu laporan kepada Yayasan tentang institusi pendidikan yang diperiksanya dan mengemukakan apa-apa ulasan serta pandangan membina yang disifatkannya sesuai pada laporan itu.

**Pada keseluruhannya, Jawatankuasa Perancangan Sekolah Rendah Agama Negeri Perlis dan Yayasan Islam Perlis telah membuat perancangan yang teliti dari segi penubuhan dan pengurusan Sekolah.**

## **34.2 PELAKSANAAN**

### **34.2.1 Dasar Yayasan**

Semakan Audit mendapati penubuhan Sekolah adalah selari dengan dasar Yayasan iaitu membantu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis menyebar dan mengembangkan ajaran dan pendidikan Islam di Negeri Perlis.

Pelajar Sekolah juga didapati telah diberi pendidikan mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajar juga diberi pendidikan Fardu Ain bagi meningkatkan kefahaman berkenaan agama Islam.

Kelas Fardu Ain yang diberikan kepada pelajar Sekolah pada waktu petang adalah berlandaskan fahaman Sunnah Wal Jamaah iaitu amalan penduduk Islam Negeri Perlis. Kelas Fardu Ain yang disediakan adalah merangkumi aspek Tajwid, penghafalan Al-Quran, budaya ilmu, riadah dan sebagainya. Ia adalah berlandaskan kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

Semakan Audit mendapati tidak kesemua pelajar yang diambil belajar di Sekolah pernah mengikuti tadika aliran Islam. Kekurangan permohonan untuk belajar di Sekolah telah menyebabkan Yayasan membuka ruang kepada semua pelajar tanpa mengira jenis tadika yang pernah mereka hadiri. Bagaimanapun, waris dan ibu bapa pelajar Sekolah semuanya tinggal di Negeri Perlis atau yang berdekatan.

**Pada keseluruhannya, penubuhan dan pengurusan Sekolah oleh Yayasan adalah berlandaskan kepada dasar yang telah ditetapkan. Pelajar Sekolah didapati telah diberi pendidikan mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Kelas Fardu Ain pula adalah berlandaskan kepada fahaman Sunnah Wal Jamaah.**

### **34.2.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Di awal penubuhan Sekolah, semakan Audit mendapati ia selaras dengan Enakmen Bil. 5 Tahun 1989 iaitu Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri Perlis. Antara kehendak Enakmen yang dipatuhi ialah berkenaan pendaftaran Sekolah dan pelantikan Nazir Sekolah Islam.

Pada tahun 1996, Kerajaan Persekutuan telah menggubal Akta Pendidikan untuk dipatuhi oleh semua institusi pendidikan. Antara ketetapan perundangan yang perlu dipatuhi oleh Yayasan mengurus Sekolah adalah:

- a) Seksyen 73 Akta Pendidikan 1996 menghendaki semua Institusi Pendidikan Swasta ditubuhkan dengan mematuhi peruntukan Akta ini. Semakan Audit mendapati semua Sekolah tidak mematuhi sepenuhnya kehendak Akta yang berkuat kuasa. Ia

terutamanya berkenaan dengan pendaftaran Sekolah (Sekolah III) serta peraturan tambahan yang disediakan oleh Menteri seperti kemudahan pembelajaran.

- b) Seksyen 79 Akta Pendidikan 1996 menghendaki semua Institusi Pendidikan Swasta didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Permohonan hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar mengikut prosedur yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Sekolah I dan Sekolah II telah didaftarkan mengikut kehendak akta yang berkuat kuasa. Sekolah I dan Sekolah II telah diperbaharui pendaftarannya pada awal bulan Jun 2004 dan akhir bulan Mac 2004. Perakuan pendaftaran tersebut luput pada akhir bulan Mac 2009. Bagaimanapun, Sekolah III masih belum didaftarkan dan nyata tidak mematuhi kehendak Akta yang berkuat kuasa. Semasa Mesyuarat Pengajian Yayasan Islam Perlis Bil. 1 Tahun 2004, Yayasan dilaporkan sedang membuat permohonan semula untuk mendaftarkan Sekolah III.
- c) Seksyen 53 Akta Pendidikan 1996 menghendaki Institusi Pendidikan Swasta diurus oleh seorang Pengerusi dan Ahli Lembaga. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengelola yang terdiri daripada Pengerusi dan Ahli Lembaga tidak pernah dilantik dan ditubuhkan oleh Yayasan. Pengurusan Sekolah diurus sepenuhnya oleh Yayasan menerusi Unit Pengajian yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah sahaja.
- d) Seksyen 55 Akta Pendidikan 1996 menghendaki semua Institusi Pendidikan Swasta diurus mengikut surat cara pengelolaan. Semakan Audit mendapati pengurusan Sekolah tidak berpandukan kepada surat cara pengelolaan disebabkan ia tidak disediakan. Segala pengurusan sekolah diuruskan sepenuhnya oleh Yayasan.
- e) Seksyen 88(1) Akta Pendidikan 1996 menghendaki semua Ahli Lembaga Pengelola dan pekerja sesuatu institusi pendidikan didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Semakan Audit mendapati semua tenaga pengajar dan kakitangan Sekolah telah didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia selaras dengan peruntukan undang-undang.
- f) Seksyen 86(1) Akta Pendidikan 1996 melarang sebarang bentuk pengiklanan oleh institusi yang belum didaftarkan. Semakan Audit mendapati Sekolah III yang masih belum didaftarkan telah membuat promosi pengambilan pelajar baru dengan meletakkan sebuah iklan berbentuk kain rentang di luar pagar sekolah bagi sesi pengambilan pelajar baru tahun 2005. Perkara ini jelas bertentangan dengan Akta yang berkuat kuasa.
- g) Seksyen 99 Akta Pendidikan 1996 menghendaki pemeriksaan dilakukan dari semasa ke semasa ke atas institusi pendidikan yang didaftar untuk memastikan sama ada peraturan di bawah Akta ini telah dan sedang di patuhi. Semakan Audit mendapati pegawai dari Unit Pendidikan Swasta, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis ada mengadakan lawatan dari semasa ke semasa berdasarkan catatan di Buku Lawatan. Bagaimanapun, tiada sebarang laporan dikemukakan oleh pihak tersebut kepada pengurusan Sekolah hasil daripada lawatan yang telah dibuat. Yayasan perlu memohon kepada Ketua Pendaftar untuk memperolehi laporan daripada

pemeriksaan yang telah dibuat untuk membantu Yayasan memperbaiki kelemahan yang ada.

**Enakmen Bil. 5 Tahun 1989 dan Akta Pendidikan 1996 telah dikeluarkan bagi memastikan semua institusi pendidikan memberi kemudahan yang terbaik kepada pelajar untuk menuntut ilmu pengetahuan. Beberapa kehendak Akta yang tidak dipatuhi oleh Yayasan terutamanya berkenaan pendaftaran Sekolah III, penyediaan surat cara pengelolaan, Lembaga Pengelola, pengiklanan dan kemudahan yang disediakan di Sekolah perlu diperbetulkan dengan segera.**

#### **34.2.3 Pemilihan Lokasi Dan Pembinaan Sekolah**

Yayasan telah membuka Sekolah yang pertama pada awal bulan Disember 1993 dengan menggunakan bangunan lama Maahad Tahfiz, Km 2, Jalan Abi Tok Hashim, Kangar, Perlis. Pemeriksaan Audit mendapati pembinaan bangunan baru Sekolah I yang dirancang oleh Yayasan pada tahun 1993 telah siap sepenuhnya pada tahun 2002. Bangunan Sekolah ini dibina bersempadan dengan tapak Maahad Tahfiz dengan kos pembinaan berjumlah RM1.54 juta. Antara kemudahan yang disediakan ialah bangunan sekolah 3 tingkat, tandas, dewan makan, kantin sekolah, padang letak kereta, landskap serta laluan keluar dan masuk. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati Yayasan tidak menyediakan bangunan asrama dan padang bola seperti yang dirancang sebelum ini. Bangunan Sekolah yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 3**.

**Foto 3**  
**Bangunan Sekolah Rendah Islam I**  
**KM 2, Jalan Abi Tok Hashim Kangar, Perlis**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 26 Oktober 2004  
Lokasi : Sekolah Rendah Islam I*

Selain itu, sejumlah 2 buah Sekolah lagi telah dibuka oleh Yayasan iaitu Sekolah II di FELDA Mata Ayer pada awal bulan Januari 1997 dan Sekolah III di FELDA Chuping pada awal bulan Februari 1998. Ia adalah bangunan milik FELDA yang dijadikan sekolah. Pihak Audit berpendapat bangunan tersebut tidak sesuai dijadikan bilik darjah. Lawatan Audit ke Sekolah II di FELDA Mata Ayer mendapati semua bangunan sekolah beratapkan zing. Lawatan Audit ke Sekolah III di FELDA Chuping pula mendapati ada sebuah bangunan bilik darjah beratapkan zing dan tidak mempunyai siling. Pelajar akan berasa kurang selesa dan panas menjelang waktu tengah hari. **Foto 4 dan Foto 5** menunjukkan keadaan bilik darjah Sekolah yang dimaksudkan.

**Foto 4**  
**Keadaan Bilik Darjah Sekolah Rendah Islam II**  
**FELDA Mata Ayer, Padang Besar, Perlis**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Lokasi : Sekolah Rendah Islam II

**Foto 5**  
**Bangunan Bilik Darjah Sekolah Rendah Islam III**  
**FELDA Chuping, Chuping, Perlis**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Lokasi : Sekolah Rendah Islam III

Pada pendapat Audit, Yayasan telah berjaya dalam misinya untuk menaik tarafkan Sekolah I dengan membina sebuah bangunan 3 tingkat di tapak baru bersebelahan dengan Maahad Tahfiz. Selain itu, pembukaan 2 buah Sekolah di FELDA Mata Ayer dan FELDA Chuping memperlihatkan kesungguhan Yayasan untuk menyediakan pusat pembelajaran kepada penduduk Negeri Perlis. Bagaimanapun, penempatan pelajar Sekolah II dan Sekolah III di bangunan lama perlu diberi perhatian dari aspek keselamatan serta keselesaan untuk belajar.

#### **34.2.4 Pengambilan Pelajar**

Di awal perancangan, pelajar yang diambil belajar di Sekolah adalah diutamakan kepada mereka yang pernah mengikuti Tadika Aliran Islam serta waris atau ibu bapa yang tinggal dalam Negeri Perlis. Pemeriksaan Audit mendapati jumlah keseluruhan pelajar di Sekolah I pada tahun 2002 hingga 2004 berkurangan dari 358 menjadi 352 dan seterusnya 317 orang. Begitu juga dengan Sekolah II dari 95 menjadi 72 dan seterusnya 56 orang. Bagaimanapun, jumlah pelajar Sekolah III telah meningkat 135 orang pada tahun 2003 berbanding 125 orang pada tahun 2002, tetapi telah menurun menjadi 117 orang pada tahun 2004. Semakan Audit mendapati disebabkan permohonan kemasukan pelajar ke Sekolah tidak mendapat sambutan yang menggalakkan, Yayasan telah melonggarkan syarat pengambilan pelajarnya. Mereka yang tidak pernah mengikuti Tadika Aliran Islam juga dibenarkan menuntut di Sekolah. Pada masa ini, kesemua waris dan ibu bapa pelajar adalah tinggal di Negeri Perlis. Bilangan pelajar Sekolah pada tahun 2002 hingga tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Bilangan Pelajar Sekolah Rendah Islam**  
**Bagi Tahun 2002 Hingga 2004**

Kelas	Sekolah I			Sekolah II			Sekolah III		
	2002	2003	2004	2002	2003	2004	2002	2003	2004
Darjah 1	53	63	63	18	8	12	24	20	24
Darjah 2	65	64	59	17	17	6	16	25	18
Darjah 3	48	62	57	14	12	11	26	16	21
Darjah 4	49	46	54	11	10	13	29	26	12
Darjah 5	69	45	41	16	8	7	30	25	21
Darjah 6	74	72	43	19	17	7	-	23	21
<b>Jumlah</b>	<b>358</b>	<b>352</b>	<b>317</b>	<b>95</b>	<b>72</b>	<b>56</b>	<b>125</b>	<b>135</b>	<b>117</b>

Sumber : Senarai Pelajar Sekolah Rendah Islam

Pada pendapat Audit, pengambilan pelajar Sekolah adalah memuaskan.

### 34.2.5 Kemudahan Infrastruktur Pembelajaran

Beberapa kemudahan asas pembelajaran yang dirancang oleh Yayasan seperti bilik darjah, perabot dan tandas ada disediakan kepada pelajar. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ada beberapa kemudahan asas lain tidak disediakan oleh Yayasan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 44**.

**Jadual 44**  
**Kemudahan Asas Pembelajaran Yang Disediakan**  
**Oleh Yayasan Islam Perlis**

Kemudahan	Sekolah I	Sekolah II	Sekolah III
Bilik Perpustakaan	/	x	x
Bilik Komputer	x	x	x
Makmal Sains	x	x	x
Bilik Kemahiran Hidup	x	x	x
Pusat Sumber Sekolah	/	x	x
Bilik Penolong Kanan	/	x	x
Bilik Guru Besar	/	x	/
Bilik Pengawas	/	x	x
Dewan Sekolah	/	x	x

*Sumber : Rekod Yayasan Islam Perlis*

*Nota : / - Disediakan*

*x - Tidak Disediakan*

Mengikut Peraturan 8 Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997, pihak pengurusan hendaklah memastikan setiap ruang dan saiz bilik darjah adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar. Setiap kemudahan dan kelengkapan dalam bilik darjah hendaklah mencukupi dan memuaskan. Lawatan Audit ke Sekolah I mendapati keadaan bilik darjah serta kemudahan di dalamnya adalah memuaskan. Ini disebabkan ia merupakan bangunan baru. Berbanding di Sekolah II dan Sekolah III pula, adalah didapati bilik darjah yang disediakan kurang memuaskan. Ia disebabkan bangunan sekolah tersebut merupakan bangunan lama yang berusia antara 30 hingga 40 tahun. **Foto 6** menunjukkan struktur bangunan diperbuat daripada kayu dan telah uzur.

**Foto 6**  
**Bilik Darjah Sekolah Rendah Islam II**  
**FELDA Mata Ayer, Padang Besar, Perlis**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Sekolah Rendah Islam II

Mengikut Peraturan 9, Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997, Pengurus hendaklah memastikan bahawa kemudahan rekreasi, dewan makan dan tandas adalah bersih, mencukupi dan memuaskan. Lawatan Audit ke semua Sekolah mendapati padang permainan untuk rekreasi dan bersukan tidak disediakan. Di Sekolah III pula tidak mempunyai kemudahan kantin. Tandas yang disediakan adalah tidak memuaskan kerana ia berlantaikan simen biasa serta menggunakan sistem tandas curah.

**Pihak Audit berpendapat kemudahan asas pembelajaran yang disediakan Yayasan boleh dipertingkatkan dengan memastikan kemudahan adalah mencukupi dan sesuai digunakan. Kemudahan pembelajaran di Sekolah II dan Sekolah III perlu diperbaiki terutamanya dari segi struktur bangunan sekolah dan bilik darjah.**

#### **34.2.6 Peralatan Pembelajaran**

Kemudahan asas perbelanjaan berbentuk peralatan juga perlu disediakan oleh Yayasan. Kemudahan tersebut seperti peralatan sains, Kajian Tempatan, Jasmani, Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni dan Pendidikan Muzik. Semakan Audit mendapati Yayasan ada menyediakan peralatan tersebut tetapi jumlahnya adalah terhad. **Foto 7** menunjukkan peralatan makmal sains di Sekolah I, Jalan Abi Tok Hashim, Kangar, Perlis.

**Foto 7**  
**Peralatan Makmal Sains Sekolah Rendah Islam I**  
**Jalan Abi Tok Hashim, Kangar**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Sekolah Rendah Islam I

**Pada pendapat Audit, bilangan peralatan makmal yang disediakan adalah kurang dan tidak mencukupi. Yayasan perlu memastikan jumlah peralatan yang disediakan cukup untuk kegunaan semua pelajarnya.**

#### **34.2.7 Kaedah Pembelajaran**

Semakan Audit mendapati pelajar Sekolah telah disediakan dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang diamalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum Kelas Fardu Ain pula diperolehi daripada Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Buku teks pelajar Sekolah menggunakan edisi yang diguna pakai oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perlis.

Seksyen 74 Akta Pendidikan 1996 menghendaki Institusi Pendidikan Swasta yang menyediakan pendidikan rendah atau menengah atau keduanya hendaklah mematuhi kehendak Kurikulum Kebangsaan dan hendaklah menyediakan murid bagi peperiksaan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati semua Sekolah telah mematuhi peraturan ini dengan baik. Setiap pelajar telah diberikan kurikulum pendidikan yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu berpandukan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang terkini selaras dengan Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.

Semakan Audit mendapati semua Sekolah ada menyediakan Laporan Aktiviti Tahunan dalam bentuk Takwim Aktiviti Sekolah pada setiap tahun. Ia membantu guru dan pelajar menjalankan aktiviti tahunan mereka secara sistematik. Antara aktiviti tahunan yang dirancang oleh Sekolah adalah kelas tambahan untuk pelajar UPSR, perjumpaan bersama Guru Panitia, ceramah, lawatan sambil belajar, sambutan Hari Guru, bacaan Surah Yasin, solat hajat, perkhemahan sehari Puteri Islam dan sukan tahunan.

**Pada pendapat Audit, Yayasan telah memastikan setiap pelajar di Sekolah diajar dengan kaedah pembelajaran yang berpandukan Kurikulum Baru Sekolah Rendah.**

#### **34.2.8 Guna Tenaga Dan Latihan**

Berdasarkan kepada Daftar Perjawatan Sekolah Tahun 2004, Yayasan memiliki 75 orang kakitangan Sekolah yang terdiri daripada 66 orang guru dan 9 orang kakitangan bukan guru. Pengambilan guru dan kakitangan Sekolah adalah mengikut syarat perkhidmatan kontrak kerajaan iaitu sama ada secara sementara atau sambilan. Semakan Audit mendapati Yayasan telah mematuhi syarat yang telah ditetapkan sebelum ini. Semua guru yang dilantik mempunyai kelayakan sama ada Sijil Pelajaran Malaysia, diploma atau ijazah. Bayaran gaji dan elaun adalah mengikut seperti yang ditawarkan oleh Yayasan. Gaji guru dan kakitangan Sekolah adalah diselenggarakan dan dibuat pembayaran sepenuhnya oleh Yayasan. Yayasan juga telah melantik seorang Guru Besar dan seorang Penolong Kanan untuk pengurusan pentadbiran di setiap Sekolah. Bilangan guru dan kakitangan bukan guru Sekolah pada tahun 2002 hingga 2004 adalah seperti di **Jadual 45.**

**Jadual 45**  
**Bilangan Guru Dan Kakitangan Bukan Guru**  
**Sekolah Rendah Islam Tahun 2002 Hingga 2004**

TAHUN	Sekolah I		Sekolah II		Sekolah III	
	Guru	Kakitangan Bukan Guru	Guru	Kakitangan Bukan Guru	Guru	Kakitangan Bukan Guru
2002	38	5	13	2	14	2
2003	39	5	14	2	14	2
2004	38	5	14	2	14	2

*Sumber : Daftar Perjawatan Sekolah Rendah Islam*

Semakan Audit terhadap sistem bayaran gaji mendapati Yayasan melantik dan menawarkan guru dengan gaji permulaan RM1,525.00 satu bulan disebabkan mereka terdiri daripada guru pencen sekolah kebangsaan. Kini, kebanyakan guru pencen tersebut telah berhenti dan digantikan dengan guru baru yang belum pernah mengikuti kursus perguruan. Tangga gaji yang ditawarkan oleh Yayasan adalah berdasarkan Skim Perkhidmatan Pendidikan, Sistem Saraan Baru iaitu pada Gred DB1, DB2 dan DG6.

Seksyen 114(1) Akta Pendidikan 1996 menghendaki semua tenaga pengajar mempunyai permit mengajar. Permohonan hendaklah dibuat melalui Kementerian Pelajaran Malaysia. Semakan Audit mendapati semua guru Sekolah ada mempunyai permit mengajar. Permit tersebut memberi kebenaran kepada seseorang individu untuk mengajar bagi satu tempoh masa yang ditetapkan. Permit tersebut telah diperbaharui oleh Yayasan setiap kali ia tamat tempoh.

Yayasan tidak membuat sebarang perancangan menyediakan latihan dan kursus kepada guru dan kakitangan Sekolah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada tahun 2002 hingga Jun 2004, lebih daripada 21 kursus telah dihadiri oleh guru-guru Sekolah yang dianjurkan sama ada oleh Yayasan, Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis dan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Antara kursus yang dihadiri adalah seperti berikut:

- a) Kursus Kurikulum Semakan Pendidikan Islam KBSM Dan KBSR 2002 Negeri Perlis;
- b) Kursus Orientasi Kurikulum Subjek Sains Dan Matematik Sekolah Rendah Tahun 4 KBSR Semakan 2002;
- c) Persidangan Kebangsaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah 2002;
- d) Kursus Orientasi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Semakan Kurikulum 2002 Tahun 1;
- e) Kursus Semakan Semula Kurikulum Bahasa Inggeris Tahun 2 Dan Tahun 5;
- f) Bengkel Pendedahan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Sekolah Rendah, dan
- g) Kursus Orientasi Kurikulum Yang Disemak Semula 2004 Subjek Matematik Tahun 3.

Pada pendapat Audit, jumlah guru dan kakitangan bukan guru Sekolah adalah mencukupi. Walaupun Yayasan tidak membuat perancangan berkenaan latihan dan kursus kepada guru yang dilantik, beberapa latihan yang dihadiri oleh mereka telah dapat meningkatkan kualiti pengajaran.

#### **34.2.9 Prestasi Pendapatan Dan Perbelanjaan**

Pendapatan Sekolah diperolehi daripada kutipan yuran, derma daripada orang ramai dan sumbangan daripada Yayasan Islam Perlis. Semakan Audit mendapati semua kutipan wang oleh Sekolah telah diserahkan kepada Yayasan untuk diakaunkan. Kutipan yuran daripada pelajar adalah mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Yayasan. Perbelanjaan Sekolah terdiri daripada gaji dan elauan kakitangan, makanan pelajar, bekalan pejabat, bayaran perkhidmatan, perhubungan dan sebagainya. Pendapatan dan perbelanjaan Sekolah pada tahun 2002 hingga Oktober 2004 adalah seperti di **Jadual 46**.

**Jadual 46**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Sekolah Rendah Islam**  
**Tahun 2002 Hingga Oktober 2004**

TAHUN	Sekolah I		Sekolah II		Sekolah III	
	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2002	351,590	674,777	41,703	171,950	48,448	188,954
2003	342,385	724,263	40,428	135,881	35,496	159,318
Sehingga Oktober 2004	229,116	565,524	25,124	155,368	40,234	206,700

Sumber : Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Sekolah Tahun 2002 Hingga Oktober 2004.

Adalah didapati Yayasan hanya menyediakan Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Sekolah setakat bulan Oktober 2004 sahaja. Pegawai yang bertanggungjawab telah bertukar kerja dan pengantinya tidak menyediakannya disebabkan kekurangan dokumen sokongan. Berdasarkan kedudukan kewangan, pihak Audit mendapati Yayasan menghadapi masalah kewangan yang serius dalam mengurus Sekolah. Pada tahun 2002 dan 2003, Yayasan mengalami defisit sejumlah RM593,940 dan RM601,153. Sehingga bulan Oktober 2004, defisit tahunan telah meningkat menjadi RM633,118. Kekurangan pendapatan berbanding perbelanjaan ini ditanggung oleh Yayasan melalui pinjaman yang dibuat sama ada daripada Kerajaan Negeri Perlis ataupun pihak bank. Keadaan ini menyebabkan guru serta kakitangan Sekolah sering lewat menerima gaji pada setiap bulan. Kegagalan Yayasan mencari alternatif meningkatkan sumber pendapatan boleh memudaratkan kemudahan yang diberikan kepada pelajar.

Selain itu, potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Biro Perkhidmatan Angkasa ada dibuat ke atas gaji guru dan kakitangan Sekolah. Bagaimanapun ia tidak diserahkan kepada Agensi berkenaan. Perkara ini telah berlarutan antara 2 hingga 3 tahun. Jika ia berterusan berlaku, Yayasan boleh diambil tindakan undang-undang kerana gagal mematuhi akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kelewatan membuat bayaran kepada Biro Perkhidmatan Angkasa juga boleh menyebabkan individu yang terbabit dikenakan faedah kerana lewat membuat pembayaran.

**Pada pendapat Audit, Yayasan menghadapi masalah kewangan yang serius untuk menguruskan Sekolah. Sumber pendapatan yang terhad memaksa Yayasan mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Negeri Perlis terutamanya untuk membayar gaji guru dan kakitangannya. Yayasan disaran berbincang dengan Kerajaan Negeri Perlis untuk mendapatkan geran tahunan secara tetap bagi membiayai perbelanjaan tahunan Sekolah.**

#### **34.2.10 Pengurusan Rekod Kewangan**

Pengurusan rekod kewangan Sekolah dan rekod lain perlu dibuat dengan mematuhi Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa bagi memastikan ia diselenggarakan dengan baik dan kemas kini.

##### **a) Rekod Perakaunan**

Semakan Audit terhadap pengurusan rekod perakaunan sekolah mendapati perkara berikut:

- i) Setiap terimaan wang iaitu yuran persekolahan, yuran makan dan sumbangan telah dikeluarkan resit rasmi dan telah didaftarkan.
- ii) Semua Sekolah tidak menyelenggarakan Daftar Borang Hasil.
- iii) Daftar Akaun Belum Terima tidak pernah diselenggarakan.
- iv) Daftar Pembayaran dan Daftar Bil telah diselenggarakan dengan baik.

##### **b) Rekod Pelajar**

Semakan Audit mendapati semua Sekolah ada menyelenggarakan Daftar Rekod Pelajar dengan memuaskan. Antara butiran yang dicatat di daftar tersebut ialah nama pelajar, nama penjaga, alamat, nombor surat beranak, tarikh lahir dan nombor telefon.

##### **c) Penyediaan Akaun Tahunan**

Peraturan 18 Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 menghendaki setiap Institusi Pendidikan Swasta menyediakan penyata kewangan tahunan yang berakhir pada 31 Disember bagi setiap tahun. Ia juga mestilah diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah dan satu salinan laporan Audit perlu dikemukakan kepada Ketua Pendaftar tidak lewat daripada 30 Jun tahun berikutnya. Semakan

Audit mendapati Yayasan ada menyediakan penyata kewangan tahunan bagi semua Sekolah. Bagaimanapun, penyata kewangan tersebut tidak pernah diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah. Ia jelas tidak mematuhi dengan kehendak Peraturan Pendidikan 1997.

**Pada pendapat Audit, pengurusan rekod perakaunan boleh diperbaiki lagi terutamanya berkenaan kawalan hasil dan penyediaan penyata kewangan. Semua buku resit hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan berkunci serta dicatat di Daftar Borang Hasil. Penyata kewangan yang telah disediakan hendaklah diaudit dan satu laporan berkenaan dikemukakan kepada Ketua Pendaftar.**

#### 34.2.11 Pencapaian Akademik

Analisis telah dibuat terhadap keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2003 dan 2004 bagi Sekolah I, Sekolah II dan Sekolah III. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 47** dan **Jadual 48**.

**Jadual 47**  
**Keputusan UPSR Antara Sekolah**  
**Tahun 2003**

Pangkat	Bahasa Melayu Kefahaman			Bahasa Melayu Penulisan			Bahasa Inggeris			Matematik			Sains		
	S I	S II	S III	S I	S II	S III	S I	S II	S III	S I	S II	S III	S I	S II	S III
A	51	7	19	47	14	21	18	0	1	32	10	7	15	1	3
B	9	7	4	17	3	2	20	4	12	20	3	10	34	10	10
C	8	3	0	5	0	0	22	11	10	10	4	6	15	6	10
D	2	0	0	1	0	0	6	2	0	7	0	0	2	0	0
E	2	0	0	2	0	0	6	0	0	3	0	0	6	0	0
Jumlah Pelajar	72	17	23	72	17	23	72	17	23	72	17	23	72	17	23

Sumber : Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Nota : S I - Sekolah Rendah Islam I  
 S II - Sekolah Rendah Islam II  
 S III - Sekolah Rendah Islam III

**Jadual 48**  
**Perbandingan Keputusan UPSR Antara Sekolah**  
**Tahun 2004**

Pangkat	Bahasa Melayu Kefahaman			Bahasa Melayu Penulisan			Bahasa Inggeris			Matematik			Sains		
	S I	S II	S III	S I	S II	S III	S I	S II	S III	S I	S II	S III	S I	S II	S III
A	31	4	15	34	7	20	3	0	1	21	4	10	9	3	2
B	6	3	3	8	0	0	16	4	4	11	3	6	25	4	13
C	5	0	3	0	0	1	19	3	11	10	0	5	9	0	6
D	1	0	0	0	0	0	1	0	3	1	0	0	0	0	0
E	0	0	0	1	0	0	4	0	2	0	0	0	0	0	0
Jumlah Pelajar	43	7	21	43	7	21	43	7	21	43	7	21	43	7	21

*Sumber : Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.*

Pada keseluruhannya, pencapaian UPSR pelajar Sekolah berkenaan adalah baik terutamanya mata pelajaran Bahasa Melayu. Peratus pelajar memperoleh pangkat A mata pelajaran Bahasa Melayu melebihi 50%. Bagaimanapun, pihak Yayasan dan Sekolah perlu meningkatkan prestasi pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains kerana jumlah pelajar yang memperoleh pangkat A adalah kurang daripada 50%. Pada tahun 2004, hanya 4 orang pelajar Sekolah memperolehi pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris daripada keseluruhan pelajar berjumlah 71 orang. Bagi mata pelajaran Matematik dan Sains, hanya 35 dan 14 orang yang memperolehi pangkat A. Pihak Audit juga mendapati keputusan peperiksaan UPSR pelajar di Sekolah I adalah lebih baik berbanding pelajar dari Sekolah II dan Sekolah III. Ia berdasarkan kepada peratusan pelajar yang memperolehi keputusan pangkat A bagi mata pelajaran yang diambil.

Keputusan peperiksaan UPSR yang diperolehi oleh pelajar di semua Sekolah pada tahun 2001 hingga 2004 adalah seperti di **Jadual 49**.

**Jadual 49**  
**Keputusan Peperiksaan UPSR Sekolah Rendah Islam**  
**Tahun 2001 Hingga 2004**

Keputusan UPSR	2002			2003			2004		
	S I	S II	S III	S I	S II	S III	S I	S II	S III
5A	6	-	-	9	-	-	2	-	-
4A	11	-	-	12	-	4	7	3	3
3A	11	2	-	9	6	3	11	1	6

Sumber : Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Daripada statistik di atas, keputusan yang diperolehi oleh Sekolah I dalam UPSR bolehlah dibanggakan. Pada tahun 2003, sejumlah 9 orang pelajar telah memperolehi keputusan 5A bagi setiap mata pelajaran yang diambil berbanding 6 orang pada tahun 2002. Bagaimanapun, pada tahun 2004, jumlah tersebut telah menurun menjadi 2 orang. Pihak Audit mendapati pengurangan ini disebabkan pelajar gagal memperolehi pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Berbanding di Sekolah II dan Sekolah III, pihak Audit mendapati tidak ada seorang pelajar pun yang memperolehi keputusan 5A dalam UPSR pada tahun 2002 hingga 2004. Pihak pengurusan disarankan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Yayasan disaran mengkaji pencapaian pelajar yang rendah khususnya di Sekolah II dan Sekolah III untuk mencari punca dan seterusnya mengadakan perancangan yang lebih teliti untuk meningkatkan mutu dan kualiti pembelajaran.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat prestasi Sekolah boleh dipertingkatkan sekiranya Yayasan mempunyai cukup peruntukan untuk menyediakan pelajarnya dengan kemudahan pembelajaran seperti yang diperolehi pelajar lain di sekolah kebangsaan. Kerajaan Negeri diharap dapat memberi bantuan dalam bentuk kewangan kepada Yayasan supaya dapat menguruskan Sekolah dengan lebih cekap lagi untuk manfaat pelajarnya.

### 34.3 PEMANTAUAN

Sistem pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan sesuatu aktiviti atau projek mencapai matlamatnya serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pemantauan oleh pihak tertentu amat penting bagi memastikan perjalanan dan pengurusan Sekolah Rendah Islam dibuat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### **34.3.1 Jemaah Naziran Dalaman**

Mesyuarat Ahli Majlis Pengajian yang diadakan pada akhir bulan Februari 2002 telah memutuskan untuk menubuhkan Jemaah Nazir Dalaman Yayasan. Adalah didapati Yayasan telah menubuhkan Jemaah Nazir Dalaman pada tahun 2004 yang dianggotai oleh seramai 11 orang. Semakan Audit terhadap fail-fail yang berkaitan mendapati sejak ia ditubuhkan, tiada sebarang pemantauan dibuat oleh Jemaah Naziran ini terhadap pengurusan Sekolah. Kegagalan Jemaah Naziran menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan menyebabkan Yayasan tidak mempunyai suatu badan bebas membuat pemantauan untuk memastikan pelajar Sekolah diberikan pendidikan akademik yang terbaik.

**Pihak Audit berpendapat Jemaah Nazir Dalaman perlu membuat pemantauan bagi memastikan Sekolah mengikut arahan dan peraturan yang berkuat kuasa.**

#### **34.3.2 Jabatan Pelajaran Negeri Perlis – Unit Pendidikan Swasta**

Mengikut Seksyen 99 Akta Pendidikan 1996, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis menerusi Unit Pendidikan Swasta hendaklah membuat lawatan dan pemeriksaan terhadap institusi pendidikan yang berdaftar. Semakan Audit mendapati Unit ini ada membuat lawatan dari masa ke semasa. Bagaimanapun, tiada sebarang laporan yang dikemukakan kepada Yayasan mahupun Sekolah hasil daripada lawatan dan pemerhatian yang dibuat.

#### **34.3.3 Pemeriksaan Kesihatan Dan Keselamatan Oleh Agensi Kerajaan**

Pemeriksaan berkala terhadap keselamatan premis serta kesihatan pelajar perlu dibuat bagi memastikan premis adalah selamat untuk diduduki dan kesihatan pelajar terpelihara. Semakan Audit mendapati agensi Kerajaan seperti Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba ada membuat pemeriksaan berkala ke atas pelajar dan juga premis sekolah. Bagaimanapun, pemantauan ke atas kebersihan premis yang menjadi tanggungjawab Majlis Perbandaran Kangar tidak pernah dibuat.

**Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pemantauan oleh beberapa pihak adalah memuaskan. Yayasan hendaklah memastikan supaya Jemaah Naziran Dalaman menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan.**

### **35. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan Sekolah Rendah Islam oleh Yayasan Islam Perlis adalah baik. Yayasan telah mematuhi sebahagian besar kehendak Akta Pendidikan 1996 serta peraturan yang dikeluarkan oleh Menteri. Bagi meningkatkan lagi prestasi Sekolah Rendah Islam, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut untuk pertimbangan Yayasan:

- a) Memberi latihan yang secukupnya kepada guru-guru terutamanya berkenaan teknik pengajaran dan pembelajaran yang terkini;
- b) Membina bangunan baru bagi menggantikan bangunan sekolah yang tidak sesuai untuk digunakan;
- c) Meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis dan Sekolah Kebangsaan lain;
- d) Penggabungan sekolah menjadikan hanya ada sebuah Sekolah sahaja di Negeri Perlis. Ia membantu Yayasan menyediakan kemudahan infrastruktur dan pemantauan yang lebih baik dan berkesan; dan
- e) Menyediakan asrama kepada pelajar yang memerlukannya jika sekiranya penggabungan sekolah dibuat oleh Yayasan.

## ***BAHAGIAN V***

### ***PERKARA AM***

**BAHAGIAN V  
PERKARA AM**

**36. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Laporan pemeriksaan tersebut dinyatakan di Bahagian ini di bawah tajuk berikut :

**36.1 Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003.**

**36.2 Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum selesai.**

**37. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2003**

**37.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN DAN AGENSI**

**37.1.1 Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan**

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 3 Jabatan di Negeri Perlis terdiri daripada Jabatan Tanah Dan Galian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Mufti. Beberapa kelemahan telah dilaporkan berkaitan dengan kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset.

**Kedudukan Masa Kini**

Berdasarkan penerangan dan jawapan yang diberi oleh Jabatan terlibat, tindakan telah diambil untuk menyelenggara dan mengemas kini semua rekod kewangan supaya lengkap dan teratur. Kelemahan yang dibangkitkan akan diperbaiki dan tindakan yang sewajarnya diambil.

**37.1.2 Pengurusan Kewangan Di Peringkat Agensi**

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 2 Agensi iaitu Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar. Beberapa kelemahan telah dilaporkan berkaitan dengan kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset.

### **Kedudukan Masa Kini**

Berdasarkan semakan susulan yang dijalankan oleh pihak Audit, Agensi sedang menyelenggara dan mengemas kini semua rekod kewangan supaya lengkap dan teratur mengikut kehendak pekeliling yang berkuat kuasa.

## **37.2 AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

### **37.2.1 JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERLIS**

#### **Program Penyelenggaraan Jalan Negeri**

Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan jalan Negeri. Pada tahun 2003 panjang jalan Negeri adalah 368.8 kilometer. Kerja penyelenggaraan jalan terbahagi kepada 2 kategori iaitu penyelenggaraan berkala yang melibatkan penurapan semula dan penyelenggaraan biasa. Kerja penurapan permukaan jalan dibuat oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan manakala kerja penyelenggaraan kecil dibuat oleh pekerja Jabatan atau kontraktor lain. Daripada peruntukan berjumlah RM13.64 juta Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM13.23 juta pada tahun 2001 hingga 2003. Kajian Audit mendapati jalan yang diturap semula tidak mengikut perancangan asal. Pencapaian Jabatan boleh dipertingkatkan sekiranya Jabatan menurap semula jalan yang telah dirancang. Selain itu rekod jalan yang telah diturap semula tidak disediakan bagi membolehkan pemilihan jalan yang hendak diturap semula dibuat dengan berkesan. Daftar aduan kerosakan jalan juga tidak diselenggarakan dengan sempurna.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak Jabatan Kerja Raya telah mengambil tindakan memastikan segala *pothole* ditampal dengan segera apabila diketahui atau mendapat aduan daripada orang ramai. Namun Jabatan tidak dapat melaksanakan kerja menurap semula jalan bagi jalan yang dirancang pada tahun 2004. Jabatan boleh mempertingkat dan memperkemas lagi pelaksanaan penurapan semula jalan mengikut sebagaimana yang telah dirancang dan menentukan sumber digunakan sebaik mungkin. Walaupun begitu Jabatan telah mengambil tindakan menyediakan rekod jalan yang diturap semula meliputi tempoh tahun 1994 hingga 2004. Selain itu, daftar aduan yang diselenggara oleh Jabatan boleh digunakan dengan berkesan sekiranya butiran seperti respons atau tindakan yang diambil terhadap sesuatu aduan dicatatkan di daftar tersebut.

### **37.2.2 UNIT PENTADBIRAN DAERAH**

#### **Projek Pembinaan Dan Pengurusan Gerai Perniagaan**

Gerai yang dibina adalah merupakan aset kerajaan dan menjadi tanggungjawab Unit Pentadbiran Daerah untuk mengawal aset kerajaan. Kawalan yang berkesan adalah melalui penyediaan Daftar Aset untuk merekodkan maklumat penting aset seperti jenis aset, nilai aset, lokasi dan nombor kawalan. Butiran lain juga boleh dicatat mengikut kesesuaian. Pemeriksaan Audit mendapati Unit Pentadbiran Daerah tidak menyediakan

Daftar Gerai bagi merekodkan semua gerai yang tertakluk di bawah kawalannya. Mesyuarat Wakil Rakyat pada bulan September 2003 telah memutuskan supaya gerai yang telah ditawarkan kepada penyewa tetapi tidak beroperasi sehingga bulan Oktober 2003 hendaklah ditarik balik dan ditawarkan kepada peniaga lain. Pemohon yang berjaya dipilih akan diberi surat tawaran dan jika bersetuju dikehendaki menandatangani surat perjanjian sewa gerai. Perjanjian sewa gerai itu akan tamat pada akhir tahun dan perlu diperbaharui setiap tahun. Semakan Audit terhadap surat tawaran kepada pemohon yang ditawarkan gerai mendapati seramai 5 penyewa belum menandatangani surat perjanjian penyewaan gerai dan 3 daripadanya telah menjalankan perniagaan. Selain itu mengikut surat perjanjian sewa gerai antara Unit Pentadbiran Daerah dengan penyewa, kegagalan penyewa menjelaskan sewa bulanan selama 3 bulan berturut-turut akan dikeluarkan Notis Tuggakan kepada penyewa. Selanjutnya jika penyewa masih gagal membuat bayaran, maka Pejabat Unit Pentadbiran Daerah akan mengeluarkan Notis Pengambilan Semula Gerai. Pemeriksaan Audit mendapati pihak Unit Pentadbiran Daerah hanya mengeluarkan Notis Tuggakan dan Notis Pengambilan Semula Gerai kepada 7 penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Surat notis telah dikeluarkan seperti mana di borang perjanjian. Manakala kelemahan lain yang dibangkitkan tidak diambil sebarang tindakan.

#### **37.2.3 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**

##### **Pengurusan Zakat Oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis**

Peraturan dan fatwa yang diterima pakai Majlis belum diisyiharkan dalam Warta Kerajaan seperti mana kehendak Fasal 135 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1963. Tanggungjawab amil yang dilantik perlu dinyatakan secara bertulis. Penyata Kutipan Zakat tidak pernah dibuat semakan oleh pegawai yang diberi kuasa untuk menentukan kesahihannya.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Penyata Kutipan Zakat tidak pernah dibuat semakan oleh pegawai yang diberi kuasa untuk menentukan kesahihannya.

#### **38. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI**

Semakan juga telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun lalu untuk menentukan kelemahan yang dilaporkan telah diambil tindakan pembetulan. Kedudukan terkini adalah seperti berikut :

## **TAHUN 2002**

### **38.1 PROGRAM HUTAN LIPUR DAN EKO-PELANCONGAN**

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM4.50 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan untuk Program Hutan Lipur Dan Eko-Pelancongan. Bagi tahun 2001 sejumlah RM0.97 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan berjumlah RM1 juta manakala bagi tahun 2002, sejumlah RM0.27 juta telah dibelanjakan berbanding peruntukan RM0.85 juta. Kebanyakan kerja yang dilaksanakan adalah berkaitan pembaikan kemudahan dan pembersihan kawasan hutan lipur dan eko-pelancongan serta projek berbentuk pembinaan kemudahan. Sebahagian besar kerja yang dirancang tidak dapat dilaksanakan disebabkan sebahagian peruntukan pembangunan yang diterima disalurkan untuk perbelanjaan mengurus bagi kerja penyelenggaraan dan pembersihan kawasan. Selain itu, kemudahan Hutan Lipur Bukit Kubu tidak diselenggarakan disebabkan masalah vandalisme. Pencapaian program ini tidak sepenuhnya seperti dirancang kerana sebahagian besar peruntukan dibelanjakan untuk kerja yang tidak dirancang. Selain itu, Kerajaan Negeri menyerahkan pengurusan Hutan Lipur Bukit Ayer kepada sebuah syarikat namun perjanjian tidak dimeterai.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Selain daripada pembinaan kemudahan, peruntukan pembangunan Program Hutan Lipur Dan Eko-Pelancongan ini pada tahun 2004 masih digunakan untuk kerja penyelenggaraan dan pembersihan kawasan. Mulai tahun 2003, kemudahan Hutan Lipur Bukit Kubu telah diselenggarakan di samping pembinaan kemudahan baru dan berterusan pada tahun 2004. Bagaimanapun, perjanjian masih belum ditandatangani sehingga akhir bulan Mac 2005 mengenai pengurusan Hutan Lipur Bukit Ayer dengan syarikat yang menguruskannya.

### **38.2 PROGRAM PEMULIHARAAN SUNGAI**

Program Pemuliharaan Sungai antara lain bermatlamat untuk menjaga kualiti sungai dan mengelakkan kejadian banjir. Bagi tahun 2001 dan 2002 masing-masing sejumlah RM0.95 juta dan RM0.85 juta telah diperuntukkan untuk program ini dan dari jumlah itu, sejumlah RM0.95 juta dan RM0.82 juta telah dibelanjakan. Adalah didapati kertas kerja Program Pemuliharaan Sungai sangat ringkas dan hanya mengandungi nama sungai yang perlu dipulihara. Manakala komponen kerja yang akan dilaksanakan iaitu berkenaan butiran panjang sungai yang perlu dikorek, kuantiti mendapan hendak dibuang dan panjang tebing sungai yang akan dipasang cerucuk tidak dinyatakan. Ia juga tidak menyatakan jadual masa pelaksanaan kerja pemuliharaan sungai dan peruntukan yang dipohon hanya berasaskan bilangan sungai. Selain itu, pemantauan terhadap kejadian hakisan sungai, pemendapan serta pencemaran sungai tidak dapat dilakukan dengan berkesan kerana

laporan keadaan sungai seperti kejadian hakisan tebing, pemendapan serta pencemaran sungai tidak disediakan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran tidak menyediakan Kertas Kerja yang lengkap untuk Bajet tahun 2004 mengenai Program Pemuliharaan Sungai. Antara maklumat penting yang tidak dimasukkan dalam laporan tersebut adalah mengenai ukuran panjang sungai. Bagaimanapun Jabatan telah memasukkan maklumat berkaitan dengan panjang sungai yang hendak dipulihara bagi bajet tahun 2005. Jadual masa pelaksanaan tidak disediakan. Selain itu laporan kejadian hakisan sungai, pemendapan dan selainnya yang berguna untuk kerja pemantauan telah dikumpulkan sehingga tahun 2004 untuk dimasukkan dalam laporan tahun 2005.

### **38.3 YAYASAN ISLAM PERLIS**

Pada tahun 2002, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Yayasan Islam Perlis. Beberapa kelemahan telah dilaporkan berkaitan dengan kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman serta pengurusan aset dan inventori.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Semua kelemahan dan ketidakpatuhan kepada arahan, peraturan dan pekeliling pengurusan kewangan yang berkuat kuasa masih belum diambil tindakan pembetulan oleh Yayasan. Ketidakpatuhan tersebut adalah perkara yang sama dan sering dibangkitkan oleh pihak Audit sebelum ini.

### **TAHUN 2001**

### **38.4 PENGURUSAN PROJEK AIR MINERAL**

Pada tahun 1997, Jabatan Kerja Raya telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan projek air mineral bermula dari peringkat perancangan hingga penjualan produk. Pelbagai peralatan bagi pengeluaran air mineral telah dibeli termasuklah botol, kotak kertas, perabot dan alat kelengkapan penapisan. Aktiviti penapisan air mineral ini dilakukan di sebuah kilang di Batu Bertangkup, Chuping dan dikendalikan oleh kakitangan Jabatan Kerja Raya sendiri.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan Kerja Raya telah menghentikan operasi pengeluaran air mineral sejak bulan Mac 2002. Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan untuk menawarkan konsesi kepada sebuah syarikat swasta untuk mengurus dan menjalankan operasi pengeluaran air mineral. Pada tahun 2003, tawaran telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut untuk

menguruskannya. Bagaimanapun, sehingga bulan Mac 2005, perjanjian konsesi masih belum ditandatangani dan syarikat tersebut belum memulakan operasi.

**39. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN**

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri Perlis hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan bagi tahun 2003 telah dibentangkan pada pertengahan bulan April 2005.

**40. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2004, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis tidak mengadakan sebarang mesyuarat. Pada 8 Ogos 2004 Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis yang baru telah dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Jawatankuasa ini hanya mengadakan mesyuarat yang pertama pada bulan Oktober 2004 bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Awam Negeri Perlis tahun 1998 hingga 2001 dan perkara lain berkaitan dengan isu semasa. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 50** Jawatankuasa belum membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002.

**Jadual 50**  
**Mesyuarat/Seminar/Lawatan Oleh Jawatankuasa**  
**Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis Pada Tahun 2004**

Bil.	Tarikh Mesyuarat	Perkara Dibincangkan
1.	25.10.2004	<p>Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perlis yang baru dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Perlis telah membincangkan dan menetapkan antaranya perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) <b>Membincangkan Laporan Kedua Audit Negara bagi tahun 1998 hingga 2001.</b></li> <li>ii) <b>Bengkel IKS Di Batu Bertangkup</b></li> </ul> <p>Mesyuarat meminta Pengarah Unit Pentadbiran Daerah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Kangar memberikan penjelasan mengenai penyewaan, tawaran kekosongan dan laporan keadaan fizikal 8 buah bengkel IKS di Batu Bertangkup yang belum disewakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii) <b>Pengurusan Kewangan Yayasan Islam Perlis</b></li> </ul> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Audit menyemak prosedur pengurusan kewangan di Yayasan Islam Perlis, isu mengambil alih kilang Perlis Ice Works Sdn. Bhd di Kuala Perlis dan kedudukan projek perumahan secara usaha sama dengan pemaju swasta oleh pihak Yayasan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iv) <b>Projek Perumahan Usaha sama Majlis Perbandaran Kangar di Padang Besar</b></li> </ul> <p>Jawatankuasa memutuskan Jabatan Audit menyemak kedudukan penjualan projek perumahan usaha sama dengan pihak Majlis Perbandaran Kangar.</p>
2.	2.12.2004	Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perlis telah menghadiri Seminar ' <i>On Legislative Process and Public Finance Management</i> ' di Dewan Undangan Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
3.	3.12.2004	Lawatan Kerja Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis ke Majlis Perbandaran Miri, Sarawak.

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

## **PENUTUP**

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya ada kemajuan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjaskas pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan tidak menitikberatkan aspek pemantauan secara berterusan semasa pelaksanaan projek dan selepas projek siap serta tidak menguatkuaskan peraturan dan syarat perjanjian yang telah ditetapkan.

Beberapa Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**20 Julai 2005**

**LAMPIRAN**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM  
KERAJAAN NEGERI PERLIS  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2004 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2004.

  
(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
20 Julai 2005**

**LAMPIRAN II**

KERAJAAN NEGERI PERLIS			
LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2004			
	Penyata	2004	2003
A	ASET	RM	RM
A	WANG TUNAI	9,869,294.25	566,691.82
B	PELABURAN	8,000,000.00	3,000,000.00
		17,869,294.25	3,566,691.82
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:			
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	(115,521,207.81)	(129,518,140.55)
D	AKAUN AMANAH DISATUKAN	133,390,502.06	133,084,832.37
E	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00
		17,869,294.25	3,566,691.82
Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata-penyata yang dikembarkan			
PERBENDAHARAAN NEGERI		BENDAHARI NEGERI	
<b>SAODAH BT. HASSAN</b> BENDAHARI NEGERI PERLIS		PEGAWAI KEWANGAN NEGERI <b>ISMAH BIN OSMAN</b> PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERLIS	

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2004**

Perihal	Nota	2004	2003
<b>ASET</b>			
F1 Pinjaman Boleh Tuntut (Sumber Negeri)	1.3	15,416,509.56	7,252,741.56
F1 Pinjaman Boleh Tuntut (Sumber Persekutuan)	1.3	19,423,688.14	18,856,841.62
H Tuggakan Hasil Negeri	1.3	20,915,311.59	19,748,898.29
<b>JUMLAH ASET</b>		55,755,509.29	45,858,481.47
<b>TANGGUNGAN</b>			
G Hutang Kerajaan Negeri	1.3	181,301,847.08	144,310,613.80
<b>JUMLAH TANGGUNGAN</b>		181,301,847.08	144,310,613.80

Lembaran Imbangan seperti ditunjukkan pada muka surat sebelah tidak termasuk jumlah di atas.

PERBENDAHARAAN NEGERI	<i>Sar!</i>	BENDAHARI NEGERI	<i>Anil Gun</i>	PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SAODAH BT. HASSAN				ISMAIL BIN OSMAN
BENDAHARI NEGERI				PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PERLIS				PERLIS

KERAJAAN NEGERI PERLIS					
<b>C PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN</b> <b>BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER,2004</b>					
Perihal	Belanjawan RM	2004		2003	
		Sebenar RM	Belanjawan %	Sebenar RM	Belanjawan %
BAKI PADA 1 JANUARI		-129,518,140.55		-112,980,607.85	
<b>C1 HASIL</b>					
Hasil Cukai	11,086,390.00	10,192,103.34	91.93	10,983,901.19	103.75
Hasil Bukan Cukai	18,926,550.00	32,095,360.42	169.58	21,879,666.48	114.03
Terimaan Bukan Hasil	22,712,060.00	38,972,229.10	171.59	32,228,159.48	182.12
Jumlah Hasil	52,725,000.00	81,259,692.86	154.12	65,091,727.15	137.12
<b>C2 PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	22,505,170.00	22,092,325.87	98.17	22,225,549.66	96.16
Perkhidmatan Dan Bekalan	25,565,057.00	24,908,849.69	97.43	22,238,233.37	93.22
Aset	1,291,598.00	1,220,805.82	94.52	4,146,697.46	78.28
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	62,113,061.00	18,929,295.34	30.48	32,815,507.36	52.13
Perbelanjaan Lain	300,000.00	111,483.40	37.16	203,272.00	57.55
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	111,774,886.00	67,262,760.12	60.18	81,629,259.85	70.63
Lebihan /(Kurangan) Bagi Tahun (C1-C2)	-59,049,886.00	13,996,932.74		-16,537,532.70	
BAKI PADA 31 DISEMBER		-115,521,207.81		-129,518,140.55	
PERBENDAHARAAN NEGERI	BENDAHARI NEGERI		PEGAWAI KEWANGAN NEGERI		

**PETA**

# PETA NEGERI PERLIS

